



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**NEGERI KEDAH
TAHUN 2003**



**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

| PERKARA | MUKA SURAT |
|--|-------------|
| KANDUNGAN | i |
| <u>KATA PENDAHULUAN</u> | <u>iv</u> |
| <u>INTISARI LAPORAN</u> | <u>viii</u> |
| <u>BAHAGIAN I : PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003</u> | |
| <u>Pendahuluan</u> | <u>1</u> |
| <u>Pengesahan Penyata Akaun Awam</u> | <u>2</u> |
| <u>Analisis Terhadap Penyata Akaun Awam</u> | <u>3</u> |
| <u>Rumusan Dan Syor Audit</u> | <u>15</u> |
| <u>BAHAGIAN II : PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI</u> | |
| <u>Pendahuluan</u> | <u>16</u> |
| <u>Pejabat Perbendaharaan Negeri</u> | <u>17</u> |
| <u>Pengurusan Kewangan Peringkat Jabatan</u> | <u>40</u> |
| <u>Audit Presence</u> | <u>47</u> |
| <u>Program Anak Angkat</u> | <u>50</u> |
| <u>BAHAGIAN III : AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS</u> | |
| <u>Pendahuluan</u> | <u>54</u> |
| <u>Jabatan Pertanian Negeri Kedah</u> | |
| <u>Program Industri Buah-buahan</u> | <u>54</u> |
| <u>Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah</u> | |
| <u>Program Tebatan Banjir</u> | <u>85</u> |

| PERKARA | MUKA SURAT |
|---------|------------|
|---------|------------|

| | |
|---|------------|
| <u>Pejabat Tanah</u> Kuala Muda Pengurusan Ubah Syarat Dan Jenis Penggunaan Tanah | <u>104</u> |
|---|------------|

**BAHAGIAN IV : BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA
ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

| | |
|---|------------|
| <u>Pendahuluan</u> | <u>119</u> |
| <u>Pengauditan</u> Penyata Kewangan | <u>119</u> |
| <u>Kedudukan</u> Penyerahan Penyata Kewangan | <u>120</u> |
| <u>Persijilan</u> Penyata Kewangan | <u>120</u> |
| <u>Pembentangan</u> Penyata Kewangan | <u>122</u> |
| <u>Prestasi</u> Kewangan | <u>122</u> |
| <u>Pihak</u> Berkuasa Tempatan Pengurusan Kewangan | <u>126</u> |
| <u>Lembaga</u> Maktab Mahmud Pengurusan Kewangan | <u>134</u> |
| <u>Majlis</u> Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan: <u>Pengurusan</u> Cukai Taksiran | <u>142</u> |
| <u>Jawatankuasa</u> Zakat Negeri Kedah: <u>Pengurusan</u> Pungutan dan Agihan Wang Zakat | <u>157</u> |

BAHAGIAN V : PERKARA AM

| | |
|---|------------|
| <u>Pendahuluan</u> | <u>181</u> |
| <u>Kedudukan</u> Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002 | <u>181</u> |
| <u>Perkara</u> Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai | <u>186</u> |
| <u>Pembentangan</u> Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan Dan Agenzia Kerajaan Negeri | <u>187</u> |
| <u>Mesyuarat</u> Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri | <u>187</u> |

PENUTUP

189

LAMPIRAN

- | | | |
|------------|--|------------|
| <u>I</u> | <u>Sijil Ketua Audit Negara</u> | <u>190</u> |
| <u>II</u> | <u>Ringkasan Penyata Akaun Awam</u> | <u>191</u> |
| <u>III</u> | <u>Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Sehingga 31 Julai 2004</u> | <u>194</u> |

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut :

- 1.1 **Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - 1.2 **Pengauditan Pengurusan Kewangan** - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.
 - 1.3 **Pengauditan Prestasi** - untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2003 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2003 melalui 3 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengesahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Tahun 2003, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbadanan Negeri dengan turut mengadakan pemeriksaan di 8 Jabatan.

Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 78 baucar bayaran bernilai RM8.31 juta, sebanyak 639 penyata pemungut bernilai RM292.17 juta dan 99 baucar jurnal bernilai RM240.47 juta. Pada masa yang sama, pengauditan pengurusan kewangan di 7 Jabatan/Agensi Negeri dan 5 pengauditan prestasi telah dijalankan. Berhubung dengan pengauditan prestasi, program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Projek Industri Buah-buahan, Projek Tebatan Banjir dan Pengurusan Ubah Syarat Dan Jenis Penggunaan Tanah.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2002 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Pada umumnya, pengurusan kewangan Jabatan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Berhubung dengan pelaksanaan aktiviti pula, pada umumnya Jabatan/Agensi Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap, menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta juga menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktivitinya, beberapa kelemahan masih terus berlaku terutama dari segi kekurangan kakitangan dan peruntukan kewangan, penyeliaan yang kurang rapi serta kekurangan pemantauan.

5. Jabatan Audit Negara telah mengambil beberapa pendekatan baru untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktivitinya. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut :

5.1 Program Anak Angkat. Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah Jabatan yang bersifat *fault finder* – hanya mencari kesalahan kepada sifat *developmental*. Melalui program ini, empat Jabatan/Agensi Negeri telah dipilih untuk diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi

memantapkan lagi tahap pengurusan kewangan. Sehingga awal bulan Ogos 2004, tiga Jabatan/Agensi Negeri telah berjaya mengikuti program ini dan diberi sijil penyertaan. Harapan saya Jabatan/Agensi Negeri yang menamatkan program ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri masing-masing. Laporan berhubung dengan pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam Laporan ini.

5.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan. Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

5.3 Penglibatan Semasa Pembangunan Sistem Berkomputer. Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem berkomputer khasnya di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini dirasai perlu memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

6. Laporan ini disediakan dalam 5 Bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Kedah
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri

Bahagian III : Aktiviti Jabatan Negeri Dan Kajian Khas

Bahagian IV : Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan
Pihak Berkuasa Tempatan

Bahagian V : Perkara Am

7. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

8. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuhnya komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
6 September 2004

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

1. Penyediaan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun 2003 didapati bertambah baik. Dokumen sokongan bagi mengesahkan angka dalam Penyata Akaun Awam telah disediakan dengan sewajarnya. Bagaimanapun, mengikut Lembaran Imbangan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 masih tidak kukuh. Ini berdasarkan kepada baki aset berjumlah RM159.93 juta tidak dapat menampung tanggungan berjumlah RM669.27 juta.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

2. Secara keseluruhannya, pengurusan dan kawalan kewangan serta pembangunan dan pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) oleh Perbendaharaan Negeri masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Terutamanya dari segi kelemahan terhadap kawalan hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan penyelenggaraan rekod kewangan. Pengurusan kewangan di Pejabat Tanah Yan, Pejabat Daerah Kubang Pasu, Jabatan Perhutanan Negeri dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam juga adalah tidak memuaskan terutamanya dari segi kawalan aset. Rekod mengenai aset seperti Daftar Harta Modal dan Inventori serta Buku Log kenderaan tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

Program Audit Presence

3. Hasil dari lawatan terhadap 19 buah pejabat di bawah Program Audit Presence pada tahun 2003, pihak Audit mendapati pengurusan kewangan belum mencapai tahap yang memuaskan. Rekod mengenai pentadbiran pejabat dan pengurusan kewangan seperti Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Buku Vot, Daftar

Harta Modal dan Buku Log kenderaan tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

Program Anak Angkat

4. Tujuan pelaksanaan Program Anak Angkat adalah untuk membantu setiap pejabat bagi memantapkan pengurusan kewangan. Pada tahun 2003, Pejabat Tanah Baling, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri, Institut Agama Islam Negeri Kedah dan Majlis Daerah Yan telah dipilih sebagai Anak Angkat Jabatan Audit Negeri Kedah. Setelah program anak angkat dijalankan, semua pejabat didapati telah mengatasi kelemahan pengurusan kewangan yang dikenal pasti berlaku dengan memuaskan kecuali Majlis Daerah Yan.

BAHAGIAN III : AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

Jabatan Pertanian Negeri : Program Industri Buah-Buahan

5. Program Industri Buah-buahan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri adalah bagi meningkatkan pengeluaran buah-buahan tempatan di Negeri Kedah. Kajian Audit mendapati program ini telah dilaksanakan dengan memuaskan. Jabatan telah dapat mencapai matlamat yang ditetapkan. Daripada keluasan 2,143 hektar pemulihan dusun yang dirancang, seluas 2,357 hektar telah dapat dilaksanakan dan 2,063 hektar dusun berkelompok yang dirancang seluas 2,001 hektar telah dilaksanakan. Kedudukan ini menunjukkan Jabatan telah mencapai dengan memuaskan sasaran yang ditetapkan dalam rancangan.

Jabatan Pengairan dan Saliran : Program Tebatan Banjir

6. Secara keseluruhannya program tebatan banjir yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran adalah memuaskan. Jabatan telah dapat melaksanakan sebanyak 154 projek kawalan banjir daripada 154 projek kawalan banjir yang dirancang bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Urusan pemilihan kontraktor bagi pelaksanaan projek dan semua kerja juga telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pejabat Tanah Kuala Muda :

Pengurusan Ubah Syarat Dan Jenis Penggunaan Tanah

7. Pengurusan Ubah Syarat Dan Jenis Penggunaan Tanah yang dilaksanakan oleh Pejabat Tanah Kuala Muda secara keseluruhannya adalah tidak memuaskan. Perkara tersebut terutamanya permohonan ubah syarat dan jenis penggunaan tanah yang diterima mengambil tempoh yang lama untuk diluluskan dan beberapa kes perlanggaran syarat kegunaan tanah telah tidak diambil tindakan oleh Pejabat.

BAHAGIAN IV : BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Pejabat Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah :

Pengurusan Pungutan dan Agihan Zakat

8. Pada keseluruhannya pengurusan pungutan dan agihan wang zakat yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah adalah cekap dan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, sedikit kelemahan dari segi penyediaan rekod dan penyeliaan terhadap amil yang dilantik.

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan: Pengurusan Cukai Taksiran

9. Pengurusan cukai taksiran di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan adalah tidak memuaskan. Majlis lewat mengeluarkan Sijil Layak Menduduki menyebabkan cukai taksiran berjumlah RM2.09 juta tidak dapat

dipungut. Selain itu, tuggakan cukai taksiran meningkat pada setiap tahun dan pada akhir tahun 2002 berjumlah RM4.37 juta.

Lembaga Maktab Mahmud : Pengurusan Kewangan

10. Pengurusan kewangan di Lembaga Maktab Mahmud masih belum memuaskan. Lembaga belum menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja untuk rujukan kakitangannya. Selain itu, rekod kewangan seperti Daftar Bil, Daftar Harta Modal dan Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

Pengurusan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

11. Secara keseluruhannya pengurusan kewangan di Majlis Daerah Sik dan Majlis Daerah Bandar Baharu adalah tidak memuaskan terutamanya dari segi kawalan aset. Beberapa rekod penting mengenai aset seperti Daftar Harta Modal, Inventori dan Buku Log kenderaan tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

BAHAGIAN I
PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI KEDAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri bertanggungjawab menyediakan Penyata Akaun Awam secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi sesuatu tahun kewangan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 kepada Jabatan Audit Negara pada 1 Jun 2004. Penyata Akaun Awam telah dikembalikan pada 15 Jun 2004 untuk pindaan. Penyata Akaun Awam yang muktamad telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara pada **30 Jun 2004**.

Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Negeri adalah untuk mengesah dan memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama. Bagi menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah *material*, beberapa faktor diambil kira iaitu jumlah nilai kesilapan dalam akaun, corak (*nature*) kesilapan dan juga keadaan bagaimana kesilapan tersebut berlaku. Kesilapan, ketinggalan dalam akaun dan ketiadaan dokumen sokongan yang *material* dilaporkan dalam **Bahagian ini**.

Pada tahun 2002 Kerajaan Negeri telah melaksanakan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) bagi meningkatkan pengurusan kewangan. Sistem ini dilaksanakan di Negeri Kedah dengan kerjasama Unit Permodenan Pentadbiran Dan Perancangan Tenaga Manusia Malaysia (MAMPU) dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Tujuan SPEKS ini dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) Melicin dan meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengurusan kewangan.
- ii) Dapat menyediakan penyata kewangan yang sempurna dan tepat pada masanya.
- iii) Memperbaiki dan mempertingkatkan pengurusan kewangan Negeri.
- iv) Mewujudkan satu pusat sumber maklumat kewangan yang cepat dan tepat.

Bagi memastikan SPEKS dilaksanakan dengan sempurna, perbincangan diadakan antara Bendahari Negeri dengan pihak terlibat termasuk Jabatan Audit Negara. Dalam perbincangan yang diadakan, Jabatan Audit Negara mengemukakan cadangan bagi memperkemaskan sistem ini terutamanya sistem kawalan dalaman. Selain itu, pegawai daripada Pejabat Perbendaharaan Negeri juga memantau pelaksanaan sistem ini dengan membuat lawatan ke pejabat Jabatan Negeri yang terlibat.

Sementara itu, bagi meningkatkan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara juga mengadakan perbincangan dengan pihak Pegawai Kewangan Negeri, Bendahari Negeri dan juga Ketua Jabatan Negeri bagi menyelesaikan perkara berbangkit dalam penemuan Audit melalui mesyuarat yang sering diadakan. Antara mesyuarat tersebut adalah Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Negeri, Mesyuarat Pembangunan Negeri dan Mesyuarat Keutuhan Pengurusan Negeri.

2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM

Pengauditan Penyata Akaun Awam telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Akaun Awam adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Akaun Awam. **Pada pendapat Audit, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini**

menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada 31 Disember 2003. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam ini dan ringkasan Penyata Akaun Awam yang telah diaudit adalah seperti di **Lampiran I** dan **II**.

Prestasi persesembahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini hendaklah dikekalkan supaya sijil tanpa teguran masih dapat dikeluarkan pada tahun akan datang. Usaha ini penting bagi memastikan akauntabiliti awam terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Negeri terus ditingkatkan.

3. ANALISIS TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM

Analisis Penyata Akaun Awam dibuat bagi menilai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada akhir tahun 2003 berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 2002. Analisis ini adalah berdasarkan kepada 2 penyata utama iaitu Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Penyata Lembaran Imbangan menunjukkan keadaan sebenar kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun berkenaan yang berasaskan tunai, sementara Penyata Akaun Memorandum merupakan memorandum untuk memaklumkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang lebih bercorak jangka panjang dan ke arah perakaunan asas akruan.

3.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Kedudukan kewangan sesebuah negeri dapat dinilai daripada maklumat kewangan yang terkandung di Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbangan digunakan untuk mengakaunkan Kumpulan Wang Disatukan yang ditubuhkan melalui Perkara 97(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Disatukan ini terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada akhir Disember 2003 adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Mengikut
Lembaran Imbangan

| Bil | Butiran | 2002 (RM Juta) | 2003 (RM Juta) | Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta) |
|---------------|---|-------------------|-------------------|--|
| 1. | Akaun Hasil Disatukan | (120.60) | (140.69) | (20.09) |
| 2. | Akaun Amanah Disatukan Terdiri daripada: | | | |
| | i) <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i> | 256.59 | 273.83 | 17.24 |
| | ii) <i>Kumpulan Wang Bekalan Air</i> | (256.15) | (307.56) | (51.41) |
| | iii) <i>Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i> | 38.36 | 62.49 | 24.13 |
| | iv) <i>Kumpulan Wang Amanah Awam</i> | 40.13 | 49.41 | 9.28 |
| | v) <i>Deposit</i> | 242.05 | 255.86 | 13.81 |
| | vi) <i>Akaun Kena Bayar</i> | 140.87 | 134.85 | (6.02) |
| 3. | Akaun Pinjaman Disatukan | 51.33 | 78.78 | 27.45 |
| Jumlah | | 160.37 | 159.93 | (0.44) |

Sumber: Penyata Akaun Awam

Jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2003 adalah RM159.93 juta dan ditunjukkan sebagai aset yang berbentuk wang tunai sejumlah RM69.37 juta dan pelaburan sejumlah RM90.56 juta. Kumpulan Wang Disatukan itu mengalami penurunan sejumlah RM0.44 juta berbanding RM160.37 juta pada tahun 2002. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM20.09 juta. Selain itu, Akaun Pinjaman Disatukan menyumbang sejumlah RM2.41 juta. Bagaimanapun, penurunan ini dikurangkan dengan meningkatnya Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM17.24 juta. Dengan ini, pengurangan Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM0.44 juta.

Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2003 adalah tidak kukuh kerana aset yang dimiliki berjumlah RM159.93 juta tidak mampu menampung tanggungan yang terdiri daripada Akaun Kena Bayar sejumlah RM78.78 juta, deposit RM134.85 juta dan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM455.64 juta.

Mengikut Penyata Akaun Memorandum, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Aset Dan Tanggungan
Mengikut Kedudukan Penyata Akaun Memorandum

| Bil. | Butiran | 2002 (RM Juta) | 2003 (RM Juta) | Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta) |
|------|---|-------------------|-------------------|--|
| 1. | <u>Aset</u> Pinjaman Boleh Dituntut Pelaburan | 228.90 29.00 | 223.10 29.00 | (5.80) - |
| | Jumlah | 257.90 | 252.10 | (5.80) |
| 2. | <u>Tanggungan</u> Hutang Kerajaan Negeri | 1,450.72 | 1,590.33 | 139.61 |

Sumber: Penyata Akaun Awam

Jumlah aset yang ditunjuk dalam Penyata Akaun Memorandum adalah menurun sejumlah RM5.80 juta menjadi RM252.10 juta pada akhir tahun 2003 berbanding RM257.90 juta pada akhir tahun 2002. Bagi tempoh jangka panjang, aset ini tidak mampu untuk menampung hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.59 bilion.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah berdasarkan Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum adalah tidak kukuh. Analisis lengkap berkenaan komponen Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum ditunjuk di perenggan berikutnya.

LEMBARAN IMBANGAN

3.2 AKAUN HASIL DISATUKAN

Defisit Akaun Hasil Disatukan bertambah sejumlah RM20.09 juta menjadi defisit RM140.69 juta berbanding RM120.60 juta pada tahun 2002. Peningkatan defisit ini disebabkan perbelanjaan pada tahun 2003 berjumlah RM264.20 juta berbanding hasil yang diterima sejumlah RM244.11 juta.

3.2.1 Hasil

Hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2003 adalah berjumlah RM244.11 juta berbanding pungutan hasil pada tahun 2002 yang berjumlah RM233.68 juta iaitu peningkatan pungutan hasil sejumlah RM10.43 juta. Butiran hasil yang dipungut pada tahun 2003 berbanding dengan tahun 2002 adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Hasil Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2002 Dan 2003

| Kategori | 2002 (RM Juta) | 2003 (RM Juta) | Pertambahan/ (Kekurangan) (RM Juta) |
|----------------------|-------------------|-------------------|---|
| Hasil Cukai | 91.87 | 89.16 | (2.71) |
| Hasil Bukan Cukai | 37.50 | 39.72 | 2.22 |
| Terimaan Bukan Hasil | 104.31 | 115.23 | 10.92 |
| Jumlah | 233.68 | 244.11 | 10.43 |

Sumber: Penyata Akaun Awam

Berikut adalah peningkatan dan penurunan hasil yang ketara:

i) Peningkatan Hasil Yang Ketara

a) Pemberian Penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah menerima pemberian daripada Kerajaan Persekutuan untuk disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan berjumlah

RM24.68 juta. Pemberian ini meningkat sejumlah RM15.55 juta berbanding jumlah yang diterima pada tahun 2002 yang berjumlah RM9.13 juta. Pemberian ini adalah geran keseimbangan bagi 4 Majlis Perbandaran dan 7 Majlis Daerah di Negeri Kedah.

b) Pemberian Bayaran 5% Melaksanakan

Projek Pembangunan Persekutuan

Pada setiap tahun Kerajaan Negeri menerima pemberian bayaran 5% daripada Kerajaan Persekutuan bagi perbelanjaan projek pembangunan Persekutuan yang dilaksanakan di Negeri Kedah. Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah menerima pemberian ini berjumlah RM21.59 juta iaitu 5% daripada perbelanjaan berjumlah RM432.56 juta bagi 171 projek Persekutuan yang dilaksanakan. Jumlah ini meningkat RM8.82 juta berbanding pemberian yang diterima pada tahun 2002 berjumlah RM12.77 juta.

c) Premium Hutan

Pada tahun 2003, premium hutan yang dipungut oleh Jabatan Perhutanan berjumlah RM7.38 juta berbanding tahun 2002 yang berjumlah RM2.81 juta iaitu pertambahan sejumlah RM4.57 juta. Pertambahan premium hutan ini adalah disebabkan 1,321 hektar dari 7 kawasan baru telah diluluskan pada tahun 2003.

ii) Penurunan Hasil Yang Ketara

a) Premium Tanah

Pada tahun 2003, premium tanah yang dipungut oleh 11 Pejabat Tanah adalah berjumlah RM20.65 juta iaitu berkurangan sejumlah RM9.46 juta berbanding pungutan hasil tahun 2002 yang berjumlah RM30.11 juta. Kekurangan ini adalah disebabkan jumlah hasil premium yang dipungut oleh Pejabat Tanah Dan Daerah Langkawi dan Pejabat Tanah Kuala Muda telah menurun. Pada

tahun 2003, kedua Pejabat Tanah ini memungut premium sejumlah RM10.09 juta berbanding dengan pungutan yang dibuat pada tahun 2002 berjumlah RM21.20 juta.

b) Pemberian Pertambahan Hasil Kepada Kerajaan Negeri

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri tidak menerima Pemberian Pertambahan Hasil daripada Kerajaan Persekutuan berbanding terimaan pada tahun 2002 berjumlah RM7.81 juta. Kekurangan ini kerana pemberian bagi tahun 2003 telah diterima lewat iaitu pada akhir bulan Januari 2004 berjumlah RM21.43 juta.

3.2.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2003 berjumlah RM264.20 juta iaitu bertambah sejumlah RM19.13 juta berbanding perbelanjaan mengurus pada tahun 2002 yang berjumlah RM245.07 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, aset dan pemberian dan kenaan bayaran tetap yang berjumlah RM23.02 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan emolumen dan perbelanjaan lain menurun berjumlah RM3.89 juta. Butiran perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Prestasi Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2002 Dan 2003

| Perihal | Tahun 2002 (RM Juta) | Tahun 2003 (RM Juta) | Pertambahan/ (Kekurangan) (RM Juta) |
|------------------------------------|-------------------------|-------------------------|---|
| Emolumen | 116.00 | 112.80 | (3.20) |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 47.56 | 61.31 | 13.75 |
| Aset | 8.95 | 13.77 | 4.82 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 71.58 | 76.03 | 4.45 |
| Perbelanjaan Lain | 0.98 | 0.29 | (0.69) |
| Jumlah | 245.07 | 264.20 | 19.13 |

Sumber: Penyata Akaun Awam

3.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Deposit dan Akaun Kena Bayar. Baki Akaun Amanah Disatukan meningkat sejumlah RM17.24 juta menjadi RM273.83 juta pada akhir tahun 2003 berbanding RM256.59 juta pada akhir tahun 2002.

3.3.1 Kumpulan Wang Pembangunan

Pada akhir tahun 2003, Kumpulan Pembangunan meningkat sejumlah RM51.41 juta menjadi defisit RM307.56 juta berbanding defisit RM256.15 juta pada akhir tahun 2002. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan Kerajaan Negeri terhadap projek pembangunan yang dilaksanakan bagi pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah, pembinaan Pusat Latihan Dan Kemudahan Sukan.

3.3.2 Kumpulan Wang Bekalan Air

Pada akhir tahun 2003, baki Kumpulan Wang Bekalan Air meningkat sejumlah RM24.13 juta menjadi RM62.49 juta berbanding RM38.36 juta pada akhir tahun 2002. Pertambahan ini disebabkan peningkatan kutipan tunggakan hasil air dan kutipan daripada pengguna baru.

3.3.3 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pada akhir tahun 2003, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan meningkat sejumlah RM9.28 juta menjadi RM49.41 juta berbanding RM40.13 juta pada akhir tahun 2002. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan daripada Akaun Penyelesaian Bendahari Negeri dan Akaun Penyelesaian Cek Terbatal berjumlah RM45.59 juta. Manakala pengurangannya pula adalah disebabkan penurunan daripada Akaun Pemindahan Wang Antara Bank berjumlah RM37.32 juta.

3.3.4 Kumpulan Wang Amanah Awam

Pada akhir tahun 2003, baki Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat RM13.81 juta menjadi RM255.86 juta berbanding RM242.05 juta pada akhir tahun 2002. Peningkatan ini disebabkan 6 akaun baru yang berbaki RM2.25 juta dan pertambahan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya sejumlah RM29.14 juta.

3.3.5 Deposit

Pada akhir tahun 2003, baki deposit berjumlah RM134.85 juta. Jumlah ini menurun sejumlah RM6.02 juta berbanding tahun 2002 yang berjumlah RM140.87 juta. Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh pendeposit telah menuntut balik depositnya dan deposit yang tidak dituntut telah dikredit ke akaun Hasil Negeri.

3.3.6 Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar adalah akaun yang diwujudkan bagi mengakaunkan bayaran terhadap kerja dan perkhidmatan yang telah disempurnakan pada tahun 2003 tetapi masih belum dijelaskan. Pada akhir tahun 2003, jumlah Akaun Kena Bayar berjumlah RM78.78 juta iaitu meningkat sejumlah RM27.45 juta berbanding pada tahun 2002 yang berjumlah RM51.33 juta. Baki Akaun Kena Bayar pada akhir tahun 2003 sebahagian besarnya adalah perbelanjaan yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya Bahagian Bekalan Air berjumlah RM23.99 juta, Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM22.80 juta, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri berjumlah RM16.05 juta.

3.4 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2003 berjumlah RM26.79 juta iaitu meningkat sejumlah RM2.41 juta berbanding tahun 2002 yang berjumlah RM24.38 juta. Baki tersebut setelah mengambil kira penerimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2003 berjumlah RM148.07 juta dan pengeluaran untuk perbelanjaan bagi melaksanakan

projek pembangunan berjumlah RM145.65 juta. Pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2003 adalah pinjaman bagi Projek Bekalan Air berjumlah RM140.50 juta dan pinjaman bagi pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah RM7.57 juta. Sebahagian besar perbelanjaan yang dibuat tersebut adalah bagi membiayai Projek Bekalan Air yang berjumlah RM131.99 juta.

PENYATA MEMORANDUM

3.5 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT

Pinjaman Boleh Dituntut adalah pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada agensinya. Pada akhir tahun 2003, baki pinjaman ini berkurangan sejumlah RM5.80 juta menjadi RM223.10 juta berbanding RM228.90 juta pada akhir tahun 2002. Baki ini terdiri daripada pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah sejumlah RM222.32 juta dan Majlis Perbandaran Kota Star sejumlah RM0.78 juta. Penurunan jumlah pinjaman boleh dituntut pada akhir tahun 2003 ini adalah disebabkan oleh bayaran balik pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) berjumlah RM5.80 juta bagi projek Ladang Perbadanan di Sungai Petani.

3.6 PELABURAN

Pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 berjumlah RM29 juta. Jumlah ini tidak berubah berbanding dalam tahun 2002. Pelaburan tersebut adalah terdiri daripada pelaburan ekuiti dalam 4 buah syarikat.

3.7 HUTANG KERAJAAN NEGERI

Pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan adalah bagi membiayai projek pembangunan Kerajaan Negeri. Pada akhir tahun 2003, baki pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM1.59 bilion iaitu meningkat sejumlah RM139.61 juta berbanding baki pinjaman pada tahun 2002 yang berjumlah RM1.45 bilion.

Peningkatan ini kerana 3 pinjaman baru yang diterima pada tahun 2003 berjumlah RM148.12 juta dan bayaran balik pinjaman yang dibuat berjumlah RM10.09 juta adalah kurang daripada bayaran balik pinjaman yang sepatutnya dijelaskan pada tahun 2003 berjumlah RM115.34 juta.

4. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (RMK8)

Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM3.51 bilion untuk melaksanakan 117 projek pembangunan di seluruh Negeri Kedah bagi RMK8. Projek tersebut akan dilaksanakan oleh 9 Jabatan/Pejabat. Butiran projek mengikut Jabatan/Pejabat adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Rancangan Projek Pembangunan Di Bawah RMK8 Mengikut Jabatan

| Bil. | Pejabat/Jabatan | Bilangan Projek | Kos Projek (RM Juta) |
|---------------|--|-----------------|----------------------|
| 1 | Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 24 | 377.28 |
| 2 | Jabatan Pertanian | 8 | 67.90 |
| 3 | Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian | 1 | 2.50 |
| 4 | Jabatan Pengairan Dan Saliran | 18 | 83.83 |
| 5 | Jabatan Perhutanan Negeri | 8 | 87.79 |
| 6 | Jabatan Kerja Raya | 17 | 1,956.83 |
| 7 | Jabatan Perkhidmatan Haiwan | 6 | 54.67 |
| 8 | Pejabat Kewangan Negeri | 13 | 174.50 |
| 9 | Jabatan Kerja Raya (Bahagian Air) | 22 | 705.73 |
| Jumlah | | 117 | 3,511.03 |

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

Jabatan Kerja Raya memperolehi peruntukan tertinggi, diikuti oleh Jabatan Kerja Raya (Bahagian Air), Pejabat Menteri Besar Dan Setiuasaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Kewangan Negeri.

4.1 PRESTASI PERBELANJAAN

Analisis Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM1.04 bilion telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek yang dirancang. Bagi tempoh yang sama sejumlah RM636.41 juta atau 61% telah dibelanjakan atau 18% daripada peruntukan RMK8. Prestasi perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6

Prestasi Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2003

| Bil. | Pejabat/Jabatan | Peruntukan Diluluskan | | Perbelanjaan | | | |
|---------------|--|-----------------------|-------------------|---------------|-------------|---------------|-----------|
| | | | | 2001 – 2003 | | 2003 | |
| | | RMK8 (RM Juta) | 2003 (RM Juta) | (RM Juta) | RMK8 (%) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 377.28 | 87.35 | 99.61 | 26 | 52.63 | 60 |
| 2. | Jabatan Pertanian | 67.90 | 8.00 | 16.95 | 25 | 7.01 | 88 |
| 3. | Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian | 2.50 | 0.10 | 0.00 | 0 | 0.00 | 0 |
| 4. | Jabatan Pengairan Dan Saliran | 83.83 | 10.68 | 23.86 | 28 | 10.52 | 98 |
| 5. | Jabatan Perhutanan Negeri | 87.79 | 7.45 | 19.18 | 22 | 7.33 | 98 |
| 6. | Jabatan Kerja Raya | 1,956.83 | 60.40 | 78.64 | 4 | 54.71 | 91 |
| 7. | Jabatan Perkhidmatan Haiwan | 54.67 | 3.20 | 8.82 | 16 | 2.67 | 83 |
| 8. | Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri | 174.50 | 28.00 | 119.75 | 69 | 9.01 | 32 |
| 9. | Jabatan Kerja Raya (Bahagian Air) | 705.73 | 190.60 | 269.60 | 38 | 134.04 | 70 |
| Jumlah | | 3,511.03 | 395.78 | 636.41 | 18 | 277.92 | 70 |

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

Berdasarkan prestasi perbelanjaan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, adalah didapati hanya Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah membelanjakan melebihi 50% daripada peruntukan RMK8. Tujuh Jabatan/Pejabat membelanjakan antara 4% hingga 38% daripada peruntukan. Bagaimanapun, prestasi perbelanjaan pada tahun 2003 adalah sangat menggalakkan. Tujuh Jabatan/Pejabat telah membelanjakan antara 60% hingga 98% peruntukan tahunan yang diluluskan pada tahun 2003.

Bagaimanapun Pejabat Kewangan Negeri telah membelanjakan kurang 50% peruntukannya pada tahun 2003. Manakala Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri pula tidak membelanjakan langsung peruntukan tahun 2003.

4.2 PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK

Pada akhir tahun 2003, sebanyak 79 daripada 117 projek telah siap dilaksanakan. Manakala 17 projek sedang dilaksanakan dan 21 projek belum dimulakan. Projek siap adalah meliputi pelbagai kerja penyelenggaraan dan pembinaan jalan dan bangunan, perumahan awam kos rendah, bekalan air, kompleks sukan, pembelian baja dan padi benih serta kelengkapan pusat pertanian. Manakala bagi Jabatan Perkhidmatan Haiwan pula adalah untuk pembangunan rancangan kemajuan padang ragut bagi tanaman rumput. Status kemajuan projek pembangunan seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7

Kemajuan Pelaksanaan Projek RMK8 Sehingga 31 Disember 2003

| Bil . | Jabatan | Bilangan Projek | Kemajuan Pelaksanaan | | |
|---------------|--|-----------------|----------------------|---------------------|------------|
| | | | Siap | Sedang Dilaksanakan | Belum Mula |
| 1. | Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 24 | 15 | 2 | 7 |
| 2. | Jabatan Pertanian | 8 | 8 | - | - |
| 3. | Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian | 1 | - | - | 1 |
| 4. | Jabatan Pengairan Dan Saliran | 18 | 18 | - | - |
| 5. | Jabatan Perhutanan Negeri | 8 | 8 | - | - |
| 6. | Jabatan Kerja Raya | 17 | 16 | 1 | - |
| 7. | Jabatan Perkhidmatan Haiwan | 6 | 6 | - | - |
| 8. | Pejabat Kewangan Negeri | 13 | - | 5 | 8 |
| 9. | Jabatan Kerja Raya (Bahagian Air) | 22 | 8 | 9 | 5 |
| Jumlah | | 117 | 79 | 17 | 21 |

Sumber: Rekod Jabatan

5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada tahun 2003, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri mengikut Lembaran Imbangan adalah tidak kukuh disebabkan aset yang berjumlah RM159.93 juta tidak dapat menampung tanggungan yang berjumlah RM669.27 juta. Kerajaan Negeri hendaklah meningkatkan usaha mengutip tunggakan hasil dan bayaran balik pinjaman daripada Agensi Negeri serta mengamalkan perbelanjaan berhemah.

BAHAGIAN II
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

6. PENDAHULUAN

Pengurusan dan kawalan kewangan Jabatan Kerajaan ditentukan oleh undang-undang dan peraturan seperti yang ditetapkan dalam Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling berkaitan pengurusan kewangan. Tanggungjawab bagi melaksanakan pengurusan dan kawalan ini dijalankan oleh Pegawai Pengawal yang perlu mematuhi peraturan tersebut.

Bagi menilai sejauh mana akauntabiliti awam dilaksanakan oleh Pegawai Pengawal, Jabatan Audit Negara dari semasa ke semasa telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Jabatan yang dipilih. Hasil daripada pemeriksaan itu, masih wujud kelemahan dalam kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah, aset dan pinjaman. Kelemahan tersebut telah dimaklumkan kepada Pegawai Pengawal yang terlibat melalui surat pemerhatian Audit. Hanya isu yang penting dibangkitkan dalam Laporan ini.

Jabatan Audit Negara juga memperkenalkan Program Anak Angkat sebagai salah satu pendekatan yang diambil untuk membantu Jabatan/Agensi memantapkan pengurusan kewangan. Melalui program ini, Jabatan/Agensi akan diberi bimbingan dan nasihat bagi meningkatkan tahap pengurusan kewangan. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga mengadakan Program *Audit Presence* yang bertujuan untuk membantu semua Jabatan/Pejabat mengatasi masalah pengurusan kewangan dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti kewangan di Jabatan/Pejabat berkenaan.

PERBENDAHARAAN NEGERI

7. LATAR BELAKANG

Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab bagi memantau dan memastikan semua Jabatan Negeri mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Tanggungjawab ini meliputi pengagihan peruntukan kepada Jabatan, mengawal selia kutipan hasil, perbelanjaan, wang amanah, deposit dan aset serta memastikan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri juga dari semasa ke semasa mengeluarkan arahan, pekeliling dan juga membuat naziran ke pejabat yang berkenaan.

Pejabat Perbendaharaan Negeri diketuai oleh Bendahari Negeri dan dibantu oleh 43 pegawai dan kakitangan. Semua jawatan ini telah diisikan. Carta Organisasi Pejabat Perbendaharaan Negeri yang menunjukkan kedudukan kakitangan dan susunan pentadbiran Pejabat bagi tahun 2003 ada disediakan dengan lengkap dan dipamerkan di Pejabat. Pada tahun 2003, peruntukan bagi perbelanjaan mengurus yang diluluskan untuk Pejabat Perbendaharaan Negeri adalah berjumlah RM3.69 juta. Daripada jumlah peruntukan tersebut sejumlah RM2.98 juta telah dibelanjakan. Sementara itu, peruntukan perbelanjaan pembangunan yang diterima oleh Pejabat Kewangan dan Pejabat Perbendaharaan Negeri bagi tahun 2003 adalah berjumlah RM28 juta. Daripada jumlah peruntukan ini cuma RM9.01 juta sahaja telah dibelanjakan sehingga akhir tahun 2003.

Bagi mempertingkatkan pengurusan kewangan, Pejabat Kewangan Negeri telah mewujudkan 3 Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Induk Kewangan Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Negeri dan Jawatankuasa Bajet Negeri. Antara objektif utama penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk meningkatkan hasil Negeri dengan mengenal pasti sumber hasil baru atau meningkatkan sumber hasil sedia ada dan memperbaiki beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan terutama isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara.

Jawatankuasa Induk Kewangan Negeri dan Jawatankuasa Bajet Negeri adalah dipengerusikan oleh Menteri Besar, manakala bagi Jawatankuasa

Pengurusan Kewangan Negeri adalah dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

8. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Pejabat Perbendaharaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang ditetapkan. Selain itu, pengauditan ini juga adalah untuk menentukan sama ada Perbendaharaan Negeri telah membuat kawalan dan pemantauan yang berkesan terhadap pengurusan kewangan di semua Jabatan Negeri di bawah kawalannya.

Skop pengauditan pula meliputi semakan dan pemeriksaan terhadap rekod dan laporan kewangan termasuk buku daftar kawalan terimaan hasil, perbelanjaan dan amanah, penyata pemungut dan resit, penyata penyesuaian bank bulanan dan akaun subsidiari di Pejabat Perbendaharaan Negeri bagi tahun 2003. Selain itu, perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai dan kakitangan Perbendaharaan Negeri di Bahagian Akaun, Bahagian Komputer, Seksyen Pembayaran, Seksyen Penerimaan, Seksyen Pengurusan Tunai dan Seksyen Akaun Subsidiari yang bertujuan untuk mendapatkan penjelasan mengenai aktiviti perakaunan dan perjalanan urusan kewangan Kerajaan Negeri.

9. PENEMUAN AUDIT

9.1 KAWALAN BAJET

Arahan Perbendaharaan 29 menghendaki Pegawai Kewangan Negeri menyediakan bajet untuk dibentang dan dilulus oleh Dewan Undangan Negeri dan seterusnya mengawal dan memantaunya. Bajet tahun 2003 yang disediakan itu telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada pertengahan bulan November 2002. Bagi tujuan ini Pejabat Kewangan Negeri telah mengeluarkan Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 2 Tahun 2001 pada pertengahan April tahun 2001 mengarahkan semua Pegawai Pengawal menyediakan anggaran belanjawan bagi tahun 2002 dan 2003. Mengikut Bajet tahun 2003, anggaran perbelanjaan mengurus

berjumlah RM343.10 juta berbanding anggaran hasil berjumlah RM301.87 juta iaitu dengan defisit sejumlah RM41.23 juta. Manakala perbelanjaan pembangunan dianggarkan berjumlah RM205.18 juta dan anggaran perbelanjaan Bekalan Air berjumlah RM328.41 juta. Waran peruntukan pembayaran dikeluarkan dan diluluskan oleh Menteri Besar melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2003. Waran tersebut memperuntukkan perbelanjaan Tanggungan berjumlah RM61.69 juta, Bekalan berjumlah RM281.42 juta dan Peruntukan Bekalan Air berjumlah RM328.41 juta. Perbelanjaan Pembangunan pula adalah melalui Waran Pembangunan Bil. 1 Tahun 2003 berjumlah RM205.18 juta.

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri telah menyediakan bajet tahun 2003 dengan memuaskan. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak seharusnya mengekalkan keadaan bajet defisit ini pada setiap tahun tetapi perlu meningkatkan usaha untuk mengatasinya.

9.2 KAWALAN HASIL

Sumber hasil utama Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada hasil tanah, hasil air dan premium hutan. Bagi menguruskan kutipan hasil ini, undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

9.2.1 Penyerahan Akaun Tunai Bulanan

Arahan Perbendaharaan 145 menghendaki semua pemungut hasil mengemukakan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 10 hari pada bulan berikutnya. Tujuannya adalah untuk memastikan pengurusan pungutan dan perakaunan hasil telah dibuat dengan sempurna dan mematuhi peraturan. Semakan Audit pada bulan Mac 2004 terhadap rekod kawalan penyerahan Akaun Tunai Bulanan yang diselenggarakan di Pejabat Perbendaharaan Negeri mendapati penyerahan Akaun Tunai oleh Jabatan masih belum memuaskan. Pihak Audit mendapati 10 pemungut hasil masih belum mengemukakan beberapa Akaun Tunai Bulanan tahun 2003 kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri

mengikut tempoh yang ditetapkan. Kelewatan yang berlaku adalah antara 1 hingga 6 bulan. Tindakan telah diambil oleh Perbendaharaan Negeri dengan mengeluarkan surat peringatan kepada Pemungut Hasil yang lewat namun masih ada Pemungut Hasil gagal mematuhi Arahan ini.

9.2.2 Penyerahan Penyata Pemungut

Penyata Pemungut perlu diserahkan oleh bank kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri apabila pungutan hasil telah dibankkan. Bagi memastikan penyata pemungut ini disediakan dengan lengkap, teratur dan mengikut peraturan, Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan garis panduan menerusi Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 2 tahun 1996 dan Bil. 1 tahun 2002. Garis panduan ini adalah bertujuan bagi menyeragamkan penyerahan pungutan hasil kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri terutama penyata pemungut berikut pelaksanaan sistem SPEKS.

Bagi memantau penyerahan penyata pemungut dibuat dengan sempurna, satu daftar bagi merekod penyerahan penyata ini telah disediakan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri. Semakan Audit mendapati penyata pemungut lewat diserahkan oleh bank kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri antara 17 hingga 39 hari.

9.2.3 Pengesahan Laporan Hasil Bulanan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 143, setiap pemungut hendaklah membuat pengesahan dan menyediakan penyata penyesuaian hasil apabila menerima flimsi daripada Pejabat Perbendaharaan Negeri pada setiap bulan. Tujuan utamanya adalah untuk memastikan setiap pungutan hasil yang telah dibuat diambil kira oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri di samping mengelak daripada berlaku sebarang kesilapan dan penyelewengan. Pemeriksaan Audit di Pejabat Perbendaharaan Negeri mendapati 30 dari 59 pemungut telah tidak mengemukakan pengesahan terhadap Laporan Hasil Bulanan dan tidak menyediakan Penyata

Penyesuaian Hasil bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2003.

9.2.4 Penyata Penyesuaian Bank (Terimaan)

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan pada setiap bulan bagi menentukan urusniaga yang direkodkan di Buku Tunai Perbendaharaan Negeri adalah bersamaan dengan Penyata Bank. Penyata Penyesuaian Bank perlu dikemukakan kepada pihak Audit dalam tempoh dua minggu selepas berakhirnya sesuatu bulan. Semakan Audit mendapati penyerahan penyata ini kepada Jabatan Audit Negara masih tidak memuaskan. Pihak Audit mendapati Pejabat Perbendaharaan Negeri lewat mengemukakan penyata penyesuaian bank bagi bulan Januari hingga Disember 2003 kepada Jabatan Audit Negara antara 12 hingga 31 minggu. Pihak Perbendaharaan Negeri perlulah mengambil tindakan segera bagi memastikan penyata penyesuaian bank diserahkan dengan segera.

9.2.5 Cek Tidak Laku

Cek Tidak Laku adalah cek pungutan hasil yang dikembalikan oleh bank disebabkan kesilapan tarikh, ejaan, tandatangan atau akaun ditutup. Semakan Audit terhadap Penyata Penyesuaian Bank bagi bulan Disember 2003 mendapati ada sebanyak 1,144 keping cek tidak laku yang bernilai RM3.20 juta. Daripada jumlah RM3.20 juta cek tidak laku tersebut, sejumlah RM2.54 juta adalah merupakan cek tidak laku yang diterima antara tahun 1991 hingga 2002. Tindakan berkesan perlu diambil bagi memastikan setiap cek tidak laku digantikan dengan segera.

9.2.6 Buku Tunai Perbendaharaan Negeri

Seperti pada tahun sebelumnya, pada tahun 2003 baki Buku Tunai Perbendaharaan Negeri telah lebih dikeluarkan (*overdrawn*) pada setiap bulan berbanding jumlah wang simpanan yang ada dalam bank. Bagi tempoh bulan Januari hingga November 2003 jumlah

wang lebih dikeluarkan adalah antara RM61.23 juta hingga RM211.31 juta. Antara sebab utama berlakunya perkara ini adalah berpunca dari kelewatan Perbendaharaan Negeri mengakaun pungutan ke Buku Tunai pada setiap bulan. Semakan Audit mendapati jumlah pungutan yang telah diambil kira oleh bank tetapi belum diakaun ke Buku Tunai Perbendaharaan Negeri pada setiap bulan bagi tempoh bulan Januari hingga November 2003 adalah antara RM81.75 juta hingga RM189.68 juta.

9.2.7 Tunggakan Hasil

Tunggakan hasil Negeri pada tahun 2003 adalah berjumlah RM93.21 juta iaitu berkurangan sejumlah RM5.56 juta berbanding tahun 2002 yang berjumlah RM98.77 juta. Butiran tunggakan hasil bagi tahun 2003 berbanding tahun 2002 adalah seperti **Jadual 8**.

Jadual 8
Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2002 Dan 2003

| Hasil | Tunggakan Pada 31 Disember | | Kekurangan (RM Juta) |
|-----------------|-------------------------------|-------------------|-------------------------|
| | 2002 (RM Juta) | 2003 (RM Juta) | |
| Tanah | 32.94 | 30.37 | 2.57 |
| Air | 48.52 | 45.99 | 2.53 |
| Sewa Rumah Awam | 17.31 | 16.85 | 0.46 |
| Jumlah | 98.77 | 93.21 | 5.56 |

Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Jabatan Negeri

i) Tunggakan Hasil Tanah

Pada tahun 2003, tunggakan hasil tanah bagi 12 Pejabat Tanah adalah berjumlah RM30.37 juta iaitu berkurangan sejumlah RM2.57 juta berbanding tahun 2002 yang berjumlah RM32.94 juta. Kedudukan tunggakan hasil tanah seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Tuggakan Hasil Tanah Mengikut Daerah
Bagi Tahun 2002 Dan Tahun 2003

| Bil. | Pejabat Tanah | Tuggakan Hasil Pada 31 Disember | | Peningkatan/ (Penurunan) (RM juta) |
|---------------|----------------------|--|-----------------------------|---|
| | | 2002 (RM juta) | 2003 (RM juta) | |
| 1. | Kota Star | 1.21 | 0.64 | (0.57) |
| 2. | Kulim | 14.65 | 10.10 | (4.55) |
| 3. | Kuala Muda | 7.00 | 7.71 | 0.71 |
| 4. | Baling | 1.04 | 1.09 | 0.05 |
| 5. | Padang Terap | 0.87 | 0.99 | 0.12 |
| 6. | Pendang | 0.84 | 0.79 | (0.05) |
| 7. | Langkawi | 2.66 | 4.95 | 2.29 |
| 8. | Pokok Sena | 0.58 | 0.66 | 0.08 |
| 9. | Bandar Baharu | 0.17 | 0.20 | 0.03 |
| 10. | Kubang Pasu | 3.32 | 2.62 | (0.70) |
| 11. | Yan | 0.14 | 0.14 | - |
| 12. | Sik | 0.46 | 0.48 | 0.02 |
| Jumlah | | 32.94 | 30.37 | (2.57) |

Sumber: Penyata Tuggakan Hasil Pejabat Tanah

Pengurangan tuggakan hasil ini adalah kerana usaha pejabat berkenaan menghantar bil dan surat peringatan kepada pemilik tanah terlibat.

ii) Tuggakan Hasil Air

Pada tahun 2003, tuggakan hasil air adalah berjumlah RM45.99 juta berbanding pada tahun 2002 berjumlah RM48.52 juta iaitu penurunan sejumlah RM2.53 juta. Penurunan ini adalah kerana tindakan berkesan yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya Bekalan Air terhadap pengguna dengan menghantar notis dan penguatkuasaan pemotongan bekalan air.

iii) Tuggakan Sewa Rumah Awam

Pada akhir tahun 2003, tuggakan sewa rumah awam di Negeri Kedah berjumlah RM16.85 juta berbanding tahun 2002 yang berjumlah RM17.31 juta iaitu pengurangan sejumlah

Pada pendapat Audit, kawalan hasil masih boleh dipertingkatkan. Usaha hendaklah dibuat oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri bagi meningkatkan pemantauan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan, Penyata Penyesuaian Bank, kutipan balik Cek Tidak Laku dan tunggakan hasil.

9.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Perbelanjaan mengurus pada tahun 2003 meningkat sejumlah RM19.13 juta menjadi RM264.20 juta berbanding RM245.07 juta pada tahun 2002. Manakala perbelanjaan pembangunan pada tahun 2003 meningkat sejumlah RM36.47 juta menjadi RM143.89 juta berbanding RM107.42 juta pada tahun 2002. Sementara itu, perbelanjaan bekalan air tahun 2003 meningkat sejumlah RM23.45 juta menjadi RM248.90 juta berbanding RM225.45 juta pada tahun 2002. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan ini mendapati kedudukan seperti berikut:

9.3.1 Perbelanjaan Mengurus

Setiap perbelanjaan yang dibuat hendaklah dikawal dengan sempurna bagi memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Perbelanjaan tersebut juga hendaklah dibuat mengikut tujuan ia diluluskan. Perbelanjaan mengurus yang dibuat oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2003 adalah berjumlah RM264.20 juta. Perbelanjaan ini adalah untuk bayaran Emolumen berjumlah RM112.80 juta, bayaran Perkhidmatan Dan Bekalan RM61.31 juta, pembelian Aset RM13.77 juta dan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap RM76.03 juta dan Perbelanjaan Lain RM0.29 juta. Pemeriksaan Audit ke atas kawalan perbelanjaan mengurus ini mendapati tidak ada kelemahan ketara kecuali :

- i) Prestasi perbelanjaan untuk 21 Jabatan bagi 12 butiran adalah kurang daripada 50% iaitu hanya berjumlah RM10.63 juta berbanding peruntukan asal berjumlah RM57.67 juta.
- ii) Sebanyak 11 Jabatan yang memohon peruntukan tambahan berjumlah RM0.24 juta adalah tidak perlu kerana perbelanjaan

yang dibuat berjumlah RM10.04 juta berbanding peruntukan asal berjumlah RM11.14 juta.

9.3.2 Perbelanjaan Pembangunan

Pada tahun 2003, perbelanjaan yang dibuat untuk melaksanakan projek pembangunan adalah berjumlah RM143.89 juta yang melibatkan 95 projek pembangunan Negeri. Antara projek pembangunan yang dilaksanakan ialah Projek Perumahan Awam Kos Rendah dan Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan pembangunan mendapati kawalan perbelanjaan adalah memuaskan kecuali:

- i) Peruntukan bagi 3 butiran projek berjumlah RM20.11 juta yang diluluskan kepada 3 Jabatan tidak dibelanjakan langsung.
- ii) Perbelanjaan bagi 5 butiran projek di bawah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri hanya berjumlah RM16.36 juta iaitu kurang 50% berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM35.30 juta.

9.3.3 Perbelanjaan Bekalan Air

Perbelanjaan bagi melaksanakan projek bekalan air bagi tahun 2003 adalah berjumlah RM248.90 juta iaitu 75.8% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM131.99 juta adalah dibiayai melalui wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan bakinya dibiayai daripada peruntukan Negeri. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan ini mendapati 3 projek pembangunan dan 2 butiran pengurusan bekalan air telah dibelanjakan kurang 50% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Perbelanjaannya adalah berjumlah RM23.73 juta berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM79.59 juta. Selain itu, tiada kelemahan ketara dalam kawalan perbelanjaan bekalan air.

9.3.4 Proses Pembayaran

Semakan Audit terhadap kawalan pembayaran mendapati kedudukan seperti berikut:

i) Prosedur Pemprosesan Bayaran

Sejak pertengahan tahun 2001, Kerajaan Negeri Kedah telah melaksanakan Sistem Perakaunan Berkomputer Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan akaun Kerajaan Negeri. Mengikut sistem ini, semua baucar bayaran tidak perlu lagi dihantar oleh Jabatan Negeri secara *manual* tetapi akan diproses dan dihantar secara *on-line* melalui sistem berkomputer (SPEKS). Semakan Audit mendapati sebanyak 23 Jabatan Negeri telah menggunakan sistem ini bagi membuat bayaran di Daerah Kota Star. Unit Naziran telah diwujudkan di Pejabat Perbendaharaan Negeri bagi tujuan memantau urusniaga SPEKS di peringkat Jabatan di seluruh Negeri Kedah. Bagi pejabat yang belum menggunakan SPEKS proses pembayaran masih dibuat secara manual. Adalah didapati proses pembayaran secara manual telah dibuat dengan teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

ii) Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran)

Pada tahun 2003, kelewatan penyerahan penyata penyesuaian bank oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri kepada Jabatan Audit Negara masih berlaku. Kelewatan adalah antara 8 hingga 31 minggu berbanding tahun 2002 yang mana kelewatannya adalah antara 6 hingga 19 minggu sahaja.

iii) Pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan

Bendahari Negeri perlu menyediakan Laporan Perbelanjaan Bulanan dan menghantar laporan itu setiap bulan kepada Pegawai Pengawal untuk disahkan dan disesuaikan jika ada perbezaan. Pemeriksaan Audit terhadap rekod kawalan yang diselenggara oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri menunjukkan sepanjang tahun 2003, seramai 29 daripada 45

Pegawai Pengawal telah tidak memberikan maklum balas terhadap laporan bulanan yang telah dihantar.

9.3.5 Kawalan Cek Terbatal

Arahan Perbendaharaan 118 menghendaki setiap cek bayaran yang tidak ditunaikan selepas tempoh 3 bulan daripada tarikh dikeluarkan hendaklah disifatkan sebagai terbatal. Cek tersebut hendaklah dilaraskan semula ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal. Selepas tempoh 6 tahun jika cek tersebut masih tidak dituntut, tindakan hendaklah diambil bagi mengkreditkan amaun cek terbatal ke akaun hasil. Bagi mengawal urusniaga cek terbatal tersebut satu daftar cek terbatal perlu diselenggarakan. Baki Akaun Penyelesaian Cek Terbatal pada akhir tahun 2003 berjumlah RM39.43 juta. Pemeriksaan Audit mendapati:

- i) Cek terbatal pada akhir tahun 2003 adalah sebanyak 1,530 keping yang bernilai RM39.43 juta. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM34.74 juta adalah merupakan cek yang dikeluarkan pada akhir bulan Disember 2003 tetapi cek tersebut tidak diserahkan kepada penerima untuk ditunaikan. Sebaliknya cek ini telah dibatalkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri pada 31 Disember 2003 sebelum tamat tempoh 3 bulan daripada tarikh ianya dikeluarkan. Tindakan pembatalan cek tersebut adalah bercanggah dengan peraturan kewangan kerana cek tersebut telah dibatalkan sebelum tamat tempohnya. Perbendaharaan Negeri sepatutnya lebih berhati-hati semasa memantau perbelanjaan.
- ii) Sebanyak 497 keping cek terbatal bernilai RM1.33 juta yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri antara bulan April 2002 hingga September 2003 masih belum diambil tindakan untuk dilaraskan ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal.
- iii) Perbendaharaan Negeri telah pun mengambil tindakan melaraskan cek yang tidak dituntut melebihi tempoh 6 tahun ke Akaun Hasil yang melibatkan RM3.44 juta.

Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan di Pejabat Perbendaharaan Negeri masih perlu dipertingkatkan lagi.

9.4 PENGURUSAN PINJAMAN

Kemampuan Kerajaan Negeri untuk melunaskan hutangnya adalah terhad. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri memerlukan pinjaman baru bagi menampung perbelanjaan semasa. Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan telah meningkat sejumlah RM0.14 bilion menjadi RM1.59 bilion pada akhir tahun 2003 berbanding RM1.45 bilion pada akhir tahun 2002. Semakan Audit menunjukkan jumlah terbesar daripada hutang ini adalah pinjaman untuk projek Bekalan Air yang berjumlah RM1.12 bilion dan pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (Perbadanan) yang berjumlah RM0.23 bilion.

9.4.1 Tunggakan Ansuran Bayaran Balik Pinjaman

Tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2003 berjumlah RM455.64 juta berbanding dengan tahun 2002 yang berjumlah RM329.20 juta. Peningkatan tunggakan bayaran balik ini adalah disebabkan kemampuan Kerajaan Negeri melunaskan bayaran balik hutang mengikut jadual yang ditetapkan adalah terhad. Pada tahun 2003 Kerajaan Negeri hanya melunaskan sejumlah RM10.09 juta sahaja, walaupun peruntukan sejumlah RM51.30 juta telah disediakan untuk tujuan tersebut. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2003 adalah seperti **Jadual 11**.

Jadual 11
Tunggakan Bayaran Balik Ansuran Pinjaman
Mengikut Sektor Pinjaman Tahun 2003

| Bil. | Sektor Pinjaman | Bil. Ansuran | Tunggakan Pada 31 Disember 2003 | | Jumlah (RM Juta) |
|---------------|----------------------------------|-----------------|------------------------------------|---------------------|---------------------|
| | | | Pokok (RM Juta) | Faedah (RM Juta) | |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah | 58 | 180.54 | 29.85 | 210.39 |
| 2. | Rancangan Bekalan Air | 86 | 125.66 | 44.95 | 170.61 |
| 3. | Perumahan Awam Kos Rendah | 5 | 25.63 | 5.76 | 31.39 |
| 4. | Pinjaman Pelbagai | 65 | 22.02 | 21.23 | 43.25 |
| Jumlah | | 214 | 353.85 | 101.79 | 455.64 |

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

Pada tahun 2003, Perbadanan tidak diberi sebarang pinjaman baru oleh Kerajaan Negeri. Perbadanan telah membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM5.81 juta pada tahun tersebut. Dengan itu, jumlah baki hutang Perbadanan kepada Kerajaan Negeri menurun daripada RM228.13 juta pada tahun 2002 menjadi RM222.32 juta pada tahun 2003. Prestasi bayaran balik pinjaman tersebut tidak memuaskan memandangkan tunggakan hutang yang sepatutnya dijelaskan oleh Perbadanan kepada Kerajaan Negeri sehingga akhir tahun 2003 adalah berjumlah RM210.39 juta. Keadaaan ini menjelaskan keupayaan Kerajaan Negeri untuk membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan. Semakan Audit mendapati semua rekod dan dokumen pinjaman telah diselenggara dengan kemas dan teratur.

Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman adalah memuaskan. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri hendaklah memastikan bayaran balik pinjaman dibuat mengikut jadual.

9.5 PENGURUSAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI

Pada akhir tahun 2003, mengikut Lembaran Imbangan pelaburan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM90.56 juta yang terdiri daripada simpanan tetap berjumlah RM59 juta dan saham RM31.56 juta. Manakala mengikut Penyata Memorandum, Kerajaan Negeri mempunyai pelaburan ekuiti di 4 buah syarikat berjumlah RM29 juta. Semakan Audit mendapati rekod yang diselenggarakan bagi mengawal urusniaga pelaburan adalah lengkap dan teratur. Bagi memantapkan lagi pengurusan pelaburan, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Unit Analisis Dan Pemantauan Pelaburan pada awal Januari 2001. Unit ini telah mengumpul data dan maklumat serta memberi cadangan dan nasihat mengenai bentuk pelaburan yang perlu dibuat.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan Kerajaan Negeri adalah memuaskan.

9.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH

Baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2003 berjumlah RM255.86 juta. Semakan Audit terhadap pengurusan Kumpulan Wang Amanah ini mendapati perkara berikut:

- i) Empat akaun amanah telah lebih dikeluarkan berjumlah RM2.13 juta. Akaun tersebut adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Akaun Amanah Terlebih Dikeluarkan

| Bil | Jabatan | Akaun Amanah | Baki pada 31 Disember 2003 (RM juta) |
|---------------|------------------------------------|---|---|
| 1. | Jabatan Agama Islam | Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain | (1.25) |
| 2. | Jabatan Perancang Bandar | Tabung Amanah Rayuan | (0.01) |
| 3. | Perbendaharaan Negeri | Dana Pusingan Projek Pembangunan | (0.77) |
| 4. | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri | Majlis Tindakan Pelancungan | (0.10) |
| Jumlah | | | (2.13) |

Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri

- ii) Enam akaun amanah telah ditubuhkan pada tahun 2003 yang berbaki RM2.25 juta. Semakan Audit mendapati 4 daripada 6 Akaun Amanah ini tidak disediakan Arahan Amanah seperti yang ditetapkan oleh peraturan.
- iii) Tujuh akaun amanah berbaki RM475,461 adalah didapati tidak aktif sejak tahun 2000. Jabatan terlibat hendaklah mengkaji keperluan akaun amanah ini dan jika akaun ini tidak diperlukan lagi atau telah mencapai matlamatnya, dicadangkan ianya ditutup. Butiran lanjut seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Akaun Amanah Yang Tidak Aktif

| Bil. | Jabatan | Akaun Amanah | Baki Pada 31 Disember 2003 (RM) | Tahun Ditubuhkan |
|---------------|--|--|--|---------------------|
| 1. | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri | Latihan Pengurusan (KIM) | 3,250 | 1998 |
| 2. | Jabatan Perancang Bandar | Rancangan Struktur Kuala Muda/Kulim/ Bandar Baru | 12,851 | 1991 |
| 3. | Perbendaharaan Negeri | Tabung Pesta Negeri | 260,921 | 1990 |
| 4. | Perbendaharaan Negeri | Sumbangan PKNK | 9,529 | 1996 |
| 5. | Perbendaharaan Negeri | Penyembelihan Korban | 880 | 1997 |
| 6. | Perbendaharaan Negeri | Tangga Kenari | 88,030 | 1997 |
| 7. | Perbendaharaan Negeri | Kampong Buku | 100,000 | 1997 |
| Jumlah | | | 475,461 | |

Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri

9.6.1 Kumpulan Wang Pinjaman Komputer

Kumpulan Wang ini diperuntukkan sejumlah RM700,000. Kumpulan Wang ini masih berbaki RM78,368. Baki hutang Akaun Pinjaman Komputer pada akhir Disember 2003 berjumlah RM621,632. Semakan Audit mendapati pengurusan Kumpulan Wang ini adalah memuaskan.

9.6.2 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan

Kumpulan Wang ini diperuntukkan sejumlah RM3.0 juta. Kumpulan Wang ini masih berbaki RM326,346. Baki hutang Akaun Pinjaman Kenderaan pada akhir Disember 2003 berjumlah RM2.67 juta. Daripada jumlah ini, baki 37 akaun pinjaman berjumlah RM0.10 juta berada dalam keadaan statik di mana tidak ada potongan bayaran balik dilakukan terhadap peminjam berkenaan sejak tahun 1995. Keadaan ini berlaku disebabkan pegawai yang meminjam telah bertukar dari perkhidmatan Negeri ke Persekutuan, bersara, meletak jawatan, atau telah meninggal dunia.

9.6.3 Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai

Kumpulan Wang ini diperuntukkan sejumlah RM0.80 juta sebagai pendahuluan untuk menjalankan aktiviti rasmi Kerajaan Negeri seperti Sambutan Hari Kemerdekaan, Hari Keputeraan dan pelbagai perayaan lain. Semakan Audit mendapati penyediaan akaun ini adalah lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, pelarasan balik ke akaun ini tidak disediakan dengan memuaskan. Baki Kumpulan Wang ini berjumlah RM0.15 juta. Pendahuluan yang belum diselesaikan pada akhir tahun 2003 berjumlah RM0.65 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM0.59 juta adalah pendahuluan yang diberikan antara tahun 1981 hingga 2002. Pendahuluan ini sepatutnya telah dilaraskan ke peruntukan aktiviti berkenaan kerana upacara telah selesai.

9.6.4 Akaun Deposit

Pada tahun 2003, sebanyak 80 akaun deposit yang dikawal oleh 31 Jabatan adalah mempunyai baki berjumlah RM134.85 juta. Baki ini telah berkurangan sejumlah RM6.02 juta berbanding tahun 2002 berjumlah RM140.87 juta. Bagi mengawal akaun deposit ini pada setiap bulan, Pejabat Perbendaharaan Negeri akan menghantarkan Laporan Akaun Amanah kepada Pegawai Pengawal untuk disemak dengan rekod pejabat berkenaan. Semakan Audit mendapati sebanyak 38 akaun berjumlah RM127.40 juta telah dibuat penyesuaian dan dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.

Bagaimanapun, masih ada 42 akaun dengan baki RM7.12 juta telah tidak dikemukakan senarai individu untuk audit.

Perbendaharaan Negeri hendaklah memastikan semua akaun deposit diserahkan kepada Jabatan Audit Negara bagi memastikan akaun ini diuruskan dengan teratur mengikut peraturan yang ditetapkan.

10. PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS)

Pada akhir tahun 1996, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan sistem perakaunan yang seragam bagi semua Kerajaan Negeri yang dikenali sebagai Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Pada bulan Mac 2000, Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) telah memutuskan untuk memilih Negeri Kedah dan Perlis sebagai negeri perintis bagi projek SPEKS ini. Projek ini yang bernilai RM10.57 juta telah dilaksanakan di Negeri Kedah dan Perlis melibatkan perbelanjaan bagi pembelian perkakasan, sistem aplikasi dan latihan kepada kakitangan. Perjanjian bagi melaksanakan projek ini telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan kontraktor terlibat pada akhir bulan Januari 2002.

10.1 OBJEKTIF PELAKSANAAN SPEKS

Tujuan utama pelaksanaan projek ini adalah untuk mempertingkatkan prestasi pengurusan kewangan terutama dalam penyediaan rekod dan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri.

10.2 PEMBANGUNAN SPEKS DI NEGERI KEDAH BAGI TAHUN 2003

Pembangunan SPEKS di Negeri Kedah dilaksanakan mulai pada bulan Julai 2001 dan sepatutnya siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2003. Bagaimanapun, disebabkan masalah kekurangan peruntukan, Perbendaharaan Malaysia telah bersetuju melanjutkan tempoh pelaksanaan projek perintis SPEKS ini kepada akhir bulan Julai 2004.

10.3 KEMAJUAN PELAKSANAAN SPEKS DI PERINGKAT JABATAN

Semakan Audit di 3 pejabat Kerajaan Negeri iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah yang terlibat dengan pelaksanaan SPEKS Fasa I bagi Modul Buku Vot. Pengauditan ini bertujuan untuk menilai prestasi pelaksanaan modul ini diperangkat pusat tanggungjawab. Hasil semakan Audit mendapati kedudukan seperti berikut:

- i) Modul ini telah siap dilaksanakan dan beroperasi dengan memuaskan.
- ii) Kawalan dalaman terhadap pelaksanaan SPEKS yang dibuat di Pejabat ini adalah memuaskan di mana setiap pegawai dan kakitangan yang ditugaskan menjalankan operasi telah diberi arahan dan kuasa bertulis oleh Ketua Jabatan masing-masing.
- iii) Penyediaan baucar dan proses meluluskan bayaran adalah memuaskan di mana ianya telah dibuat mengikut peraturan/panduan SPEKS yang ditetapkan bagi Modul Buku Vot.
- iv) Pembatalan terhadap baucar bayaran yang dibuat juga adalah tidak memuaskan di mana setiap baucar yang dibatalkan dicetak tetapi tidak disimpan bersama salinan baucar gantian.
- v) Pejabat Perbendaharaan Negeri sentiasa membuat pemantauan pelaksanaan SPEKS ini dengan sering membuat ujian dan pemeriksaan ke Pejabat terlibat.

10.4 KAWALAN UMUM SPEKS

Bagi memastikan SPEKS ini beroperasi dengan sempurna, Pejabat Perbendaharaan Negeri telah mengadakan beberapa sistem kawalan mengenainya. Antara kawalan yang dibuat adalah seperti berikut:

10.4.1 Kawalan Operasi

Semakan Audit mendapati kawalan terhadap operasi penggunaan SPEKS adalah memuaskan di mana setiap pegawai yang bertanggungjawab memasuk, menyemak dan meluluskan maklumat data ke dalam komputer telah dibekalkan dengan kata laluan yang tersendiri dan kemasukan ke sistem direkodkan secara automatik

ke satu fail komputer. Pemantauan prestasi SPEKS sentiasa dijalankan oleh Seksyen Komputer Perbendaharaan Negeri. Di samping itu Manual Pengguna juga telah dibekalkan kepada Pejabat terlibat sebagai panduan bagi penggunaan SPEKS.

10.4.2 Kawalan Capaian Logikal

Kawalan Capaian Logikal ini adalah kawalan yang dibuat melalui penggunaan pengenalan pengguna dan katalaluan yang diberikan kepada pegawai dan kakitangan yang mengendalikan komputer. Sebagai kawalan, pihak Perbendaharaan Negeri telah menetapkan hanya Ketua Seksyen Komputer Perbendaharaan Negeri sahaja yang boleh mewujudkan pengenalan pengguna, katalaluan dan menu yang boleh digunakan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kawalan yang dibuat tidak begitu kemas kerana surat memberitahu pengenalan pengguna dan katalaluan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri kepada pegawai terlibat hanya disimpan dalam fail biasa yang terdedah kepada kakitangan lain. Juga didapati bilangan percubaan kemasukan ke sistem tidak dihadkan dan ini telah melemahkan kawalan terhadap penggunaan SPEKS.

10.4.3 Kawalan Fizikal dan Persekutaran

Di Perbendaharaan Negeri, satu bilik khas yang dilengkapi dengan pendingin hawa dan lantai yang ditinggikan telah disediakan bagi menempatkan komputer server SPEKS. Dua unit pendingin hawa berasingan telah dipasang untuk digunakan sebagai pendingin hawa sokongan. Sistem jana kuasa elektrik sokongan juga telah disediakan bagi membolehkan pemprosesan diteruskan sekiranya terputus bekalan elektrik. Alat sokongan bekalan elektrik digunakan bagi membolehkan fail komputer disimpan dan sistem ditutup dengan selamat apabila terputus bekalan elektrik. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kawalan akses ke bilik khas tersebut adalah lemah. Pintu masuk ke bilik tersebut sentiasa terbuka dan tiada kawalan keluar masuk. Pintu bilik hanya dipasang dengan kunci biasa dan bukannya kunci yang menggunakan kad pintar atau

kunci digital. Di samping itu, alat penggera haba/asap dan pemadam api yang sesuai tidak dipasang dalam bilik tersebut.

10.4.4 Kawalan Perancangan Operasi Yang Berterusan

Kawalan ini melibatkan perancangan bagi memastikan urusniaga di Perbendaharaan Negeri tidak tergendala sekiranya berlaku sebarang bencana. Semakan Audit mendapati *backup* harian dan bulanan telah dibuat oleh Perbendaharaan Negeri. Salinan *backup* bulanan dibuat dua salinan di mana satu salinan disimpan di Perbendaharaan Negeri dan satu salinan lagi disimpan di Pejabat Kewangan Negeri. Salinan *backup* juga telah diuji. Kaedah ini adalah memuaskan. Bagaimanapun, Pihak Perbendaharaan Negeri tiada pelan kecemasan yang menetapkan prosedur pemulihan yang perlu diikuti jika berlaku bencana. Selain itu, komputer pelayan sokongan di tapak lain juga tidak disediakan.

10.4.5 Kawalan Penggunaan Komputer

Setiap Jabatan Kerajaan Negeri telah dibekalkan dengan sekurang-kurangnya satu unit komputer peribadi yang disambung ke SPEKS. Komputer tersebut dilengkapi dengan perisian bagi menyambungkannya ke SPEKS dan perisian Microsoft Office. Komputer juga dilengkapi dengan perisian *anti-virus* bagi melindunginya daripada serangan virus. Adalah diperhatikan, selain daripada pengenalan pengguna dan katalaluan SPEKS, kawalan kemasukan ke rangkaian juga digunakan sebagai kawalan pertama di mana pengguna perlu memasukkan pengenalan pengguna dan katalaluan. Bagaimanapun, adalah didapati kawalan tidak dijalankan terhadap komputer SPEKS tersebut bagi memastikan bahawa tiada program, selain daripada yang telah diluluskan, telah dimasukkan ke komputer tersebut oleh pengguna sendiri yang mana boleh menjelaskan operasi SPEKS.

Pada pendapat Audit, pembangunan dan pelaksanaan SPEKS adalah tidak mengikut jadual. Sehingga bulan Julai 2004 masih ada 4 modul yang belum dilaksanakan. Hasrat Kerajaan Negeri supaya projek

SPEKS dapat disiapkan pada akhir bulan Julai 2004 tidak tercapai. Dari segi kawalan, penggunaan SPEKS ini masih ada beberapa kelemahan.

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhan, pengurusan dan kawalan kewangan serta pembangunan dan pelaksanaan SPEKS oleh Perbendaharaan Negeri masih belum berjaya mencapai tahap yang memuaskan. Kelemahan pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod boleh menjelaskan akauntabiliti dan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri jika tidak diambil tindakan segera untuk mengatasinya. Dengan itu tindakan perlu diambil bagi memastikan SPEKS ini dapat beroperasi dengan sempurna dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

PENGURUSAN KEWANGAN DI PERINGKAT JABATAN

12. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2003, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 4 Jabatan/Pejabat iaitu Pejabat Tanah Yan, Pejabat Daerah Kubang Pasu, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Jabatan Perhutanan Negeri. Adalah didapati semua Jabatan telah melakukan perbelanjaan mengurus berjumlah RM28.93 juta pada tahun 2003. Manakala pungutan hasil berjumlah RM2.26 juta dan deposit berjumlah RM1.93 juta pada tahun yang sama. Butiran lanjut mengenai hasil, perbelanjaan dan deposit bagi 4 Jabatan/Pejabat adalah seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Jumlah Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit Tahun 2003

| Bil. | Jabatan/Pejabat | Hasil (RM) | Perbelanjaan (RM) | Baki Deposit (RM) |
|------|-------------------------------|------------------|-------------------|-------------------|
| 1. | Pejabat Tanah Yan | 1,683,636 | 513,066 | 80,850 |
| 2. | Pejabat Daerah Kubang Pasu | 333,361 | 1,455,950 | 9,365 |
| 3. | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | 178,093 | 20,674,556 | 547,716 |
| 4. | Jabatan Perhutanan Negeri | 66,721 | 6,291,010 | 1,294,020 |
| | Jumlah | 2,261,811 | 28,934,582 | 1,931,951 |

Sumber: Rekod Jabatan Negeri

13. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Tujuan pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada urus tadbir yang baik mengenai pengurusan kewangan dilaksanakan dengan teratur, mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta wujud sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan hasil, perbelanjaan, amanah, deposit dan aset. Di samping itu, pengauditan juga bertujuan untuk memastikan rekod kewangan ada diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Pengauditan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan tahun 2003. Antara rekod yang disemak adalah Buku Tunai, Penyata Pemungut, Daftar

Pemeriksaan Mengejut, Buku Vot, Pesanan Tempatan, Daftar Bil, Lejar Deposit, Daftar Harta Modal dan Inventori dan Buku Log.

14. PENEMUAN AUDIT

14.1 KAWALAN PENGURUSAN

Pihak pengurusan bertanggungjawab menentukan operasi Jabatan dijalankan dengan teratur dengan mewujudkan struktur organisasi yang lengkap dan kemas kini, menyediakan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, latihan kepada kakitangan dan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Pemeriksaan Audit mendapati kesemua pejabat telah menyediakan Carta Organisasi dan Manual Prosedur Kerja dengan lengkap dan kemas kini serta ada memberi penurunan kuasa yang jelas untuk mengendalikan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, Fail Meja tidak disediakan di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Jabatan Perhutanan Negeri, manakala kesemua pejabat masih belum menujuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun. Kedudukan pelaksanaan kawalan pengurusan kewangan secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Kedudukan Kawalan Pengurusan Pejabat

| Pejabat | Kawalan Pengurusan | | | | | |
|-------------------------------|--------------------|---|---|---|---|---|
| | a | b | c | d | e | f |
| Pejabat Tanah Yan | / | x | / | / | / | x |
| Pejabat Daerah Kubang Pasu | / | x | / | / | / | x |
| Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | / | x | x | / | / | x |
| Jabatan Perhutanan Negeri | / | / | x | / | / | x |

Nota: /: Mematuhi x: Tidak Mematuhi

- a. Carta Organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- b. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- c. Fail Meja disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- d. Penurunan kuasa secara bertulis telah dibuat.
- e. Latihan pengurusan kewangan diberi kepada kakitangan. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun ditubuhkan

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Jabatan/Pejabat yang diaudit perlu dipertingkatkan lagi.

14.2 KAWALAN HASIL

Arahan Perbendaharaan menetapkan beberapa peraturan mengenai pengurusan hasil yang perlu dipatuhi bagi memastikan kawalan dalam yang secukupnya diwujudkan oleh Jabatan/Pejabat di mana semua pungutan dibuat dengan teratur, diperakaunkan dengan tepat serta dimasukkan ke bank dengan segera. Semakan Audit mendapati kawalan hasil kurang memuaskan disebabkan beberapa kelemahan seperti pejabat tidak menjalankan pemeriksaan mengejut, penyata penyesuaian hasil yang disedia tidak tepat dan borang hasil tidak diperiksa sebelum digunakan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17

**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung
Dengan Kawalan Hasil**

| Pejabat | Peraturan Kawalan Hasil | | | | | | | | | | |
|-------------------------------|-------------------------|---|---|---|---|---|---|---|---|---|--|
| | a | b | c | d | e | f | g | h | i | j | |
| Pejabat Tanah Yan | / | x | x | / | / | x | x | / | x | x | |
| Pejabat Daerah Kubang Pasu | x | / | x | x | / | / | / | / | x | x | |
| Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | / | / | / | / | x | x | / | / | x | x | |
| Jabatan Perhutanan Negeri | / | / | / | / | / | x | / | / | / | x | |

Nota : /:Mematuhi x: Tidak Mematuhi

- a. Buku stok borang hasil disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- b. Buku stok borang hasil tidak diperiksa oleh pegawai.
- c. Borang hasil diperiksa sebelum diguna.
- d. Semakan harian Buku Tunai dibuat.
- e. Slip bank disemak sebelum dan selepas wang dimasuk ke bank.
- f. Pungutan hasil disokong dengan resit Perbendaharaan Negeri.
- g. Daftar Mel diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- h. Buku Tunai dikemuka kepada Perbendaharaan Negeri setiap bulan.
- i. Penyata Penyesuaian Hasil disediakan dengan tepat.
- j. Pemeriksaan mengejut terhadap wang pejabat dijalankan 6 bulan sekali.

Pada pendapat Audit, tahap pematuhan terhadap peraturan kawalan hasil perlu diperbaiki lagi.

14.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan semua perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakaunkan dengan betul. Pemeriksaan Audit mendapati Pejabat Tanah Yan telah menguruskan perbelanjaannya dengan memuaskan. Peruntukan yang diterima dan perbelanjaan telah dicatat dengan lengkap kini dalam Buku Vot, disahkan dan ditandatangan ringkas oleh pegawai yang diberi kuasa. Manakala 3 Pejabat lagi perlu memperbaiki pengurusan kewangannya. Kedudukan secara keseluruhan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Perbelanjaan

| Pejabat | Peraturan Kawalan Perbelanjaan | | | | | | |
|-------------------------------|--------------------------------|---|---|---|---|---|---|
| | a | b | c | d | e | f | g |
| Pejabat Tanah Yan | / | / | / | / | / | / | / |
| Pejabat Daerah Kubang Pasu | / | x | / | / | x | / | / |
| Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | / | x | x | x | / | x | / |
| Jabatan Perhutanan Negeri | x | / | / | x | x | / | / |

Sumber: Rekod Jabatan Negeri

Nota : /: Mematuhi x: Tidak Mematuhi

- a. Setiap perbelanjaan dan tanggungan dicatat dengan lengkap dan kemas kini dalam Buku Vot.
- b. Setiap catatan dalam Buku Vot disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa.
- c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan seperti yang ditetapkan.
- d. Daftar Bil diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- e. Semua bil dicap tarikh terima.
- f. Bil dibayar dalam tempoh 30 hari daripada tarikh bil diterima.
- g. Daftar baucar diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap peraturan kawalan perbelanjaan oleh semua Pejabat adalah kurang memuaskan kecuali Pejabat Tanah Yan.

14.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

Akaun Amanah adalah diwujudkan mengikut Akta Acara Kewangan untuk mengakaunkan wang amanah yang diterima untuk suatu tujuan yang khusus. Manakala deposit adalah wang yang dipungut daripada orang awam sebagai cagaran terhadap sesuatu urusan yang dijalankan. Mengikut peraturan, wang amanah dan deposit hendaklah diakaunkan dengan lengkap dan teratur dalam akaun/rekod yang berkaitan. Baki amanah dan deposit yang ada dalam simpanan Pejabat pada akhir tahun 2003 adalah berjumlah RM1.93 juta. Semakan Audit terhadap kawalan Akaun Amanah dan deposit di semua Pejabat mendapati pada keseluruhannya adalah memuaskan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berkaitan kawalan akaun amanah dan deposit adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung
Dengan Akaun Amanah/Deposit

| Pejabat | Peraturan Kawalan Amanah/Deposit | | | | |
|-------------------------------|----------------------------------|---|---|---|---|
| | a | b | c | d | e |
| Pejabat Tanah Yan | / | / | / | x | / |
| Pejabat Daerah Kubang Pasu | / | / | / | / | / |
| Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | x | / | / | / | / |
| Jabatan Perhutanan Negeri | / | / | / | / | / |

Nota: / Mematuhi x Tidak Mematuhi

- a. Buku Tunai amanah/deposit disediakan
- b. Lejar individu disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- c. Flimsi Amanah diterima dan dibuat penyesuaian.
- d. Akaun deposit dipulangkan kepada pemilik setelah urusan selesai
- e. Ketua Pejabat menyemak rekod amanah/deposit

14.4.1 Pengurusan Pinjaman Kenderaan Dan Komputer

Mengikut peraturan, Jabatan hendaklah menyelenggara Daftar Pinjaman Kenderaan dan Komputer untuk merekodkan butiran terimaan dan bayaran balik pinjaman. Selain itu, Ketua Jabatan perlu menyimpan salinan kad pendaftaran kenderaan, invois pembelian dan salinan sijil insurans kenderaan berkaitan pinjaman berkenaan. Pemeriksaan Audit mendapati pengurusan pinjaman kenderaan dan komputer di semua pejabat telah diurus dengan memuaskan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Pejabat telah melaksanakan kawalan Akaun Amanah dan Deposit dengan memuaskan.

14.5 PENGURUSAN ASET

Aset yang dimiliki oleh Jabatan Kerajaan adalah terdiri daripada kenderaan, mesin, komputer dan peralatan pejabat. Bagi memastikan aset ini diuruskan dan dikawal dengan sempurna dan tidak disalahgunakan, Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 mengenai pengurusan kenderaan dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 mengenai penyelenggaraan Daftar Harta Modal. Semakan Audit terhadap pengurusan aset dan kenderaan oleh semua Pejabat berkenaan mendapati pematuhan terhadap peraturan ini adalah sangat tidak memuaskan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan berhubung dengan pengurusan aset dan kenderaan adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung
Dengan Pengurusan Aset dan Kenderaan

| Pejabat | Peraturan Pengurusan Aset | | | | | | | |
|-------------------------------|---------------------------|---|---|---|---|---|---|---|
| | a | b | c | d | e | f | g | h |
| Pejabat Tanah Yan | / | x | x | x | x | / | / | x |
| Pejabat Daerah Kubang Pasu | x | x | x | x | x | x | x | x |
| Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | x | x | x | x | x | x | x | x |
| Jabatan Perhutanan Negeri | / | x | x | x | x | x | x | / |

Nota : /: Mematuhi X: Tidak Mematuhi

- a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggarakan.
- b. Nombor siri pendaftaran dicatat pada aset.
- c. Butir-butir pembelian/pembakaian direkodkan dalam daftar.
- d. Pemeriksaan fizikal aset dan inventori dibuat mengikut ketetapan.
- e. Buku Log diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- f. Cerakinan penggunaan minyak pada setiap bulan dibuat.
- g. Resit pembelian minyak disemak dengan tuntutan bulanan yang diterima daripada Syarikat.
- h. Barang-barang rosak telah diambil tindakan pelupusan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset adalah tidak memuaskan. Ketua Pejabat hendaklah mengambil tindakan yang tegas untuk memperbaiki pengurusan aset dan kenderaan.

15. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di semua Pejabat yang diaudit adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Ianya melibatkan aspek kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan dan aset. Setiap Ketua Pejabat hendaklah mengambil tindakan bagi memastikan semua kelemahan pengurusan diatasi dengan segera.

16. PROGRAM AUDIT PRESENCE

16.1 LATAR BELAKANG

Program *Audit Presence* adalah pemeriksaan Audit terhadap Jabatan/Pejabat yang tidak terlibat untuk pengauditan pengurusan kewangan pada tahun semasa. Keutamaan pemilihan adalah kepada Jabatan yang mengutip hasil dan belum pernah atau tidak diaudit dalam tempoh 3 tahun. Program ini dimulai pada tahun 2003 meliputi pemeriksaan terhadap beberapa elemen pengurusan kewangan dengan memberi penekanan kepada aspek kawalan dalam terhadap pungutan hasil, perbelanjaan dan aset.

16.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Program *Audit Presence* ini adalah seperti berikut :

- i) Sebagai langkah pencegahan daripada berlaku kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan.
- ii) Mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan audit terhadap pentingnya mengurus kewangan dan harta benda dengan cermat dan berhemat.
- iii) Melaksanakan peranan Audit bagi memantau dan menasihati pihak auditi.

16.3 PELAKSANAAN DAN PENDEKATAN

16.3.1 Pemilihan Jabatan/Pejabat

Pada tahun 2003, sebanyak 19 Jabatan telah dipilih untuk program ini berdasarkan kepada Jabatan yang tidak terlibat di dalam pengauditan pengurusan kewangan yang merangkumi Jabatan yang berada di daerah.

16.3.2 Tatacara Pelaksanaan

Pemilihan aspek pengauditan bergantung kepada persekitaran atau aktiviti utama sesebuah Jabatan. Tumpuan pengauditan adalah kepada aspek kawalan hasil, kawalan perbelanjaan dan

pengurusan aset. Pihak Audit mengadakan perbincangan dengan auditi mengenai masalah yang dihadapi dan mengesyorkan langkah penyelesaian yang sewajarnya.

16.4 PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya kawalan hasil, perbelanjaan dan pengurusan aset dan inventori di 19 Jabatan yang dilawati adalah kurang memuaskan. Pihak Jabatan perlu mempertingkatkan aspek kawalan hasil dan perbelanjaan dengan mematuhi beberapa peraturan kewangan seperti menjalankan pemeriksaan mengejut, mengemas kini penyata penyesuaian bulanan dan mempertingkatkan penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil. Semakan Audit terhadap pengurusan aset dan inventori pula mendapati kelemahan utama adalah dari segi penyelenggaraan Daftar Harta Modal dan Buku Log kenderaan. Secara keseluruhannya kedudukan penemuan Audit adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Secara Keseluruhan

| Jabatan/Pejabat | Bil. Pejabat dilawati | Kawalan Hasil | | Kawalan Perbelanjaan | | Aset | |
|-------------------------------|-----------------------------|------------------|----------|-------------------------|----------|-----------|----------|
| | | M | TM | M | TM | M | TM |
| Jabatan Pertanian | 4 | 3 | 1 | 3 | 1 | 3 | 1 |
| Jabatan Perkhidmatan Haiwan | 4 | 4 | - | TB | TB | 3 | 1 |
| Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | 3 | 2 | 1 | TB | TB | 3 | - |
| Jabatan Pengairan Dan Saliran | 1 | 1 | - | 1 | - | 1 | - |
| Pejabat Tanah Bandar Baharu | 1 | - | 1 | 1 | - | 1 | - |
| Pejabat Tanah Pendang | 1 | - | 1 | 1 | - | 1 | - |
| Pejabat Tanah Kuala Muda | 1 | 1 | - | 1 | - | 1 | - |
| Jabatan Kerja Raya | 3 | 3 | - | 3 | - | 1 | 2 |
| Pejabat Daerah Baling | 1 | - | 1 | - | 1 | 1 | - |
| Jumlah | 19 | 14 | 5 | 10 | 2 | 15 | 4 |

M = Memuaskan; TM = Tidak Memuaskan; TB = Tidak Berkenaan (semakan tidak dibuat)

16.5 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI

Pemeriksaan Audit terhadap beberapa elemen pengurusan kewangan mendapati kelemahan seperti berikut :

- i) Sembilan Jabatan tidak menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga.
- ii) Sembilan Jabatan tidak mengemas kini Penyata Penyesuaian Hasil.
- iii) Tiga Jabatan tidak menyelenggarakan Daftar Bil dengan kemas kini dan tiada pemeriksaan dilakukan oleh pegawai yang bertanggungjawab.
- iv) Tiga Jabatan tidak menyelenggarakan Buku Vot dengan kemas kini.
- v) Sebelas Jabatan tidak menyelenggarakan Daftar Harta Modal dan Inventori secara kemas kini.
- vi) Empat Jabatan tidak mengambil tindakan pelupusan terhadap aset yang usang dan tidak boleh guna.

17. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Hasil daripada *Audit Presence* yang dijalankan terhadap 19 Jabatan tersebut mendapati pengurusan kewangan yang dibuat belum mencapai tahap yang memuaskan. Adalah diharapkan semua Jabatan mematuhi arahan dan peraturan dengan sepenuhnya. Ini adalah bagi memastikan pengurusan kewangan Jabatan sentiasa diuruskan dengan cekap dan sempurna.

18. PROGRAM ANAK ANGKAT

18.1 LATAR BELAKANG

Program Anak Angkat merupakan salah satu pendekatan yang diambil oleh Jabatan Audit Negara untuk membantu Jabatan dan Agensi memantapkan pengurusan kewangan. Melalui program ini, Jabatan Audit Negara mengambil langkah yang lebih sistematik untuk membantu Jabatan dan Agensi yang bermasalah dalam pengurusan kewangannya. Ini selaras dengan Visi Jabatan Audit Negara iaitu menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam. Jabatan/Agensi akan diberi bimbingan dan nasihat bagi memperbaiki segala aspek pengurusan kewangan.

18.2 OBJEKTIF PROGRAM

Objektif program adalah untuk membantu Jabatan/Agensi memantapkan pengurusan kewangan dengan memberi bimbingan dan nasihat teratur terutama dari segi penyelenggaraan rekod perakaunan serta mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

18.3 PELAKSANAAN PROGRAM

Pelaksanaan program yang dijalankan oleh pihak Audit adalah bergantung kepada kriteria seperti berikut:

18.3.1 Kaedah Pemilihan Jabatan Dan Agensi

Kaedah pemilihan Jabatan dan Agensi pada umumnya dibuat berdasarkan perkara seperti berikut:

- i) Pemerhatian Audit yang sering dibangkitkan.
- ii) Pemerhatian yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam.
- iii) Aduan awam melalui media dan sumber tertentu seperti Biro Pengaduan Awam.
- iv) Cadangan oleh Ketua Jabatan/Agensi yang menunjukkan minat/inisiatif untuk memperbaiki kelemahan pengurusan kewangannya.

18.3.2 Jabatan Dan Agensi Yang Dipilih

Pada tahun 2003, sebanyak 4 Jabatan/Agensi yang telah dipilih iaitu:

- i) Pejabat Tanah Baling
- ii) Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri
- iii) Institut Agama Islam Negeri Kedah
- iv) Majlis Daerah Yan

18.3.3 Tatacara Pelaksanaan

Beberapa tatacara pelaksanaan ditetapkan bagi Jabatan/Agensi yang dipilih untuk menyertai Program Anak Angkat sebagaimana berikut:

- i) Menyediakan Surat Perlantikan Jabatan/Agensi sebagai Anak Angkat dan melantik *Liason Officer* bagi memudahkan perhubungan dan tindakan susulan.
- ii) Penjelasan mengenai Program Anak Angkat, tujuan dan kaedah pelaksanaannya melalui *entrance conference*.
- iii) Mengenal pasti masalah pengurusan kewangan dengan membuat penilaian menyeluruh terhadap aspek kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan, amanah, deposit dan pengurusan aset dan inventori.
- iv) Perbincangan dengan Ketua Jabatan berkenaan untuk mendapatkan penglibatan dan komitmen Ketua Jabatan terhadap langkah pembetulan yang perlu diambil oleh Jabatan dan Agensi berkenaan.
- v) Memberi latihan secara teori dan praktikal kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan Pejabat.
- vi) Mengadakan lawatan dan perbincangan setiap 3 bulan sebagai susulan untuk memperbaiki kelemahan.

Program ini akan dikekalkan sehingga Jabatan dan Agensi yang terlibat telah berjaya memperbaiki kelemahan yang telah dibangkitkan dan pihak Audit telah berpuas hati terhadap pencapaian keseluruhan Jabatan dan Agensi terlibat.

18.4 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI

Hasil daripada penilaian yang dijalankan, pihak Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

- i) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini.
- ii) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak ditubuhkan.
- iii) Kawalan hasil kurang memuaskan dari segi perakaunan hasil dan penyelenggaraan rekod perakaunan.
- iv) Penyelenggaraan Buku Vot kurang memuaskan.
- v) Kawalan urusan bayaran kurang memuaskan.
- vi) Jabatan dan Agensi tidak menyelenggarakan Daftar Aset dan Inventori serta pemeriksaan tahunan tidak dilakukan.

18.5 TINDAKAN PEMBETULAN OLEH JABATAN

Jabatan dan Agensi terlibat telah berusaha untuk memperbaiki kelemahan yang telah dibangkitkan dengan mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- i) Jabatan dan Agensi telah mengemas kini maklumat yang berkaitan untuk tujuan penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja kecuali Majlis Daerah Yan yang sedang berusaha bagi mengemas kini Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.
- ii) Bagi mengatasi masalah di dalam aspek kawalan hasil, Jabatan dan Agensi telah mengambil tindakan dengan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan satu senarai semak pengurusan kewangan disediakan. Selain itu, Jabatan juga telah melantik pegawai untuk memeriksa dan memantau semua kelemahan yang dibangkitkan. Antara tindakan yang diambil adalah kutipan hasil telah dibank setiap hari, Buku Tunai Cerakinan telah disemak, penyata penyesuaian hasil telah disediakan dengan kemas kini. Majlis Daerah Yan sedang berusaha bagi mengemas kini penyediaan penyata penyesuaian bank terimaan.
- iii) Jabatan dan Agensi telah menyelenggarakan Buku Vot mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1987. Semua tanggungan telah direkodkan. Selain itu, pegawai penyelia juga telah

menyemak buku tersebut dari semasa ke semasa. Majlis Daerah Yan sedang berusaha untuk mengemaskini Daftar Bil dan penyediaan penyata penyesuaian bank.

- iv) Pejabat Tanah Baling, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri dan Institut Agama Islam Negeri Kedah telah mengambil tindakan menyediakan Daftar Harta Modal dengan lengkap, memberi nombor pendaftaran aset dan inventori dan melupuskan aset yang rosak. Majlis Daerah Yan sedang mengemas kini Daftar Harta Modal dan Inventori.

18.6 PENCAPAIAN

Berdasarkan prestasi dan penglibatan Jabatan/Agensi dalam Program Anak Angkat, adalah didapati Pejabat Tanah Baling, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri dan Institut Agama Islam Negeri Kedah telah mencapai matlamatnya. Semua pemerhatian yang dibangkitkan telah diambil tindakan secara proaktif. Penglibatan pegawai dan kakitangan di dalam menjayakan Program ini amat menggalakkan. Bagaimanapun, Program Anak Angkat ini masih lagi diteruskan terhadap Majlis Daerah Yan. Pihak Audit akan membuat pemantauan untuk menilai kedudukan terkini Majlis terbabit.

18.7 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Program Anak Angkat telah berjaya membantu menangani masalah pengurusan kewangan. Segala usaha telah dilakukan untuk memastikan Jabatan/Agensi dapat menguruskan kewangan dan rekod perakaunan dengan teratur dan sempurna. Secara keseluruhannya, Pejabat Tanah Baling, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri dan Institut Agama Islam Negeri Kedah telah berjaya mengatasi kelemahan pengurusan kewangan dengan baik. Bagi Jabatan/Agensi lain, Jabatan Audit Negara akan meneruskan Program Anak Angkat sehingga tahun 2004 bagi mengatasi kelemahan yang berbangkit. Bagaimanapun, kejayaan pengurusan kewangan yang cekap, mantap dan berkesan adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal.

BAHAGIAN III

AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

19. PENDAHULUAN

Mengikut Seksyen 6 Akta Audit 1957 Jabatan Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan terhadap program dan aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Tujuannya adalah bagi menentukan setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan telah mencapai objektif yang ditetapkan dan ianya dilaksanakan dengan cekap, ekonomik dan berkesan. Bagi memenuhi kehendak ini pada tahun 2003, sebanyak 3 program dan aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Kedah telah dibuat kajian Audit. Kajian yang dijalankan tersebut adalah seperti berikut:

- i) Program Industri Buah-buahan;
- ii) Program Tebatan Banjir; dan
- iii) Pengurusan Ubah Syarat dan Jenis Penggunaan Tanah.

JABATAN PERTANIAN

PROGRAM INDUSTRI BUAH-BUAHAN

20. LATAR BELAKANG

Program Industri Buah-buahan mula dilaksanakan di Negeri Kedah semasa Rancangan Malaysia Kelapan iaitu mulai pada tahun 2001 hingga 2005. Sebelum daripada itu, program bagi membangun dan memajukan dusun buah-buahan dilaksanakan melalui program yang dikenali sebagai Sistem Galakan Buah-buahan Berkelompok. Matlamat utama pembangunan industri buah-buahan ini adalah bagi membekalkan buah-buahan yang mencukupi untuk keperluan penduduk Negeri Kedah yang berjumlah 2.5 juta orang dan juga bagi meningkatkan pendapatan para petani. Pembangunan Industri Buah-buahan yang dijalankan ini adalah selaras dengan Dasar Pertanian Negara yang telah menetapkan supaya jumlah

pengeluaran buah-buahan tempatan dipertingkatkan bagi mengganti buah-buahan yang diimport dan juga menambah pasaran untuk dieksport.

Bagi melaksanakan program ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah merancang dan melaksanakan berbagai aktiviti mengenainya. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan tersebut adalah aktiviti bagi memulihkan dusun yang sedia ada dan pelaksanaan ladang secara berkelompok. Program ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian dengan cara memberi bantuan, khidmat nasihat dan menyediakan kemudahan infrastruktur seperti jalan, peralatan dan pelbagai kemudahan kepada para petani. Bagi tempoh tahun 2001 sehingga 2003, Jabatan Pertanian telah membelanjakan sejumlah RM7.27 juta untuk tujuan melaksanakan program ini.

21. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pembangunan industri buah-buahan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

22. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap program ini bagi tempoh 3 tahun iaitu mulai tahun 2001 hingga 2003. Kajian ini dijalankan dengan membuat semakan terhadap rekod berkaitan di Ibu Pejabat Pertanian Negeri serta Pejabat Pertanian Daerah Baling, Padang Terap dan Sik. Pemilihan 3 Daerah ini disebabkan kawasan tersebut mempunyai ramai peserta yang menyertai program ini. Analisis juga dibuat terhadap laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan di samping mengadakan lawatan ke dusun dan juga mengadakan perbincangan dengan pegawai dan peserta terlibat.

23. PENEMUAN AUDIT

23.1 PERANCANGAN

Bagi memastikan program ini mencapai matlamat yang ditetapkan, perancangan yang rapi perlu dibuat oleh Jabatan. Pihak Audit telah meneliti aspek perancangan seperti berikut:

23.1.1 Konsep Program

Program ini dikategorikan kepada 3 aktiviti utama seperti berikut:

i) Aktiviti Pemulihan Dusun

Aktiviti Pemulihan Dusun adalah bagi menaiktaraf dan memulihkan dusun sedia ada bagi meningkatkan jumlah hasil petani. Para peserta hendaklah memiliki dusun daripada jenis tanaman yang ditetapkan oleh Jabatan seperti durian, rambutan, manggis dan ciku.

ii) Aktiviti Dusun Berkelompok

Dusun berkelompok adalah dusun yang dijayakan secara berkelompok dan lebih teratur di kawasan baru yang dahulunya terbiar atau ditanam dengan tanaman lain. Para petani yang dipilih untuk menyertai program ini hendaklah mempunyai dusun yang terletak di satu kawasan yang berdekatan yang disertai oleh sekurang-kurangnya 3 keluarga petani. Antara jenis tanaman yang ditetapkan oleh Jabatan seperti mangga, limau madu dan dokong.

iii) Menyediakan Khidmat Sokongan

Aktiviti ini adalah bertujuan untuk menyokong dan menguatkan pembangunan program dengan menyediakan infrastruktur seperti khidmat pengangkutan, penyediaan tempat pengumpulan dan jualan buah-buahan.

23.1.2 Keluasan Kawasan Dusun

Mengikut perancangan RMK8 program ini akan melibatkan kawasan seluas 6,975 hektar. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, seluas 2,143 hektar dirancang untuk pemulihan dusun dan

2,083 hektar untuk aktiviti dusun berkelompok. Butiran keluasan yang dirancang adalah seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Keluasan Dusun Yang Dirancang
Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

| Tahun | Keluasan Mengikut Aktiviti | |
|---------------|-----------------------------|-------------------------------|
| | Pemulihan Dusun (hektar) | Dusun Berkelompok (hektar) |
| 2001 | 713 | 698 |
| 2002 | 710 | 689 |
| 2003 | 720 | 696 |
| Jumlah | 2,143 | 2,083 |

Sumber : Rancangan Malaysia Kelapan, Jabatan Pertanian Negeri Kedah

23.1.3 Jenis Tanaman

Mengikut RMK8 Jabatan Pertanian Negeri Kedah, sebanyak 17 jenis tanaman buah-buahan dikenal pasti untuk ditanam di bawah program ini. Tanaman ini adalah terdiri daripada jenis buah-buahan yang mempunyai permintaan yang tinggi di pasaran tempatan seperti durian, limau, mangga, dokong dan belimbing. Jabatan Pertanian Negeri Kedah menetapkan keluasan dan jenis tanaman untuk program ini. Seluas 2,168 hektar akan ditanam di bawah aktiviti pemulihan dusun dan 1,770 hektar akan ditanam di bawah aktiviti dusun berkelompok. Butiran keluasan mengikut jenis tanaman buah-buahan yang dirancang bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Keluasan Tanaman Buah-Buahan
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003

| Jenis Tanaman | Keluasan | | Jumlah (hektar) |
|---------------|---|---|--------------------|
| | Aktiviti Pemulihan Dusun (hektar) | Aktiviti Dusun Berkelompok (hektar) | |
| Pisang | - | 254 | 254 |
| Betik | - | 48 | 48 |
| Nanas | - | 162 | 162 |
| Tembikai | - | 256 | 256 |
| Belimbing | 24 | 10 | 34 |
| Mangga | - | - | - |
| Durian | 483 | 195 | 678 |
| Nangka | - | 26 | 26 |
| Rambutan | 399 | - | 399 |
| Limau Bali | 239 | 114 | 353 |
| Limau Madu | 44 | 154 | 198 |
| Limau Langkat | 150 | 186 | 336 |
| Dokong | 372 | 112 | 484 |
| Cempedak | 310 | 110 | 420 |
| Jambu | 7 | 47 | 54 |
| Ciku | 18 | 21 | 39 |
| Manggis | 122 | 75 | 197 |
| Jumlah | 2,168 | 1,770 | 3,938 |

Sumber : Rancangan Malaysia Kelapan, Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Jumlah keluasan mengikut jenis tanaman bagi aktiviti pemulihan dusun dan aktiviti dusun berkelompok didapati berbeza berbanding dengan jumlah keluasan dusun mengikut tahun yang dirancang. Berdasarkan kepada penerangan Pegawai Pertanian, perbezaan ini berlaku disebabkan oleh tindakan peserta menjalankan dua atau lebih tanaman di dalam satu kawasan yang dikenali sebagai Projek Dalam Projek. Projek Dalam Projek merupakan satu atau lebih tanaman sokongan/segmentara yang ditanam dalam projek utama dengan tujuan untuk mendapatkan hasil yang lebih awal daripada hasil tanaman utama.

23.1.4 Pemilihan Peserta

Mengikut RMK8 yang disediakan oleh Jabatan Pertanian, kriteria dan syarat tertentu ditetapkan kepada para peserta untuk menyertai program ini. Bagi Aktiviti Pemulihan Dusun, peserta hendaklah mempunyai dusun yang sedia ada dan mempunyai jenis tanaman seperti yang ditetapkan dalam program. Sementara bagi Aktiviti Dusun Berkelompok, peserta hendaklah terletak di satu kawasan yang berdekatan dan sekurang-kurangnya disertai oleh 3 keluarga petani. Bilangan peserta yang dianggarkan akan menyertai program ini bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seramai 4,266 orang bagi aktiviti Pemulihan Dusun dan seramai 3,422 orang bagi aktiviti Dusun Berkelompok. Jumlah peserta yang disasarkan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Bilangan Penyertaan Dan Sasaran
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003

| Tahun | Pemulihan Dusun (orang) | Dusun Berkelompok (orang) |
|---------------|-------------------------------|---------------------------------|
| 2001 | 1,467 | 1,193 |
| 2002 | 1,414 | 1,139 |
| 2003 | 1,385 | 1,090 |
| Jumlah | 4,266 | 3,422 |

Sumber : *Rancangan Malaysia Kelapan, Jabatan Pertanian Negeri Kedah*

23.1.5 Anggaran Kos Program

Mengikut RMK8 anggaran kos untuk melaksanakan program ini berjumlah RM30.36 juta iaitu RM10.65 juta untuk memulihkan dusun, RM18.84 juta untuk dusun berkelompok dan RM0.87 juta untuk menyediakan kemudahan khidmat sokongan. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 sejumlah RM6.43 juta untuk pemulihan dusun, RM11.46 juta untuk dusun berkelompok dan RM0.50 juta untuk kemudahan khidmat sokongan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Anggaran Kos Program
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003

| Tahun | Pemulihan Dusun (RM juta) | Dusun Berkelompok (RM juta) | Khidmat Sokongan (RM juta) |
|---------------|---------------------------------|-----------------------------------|----------------------------------|
| 2001 | 2.14 | 3.84 | 0.09 |
| 2002 | 2.13 | 3.79 | 0.18 |
| 2003 | 2.16 | 3.83 | 0.23 |
| Jumlah | 6.43 | 11.46 | 0.50 |

Sumber : *Rancangan Malaysia Kelapan, Jabatan Pertanian Negeri Kedah*

23.1.6 Aktiviti Khidmat Sokongan Yang Dirancang Dalam Program

Mengikut perancangan yang disediakan, khidmat sokongan yang akan disediakan oleh Jabatan adalah menyediakan kemudahan pengangkutan dan membina gerai jualan untuk kemudahan para peserta memasarkan hasil pertanian masing-masing. Butiran khidmat sokongan yang disediakan tersebut adalah seperti berikut:

i) Gerai Jualan Terus

Sebanyak 3 buah gerai dengan keseluruhan anggaran kos berjumlah RM75,000 dirancang akan dibuka bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003.

ii) Pusat Pengumpulan Dan Pembungkusan

Sebanyak 9 buah pusat pengumpulan dan pembungkusan hasil ladang akan dibina dengan keseluruhan kos dianggarkan berjumlah RM45,000 akan dibina bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003.

iii) Kenderaan

Sebanyak 4 buah lori 1.5 tan dan 2 buah lori 3 tan dirancang untuk dibeli dengan anggaran kos secara keseluruhannya berjumlah RM380,000 bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003.

23.1.7 Cara Pelaksanaan

Program ini dilaksanakan dengan cara memberikan bantuan kewangan, penyeliaan dan khidmat nasihat kepada para petani.

Borang permohonan daripada para petani akan dikemukakan kepada Pejabat Pertanian Daerah untuk diproses dan dikemukakan kepada Pejabat Pertanian Negeri untuk kelulusan. Bagi para peserta yang berjaya, mereka akan diberikan bantuan maksima sejumlah RM3,000 bagi Aktiviti Pemulihan Dusun dan sejumlah RM5,500 bagi Aktiviti Dusun Berkelompok. Bantuan tersebut akan diberikan dalam bentuk anak benih, baja dan pelaksanaan kerja di ladang yang akan diuruskan oleh Jabatan dengan cara sebut harga kepada kontraktor sementara semua kos yang terlibat ditolak daripada jumlah bantuan yang telah diluluskan.

23.1.8 Guna Tenaga

Perancangan dan pelaksanaan Program Industri Buah-buahan ini dilaksanakan oleh Unit buah-buahan di bawah Seksyen Pembangunan Komoditi yang diletakkan di bawah Pengarah Pertanian Negeri. Unit ini mempunyai 4 orang kakitangan dan diketuai oleh Pegawai Pertanian (G43). Sementara kerja penyeliaan dan pemantauan di peringkat daerah akan dilaksanakan oleh pegawai pertanian daerah dan pegawai pertanian kawasan. Bilangan kakitangan Pejabat Pertanian seluruh Negeri Kedah adalah seramai 230 orang.

23.1.9 Latihan

Penglibatan petani adalah secara menyeluruh di dalam Program Industri Buah-buahan ini. Oleh itu, mereka perlu dibimbing untuk menjadi agen kepada perubahan dalam cara menangani masalah pelaksanaan projek supaya mereka sentiasa bersikap dan bersemangat keusahawanan. Bagi pegawai pula, latihan juga perlu bagi menangani berbagai masalah yang bakal dihadapi oleh peserta. Sehubungan dengan itu, Jabatan telah merancang untuk mengadakan latihan, kursus, seminar dan lawatan sambil belajar di bidang yang berkaitan dengan program seperti teknik tanaman dan pengawasan, pentadbiran dan pengurusan, pembangunan usahawan dan pemprosesan hasil pertanian. Latihan ini akan diberikan kepada pegawai dan juga petani sama ada formal di

Pusat Latihan Pertanian atau tidak formal di kawasan kelompok yang berkenaan.

23.1.10 Pemantauan

Bagi memastikan rancangan industri buah-buahan ini dapat mencapai matlamat yang ditetapkan mengikut perancangan yang disediakan, cara pemantauan terhadap program ini akan dibuat oleh Jabatan seperti berikut:

- i) Pegawai Pertanian akan membuat lawatan ke dusun mengikut jadual lawatan yang ditetapkan.
- ii) Melalui mesyuarat antara Pengarah Pertanian Negeri, unit terlibat dan Pegawai Pertanian Daerah yang diadakan setiap bulan.
- iii) Melalui laporan kemajuan program yang diterima daripada Pejabat Pertanian Daerah setiap bulan.

Pada pendapat Audit, rancangan yang disediakan oleh Jabatan untuk Program Industri Buah-buahan adalah lengkap kerana ianya menyatakan dengan jelas mengenai jumlah peruntukan, keluasan ladang dan aktiviti yang akan dilaksanakan pada setiap tahun.

23.2 PELAKSANAAN

Sesuatu projek yang dilaksanakan akan dapat mencapai objektif yang ditetapkan sekiranya ianya dilaksanakan dengan teratur mengikut sebagaimana rancangan yang disediakan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan Program Industri Buah-buahan ini oleh Jabatan Pertanian Negeri mendapati kedudukannya seperti berikut:

23.2.1 Konsep Program

Program Industri Buah-buahan ini dijalankan seperti yang dirancang oleh Jabatan di mana ianya dilaksanakan melalui 3 aktiviti utama iaitu:

i) Aktiviti Pemulihan Dusun

Aktiviti Pemulihan Dusun ini dilaksanakan berselari dengan objektif aktiviti tersebut. Tujuan Aktiviti Pemulihan Dusun ini adalah untuk menaiktaraf dan memulihkan kawasan sedia ada yang telah dimajukan sebelumnya. Jenis dusun yang dipilih adalah meliputi jenis tanaman seperti rambutan, durian, limau dan lain-lain seperti mana yang dirancang di dalam RMK8. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah 2,357 hektar telah dipulihkan di dalam Aktiviti Pemulihan Dusun ini.

ii) Aktiviti Dusun Berkelompok

Aktiviti Dusun Berkelompok juga dilaksanakan mengikut apa yang dirancang di mana dusun setempat dipulihkan secara berkelompok. Penyertaan peserta adalah antara 3 atau lebih keluarga bagi satu kelompok. Tujuan pemilihan peserta ini adalah bagi memudahkan kerja penyeliaan oleh Jabatan dan juga memudahkan pengumpulan hasil dusun untuk dipasarkan. Bagi memudahkan pengurusan dan pengawasan, satu Jawatankuasa dibentuk seperti mana yang dinyatakan di dalam Rancangan Perniagaan bagi setiap projek. Sehingga tahun 2003, sejumlah 2,003 hektar telah dilaksanakan.

iii) Penyediaan Khidmat Sokongan

Sehingga tahun 2003, Jabatan telah membina 2 buah pusat pengumpulan dan pembungkusan, membina sebuah gerai jualan terus, membeli 2 buah lori 1.5 tan dan membeli sebuah lori 3 tan sebagai langkah penyediaan khidmat sokongan terhadap Aktiviti Pemulihan Dusun dan Aktiviti Dusun Berkelompok. Penyediaan khidmat sokongan ini adalah bertujuan menyokong dan menguatkan pembangunan program dari segi penyediaan tempat pengumpulan hasil, tempat jualan dan pengangkutan untuk tujuan pemasaran buah-buahan.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah melaksanakan Aktiviti Pemulihan Dusun, Aktiviti Dusun Berkelompok dan menyediakan khidmat sokongan dengan baik di mana objektif pada setiap aktiviti tersebut diberi keutamaan.

23.2.2 Keluasan Kawasan Dusun

Mengikut perancangan, keluasan keseluruhan Program Industri Buah-Buahan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seluas 4,226 hektar. Bagaimanapun, keluasan keseluruhan program yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seluas 4,360 hektar iaitu melebihi 134 hektar berbanding dengan yang dirancang. Daripada jumlah keluasan pelaksanaan tersebut, seluas 2,357 hektar adalah merupakan keluasan yang dilaksanakan untuk Aktiviti Pemulihan Dusun. Manakala seluas 2,003 hektar selebihnya dilaksanakan untuk Aktiviti Dusun Berkelompok. Butiran lanjut berkenaan dengan keluasan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i) Aktiviti Pemulihan Dusun

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan merancang untuk melaksanakan Aktiviti Pemulihan Dusun bagi kawasan seluas 2,143 hektar. Bagaimanapun, daripada jumlah ini, Jabatan telah melaksanakan Aktiviti Pemulihan Dusun bagi kawasan seluas 2,357 hektar iaitu melebihi 214 hektar (10%) daripada yang dirancang. Butirannya seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Keluasan Dusun Yang Dirancang Dan Dilaksana
Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

| Tahun | Jumlah Keluasan Dirancang (hektar) | Jumlah Keluasan Dilaksanakan (hektar) |
|---------------|------------------------------------|---------------------------------------|
| 2001 | 713 | 773 |
| 2002 | 710 | 529 |
| 2003 | 720 | 1,055 |
| Jumlah | 2,143 | 2,357 |

Sumber : Laporan Pengesanan Analisa Projek 2001-2003

Semakan Audit mendapati keluasan yang dilaksanakan bagi Aktiviti Pemulihan Dusun di setiap daerah tidak sama mengikut yang dirancang bagi daerah tersebut. Sebagai contoh bagi

Daerah Langkawi, jumlah kluasan dusun yang dirancang untuk dipulihkan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seluas 34 hektar, sedangkan jumlah sebenar kluasan dusun telah dilaksanakan pemulihan di Langkawi bagi tempoh tersebut adalah seluas 390 hektar iaitu seluas 356 hektar melebihi daripada yang dirancang. Sementara bagi Daerah Padang Terap pula, jumlah kluasan dusun yang dirancang bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah 330 hektar, sedangkan luas sebenar dusun yang dilaksanakan pemulihan adalah seluas 159 hektar iaitu kekurangan sebanyak 171 hektar daripada luas yang dirancang. Butiran lengkap mengenai kluasan dusun yang dirancang untuk dipulihkan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 bagi setiap daerah adalah seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Keluasan Dusun Yang Dilaksana
Mengikut Daerah Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

| Daerah | Jumlah Kluasan Dirancang (hektar) | Jumlah Kluasan Dilaksanakan (hektar) | Lebih / (Kurang) (hektar) |
|---------------|-----------------------------------|--------------------------------------|---------------------------|
| Langkawi | 34 | 390 | 356 |
| Kubang Pasu | 300 | 495 | 195 |
| Padang Terap | 330 | 159 | (171) |
| Kota Star | 149 | 92 | (57) |
| Pendang | 162 | 264 | 102 |
| Yan | 96 | 98 | 2 |
| Kuala Muda | 124 | 75 | (49) |
| Sik | 309 | 105 | (204) |
| Baling | 375 | 362 | (13) |
| Kulim | 114 | 217 | 103 |
| Bandar Baharu | 150 | 100 | (50) |
| Jumlah | 2,143 | 2,357 | 214 |

Sumber : Laporan Pengesanan Analisa Projek 2001-2003

ii) Aktiviti Dusun Berkelompok

Mengikut perancangan Jabatan, luas dusun berkelompok yang dirancang untuk dilaksanakan di Negeri Kedah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seluas 2,083 hektar. Daripada jumlah yang dianggarkan ini, Jabatan telah berjaya melaksanakan Aktiviti Dusun Berkelompok ini seluas 2,003 hektar iaitu 96% daripada sasaran yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati jumlah keluasan dusun berkelompok yang dilaksanakan mengikut daerah adalah tidak sama berbanding dengan jumlah yang dirancang. Ada daerah luas kawasan dusun berkelompok yang telah dilaksanakan adalah kurang daripada jumlah luas yang dirancang. Di daerah lain pula, jumlah keluasan dusun berkelompok yang dilaksanakan adalah melebihi daripada jumlah keluasan yang dirancang.

Bagi Daerah Sik, jumlah dusun berkelompok yang dirancang untuk dilaksanakan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seluas 255 hektar, sedangkan pelaksanaan sebenarnya adalah seluas 459 hektar. Kedudukan ini menunjukkan luas dusun berkelompok yang telah dilaksanakan bagi Daerah Sik adalah seluas 204 hektar melebihi daripada jumlah yang dirancang.

Mengikut penjelasan Jabatan, berlakunya perkara ini adalah disebabkan kekurangan permohonan yang diterima daripada para petani bagi satu daerah tertentu dan kelebihan permohonan yang diterima bagi daerah yang lain. Kedudukan jumlah keluasan kawasan dusun berkelompok yang dirancang dan dilaksanakan mengikut daerah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Keluasan Dusun Kelompok Mengikut Daerah Bagi Tempoh
Tahun 2001 Hingga 2003

| Daerah | 2001 Hingga 2003 | | Perbezaan (hektar) |
|---------------|---------------------|---------------------|-----------------------|
| | Rancang (hektar) | Laksana (hektar) | |
| Langkawi | 163 | 149 | (14) |
| Kubang Pasu | 305 | 77 | (228) |
| Padang Terap | 310 | 346 | 36 |
| Kota Star | 186 | 275 | 89 |
| Pendang | 210 | 93 | (117) |
| Yan | 38 | 86 | 48 |
| Kuala Muda | 143 | 65 | (78) |
| Sik | 255 | 459 | 204 |
| Baling | 227 | 249 | 22 |
| Kulim | 171 | 59 | (112) |
| Bandar Baharu | 75 | 145 | 70 |
| Jumlah | 2,083 | 2,003 | (80) |

Sumber : Laporan Pengesanan Analisa Projek 2001-2003

Pada pendapat Audit, Jabatan telah melaksanakan Aktiviti Pemulihan Dusun dan Aktiviti Dusun Berkelompok dengan memuaskan.

23.2.3 Jenis Tanaman

Semakan Audit terhadap pelaksanaan Program Industri Buah-Buahan mengikut jenis tanaman pula, pihak Audit mendapati keluasan dusun yang dirancang di bawah Aktiviti Pemulihan Dusun dan Aktiviti Dusun Berkelompok adalah tidak sama dengan jumlah sebenar yang dilaksanakan. Bagi tahun 2001 hingga 2003 mengikut perancangan yang dibuat, jumlah keluasan kawasan dusun durian yang dirancang untuk dipulihkan di seluruh Negeri Kedah adalah seluas 678 hektar. Bagaimanapun, jumlah sebenar dusun durian yang telah dilaksanakan bagi tempoh ini adalah seluas 1,858 hektar iaitu melebihi seluas 1,180 hektar berbanding dengan keluasan yang dirancang.

Bagi tanaman jambu pula bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, keluasan kawasan yang dirancang untuk dipulihkan adalah seluas 54 hektar. Bagaimanapun, jumlah sebenar yang telah dilaksanakan adalah seluas 2 hektar sahaja. Berlaku perbezaan ini mengikut penjelasan daripada Jabatan adalah kerana masalah yang dihadapi dari segi permohonan yang diterima dari para petani. Para petani banyak memohon untuk menanam jenis tanaman tertentu seperti durian, mangga, rambutan dan kurang permohonan bagi menanam jambu, ciku dan manggis. Kedudukan mengenai keluasan pemulihian dusun yang dirancang dan dilaksana mengikut setiap jenis tanaman bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Keluasan Dusun Dilaksana Bagi
Tahun 2001 Hingga 2003 Mengikut Jenis Tanaman

| Jenis Tanaman | Jumlah Dirancang (hektar) | Jumlah Dilaksanakan (hektar) | Lebih / (Kurang) |
|---------------|---------------------------|------------------------------|------------------|
| Pisang | 254 | 398 | 144 |
| Betik | 48 | - | (48) |
| Nanas | 162 | 16 | (146) |
| Tembikai | 256 | 25 | (231) |
| Belimbing | 34 | 46 | 12 |
| Mangga | - | 728 | 728 |
| Durian | 678 | 1,858 | 1,180 |
| Nangka | 26 | - | (26) |
| Rambutan | 399 | 1,157 | 758 |
| Limau Bali | 353 | 360 | 7 |
| Limau Madu | 198 | 342 | 144 |
| Limau Langkat | 336 | 212 | (124) |
| Dokong | 484 | 878 | 394 |
| Cempedak | 420 | 490 | 70 |
| Jambu | 54 | 2 | (52) |
| Ciku | 39 | 7 | (32) |
| Manggis | 197 | 140 | (57) |
| Jumlah | 3,938 | 6,659 | 2,721 |

Sumber : Laporan Pengesahan Analisa Projek 2001-2003

Pada pendapat Audit, pelaksanaan program adalah baik di mana Jabatan telah memberikan penumpuan kepada jenis buah-buahan yang mempunyai nilai komersial.

23.2.4 Pemilihan Peserta

Mengikut syarat yang ditetapkan oleh Jabatan, peserta yang boleh menyertai Program Industri Buah-Buahan melalui Aktiviti Pemulihan Dusun, hendaklah terdiri daripada petani yang memiliki dusun dan jenis tanaman yang ditetapkan oleh Jabatan. Bagi dusun berkelompok pula di samping syarat yang sama dengan Aktiviti Pemulihan Dusun, syarat lain yang ditetapkan oleh Jabatan bagi petani menyertai projek ini adalah seperti berikut:

- i) Disertai oleh sekurang-kurangnya 3 keluarga petani.
- ii) Jenis tanaman yang terlibat melebihi dari satu jenis tanaman.

Semakan terhadap 176 borang daripada 1,769 borang permohonan yang diluluskan oleh Pejabat Pertanian Negeri bagi tahun 2003, pihak Audit mendapati para peserta yang dipilih menyertai program adalah memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh Jabatan. Setiap borang permohonan diisi dengan lengkap mengenai keluasan dusun, jenis tanaman dan butiran mengenai peserta terlibat. Setiap permohonan juga disokong oleh Pegawai Pertanian Daerah dan diluluskan oleh Pegawai yang diberi kuasa oleh Pengarah Pertanian Negeri. Semua borang permohonan disimpan dengan teratur di dalam fail yang berkaitan.

Mengikut buku rancangan yang disediakan oleh Jabatan, jumlah peserta yang dianggarkan menyertai program ini bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seramai 7,688 orang. Bagaimanapun, jumlah sebenar peserta yang menyertai program ini bagi tempoh tersebut adalah seramai 6,956 orang iaitu kurang seramai 732 orang (9.5%) daripada jumlah sasaran yang ditetapkan. Kedudukan lengkap bagi jumlah peserta yang dianggarkan dan jumlah sebenar penyertaan bagi program di setiap daerah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Bilangan Penyertaan
Mengikut Daerah Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003

| Daerah | Bilangan Peserta Disasar (orang) | Bilangan Penyertaan Sebenar (orang) | Lebih/(Kurang) (orang) |
|---------------|---|--|-------------------------------|
| Langkawi | 285 | 608 | 323 |
| Kubang Pasu | 940 | 865 | (75) |
| Padang Terap | 1,287 | 634 | (653) |
| Kota Star | 706 | 657 | (49) |
| Pendang | 778 | 381 | (397) |
| Yan | 425 | 272 | (153) |
| Kuala Muda | 441 | 298 | (143) |
| Sik | 852 | 1,100 | 248 |
| Baling | 1,104 | 1,471 | 367 |
| Kulim | 615 | 253 | (362) |
| Bandar Baharu | 255 | 417 | 162 |
| Jumlah | 7,688 | 6,956 | (732) |

*Sumber : Laporan Pengesahan Analisa Projek.
Pejabat Pertanian Negeri Tahun 2001-2003*

Mengikut penjelasan Jabatan, kekurangan ini adalah disebabkan oleh masalah kekurangan permohonan yang diterima berbanding dengan sasaran yang ditetapkan.

i) Aktiviti Pemulihan Dusun

Objektif aktiviti ini adalah bagi memulihkan dusun yang sedia ada bagi meningkatkan jumlah hasil petani. Mengikut syarat yang ditetapkan oleh Jabatan, para peserta hendaklah memiliki dusun yang sedia ada yang terdiri daripada jenis tanaman yang ditetapkan oleh Jabatan seperti durian, rambutan, manggis dan ciku. Mengikut rancangan yang disediakan oleh Jabatan, bagi tempoh tahun 2002 hingga 2003, jumlah peserta yang dianggarkan bagi menyertai aktiviti ini adalah seramai 2,799 orang peserta. Bagaimanapun, jumlah sebenar penyertaan aktiviti ini adalah seramai 1,914 orang peserta iaitu kekurangan sebanyak 885 (31%) daripada yang disasarkan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Jumlah Peserta Yang Menyertai
Aktiviti Pemulihan Dusun Bagi Tahun 2002 Dan 2003

| Tahun | Jumlah Peserta Disasarkan (orang) | Jumlah Penyertaan Sebenar (orang) | Lebih/(Kurang) (orang) |
|---------------|-----------------------------------|-----------------------------------|------------------------|
| 2002 | 1,414 | 687 | 727 |
| 2003 | 1,385 | 1,227 | 158 |
| Jumlah | 2,799 | 1,914 | 885 |

Sumber : *Laporan Pengesahan Analisa Projek,
Pejabat Pertanian Negeri Tahun 2001-2003*

Semakan Audit terhadap borang penyertaan peserta bagi tahun 2003, pihak Audit mendapati semua peserta telah memenuhi syarat yang ditetapkan iaitu memiliki dusun yang sedia ada dan menanam jenis tanaman yang ditetapkan oleh Jabatan.

ii) Aktiviti Dusun Berkelompok

Mengikut rancangan yang disediakan, jumlah peserta yang dianggar bagi menyertai Aktiviti Dusun Berkelompok bagi tempoh tahun 2002 dan 2003 adalah seramai 2,229 orang peserta. Bagaimanapun, jumlah sebenar penyertaan aktiviti ini bagi tempoh tersebut adalah seramai 1,574 orang peserta iaitu kekurangan seramai 655 orang peserta (29%) daripada yang disasarkan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Peserta Dusun Berkelompok
Bagi Tempoh Tahun 2002 Dan 2003

| Tahun | Peserta Disasarkan (orang) | Penyertaan Sebenar (orang) | Kurang (orang) |
|---------------|----------------------------|----------------------------|----------------|
| 2002 | 1,139 | 1,032 | 107 |
| 2003 | 1,090 | 542 | 548 |
| Jumlah | 2,229 | 1,574 | 655 |

Sumber : *Laporan Pengesahan Analisa Projek,
Pejabat Pertanian Negeri Tahun 2001-2003*

Semakan Audit terhadap peserta kelompok yang dipilih mendapatkan setiap peserta kelompok telah menujuhkan Jawatankuasa seperti yang ditetapkan oleh Jabatan dan setiap kelompok disertai oleh lebih daripada 3 keluarga petani seperti yang ditetapkan oleh Jabatan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan mengenai aktif atau tidak jawatankuasa yang ditubuhkan bagi kelompok berkenaan kerana tidak ada laporan mengenainya disediakan oleh Jabatan untuk semakan Audit.

Pada pendapat Audit, bagi memantau pelaksanaan Aktiviti Dusun Berkelompok ini dengan berkesan, setiap tindakan termasuklah mesyuarat jawatankuasa kelompok yang diadakan hendaklah dibuat pemantauan dan laporan disediakan oleh Jabatan secara teratur dan lengkap.

23.2.5 Kos Program

Mengikut RMK8 anggaran kos bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 untuk melaksanakan program ini berjumlah RM18.39 juta iaitu sejumlah RM6.43 juta untuk pemulihan dusun, RM11.46 juta untuk dusun berkelompok dan RM0.50 juta untuk kemudahan khidmat sokongan. Bagaimanapun, Jabatan telah menerima peruntukan dari Kerajaan Negeri untuk kegunaan keseluruhan program ini sejumlah RM9.50 juta bagi tempoh 3 tahun di mana RM3.30 juta diterima pada tahun 2001, RM2.75 juta pada tahun 2002 dan RM3.45 juta pada tahun 2003. Semakan Audit terhadap perbelanjaan keseluruhan Program Industri Buah-buahan mendapatkan bahawa perbelanjaan yang dibuat bagi tahun 2001 hingga 2003 adalah sejumlah RM7.27 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM2.14 juta dibelanjakan pada tahun 2001, RM2.16 juta dibelanjakan pada tahun 2002 dan sejumlah RM2.97 juta pada tahun 2003. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Perbelanjaan Program Industri Buah-Buahan
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003

| Tahun | Anggaran Kos (RM juta) | Jumlah Peruntukan (RM juta) | Perbelanjaan Sebenar (RM juta) |
|---------------|---------------------------|--------------------------------|-----------------------------------|
| 2001 | 6.07 | 3.30 | 2.14 |
| 2002 | 6.10 | 2.75 | 2.16 |
| 2003 | 6.22 | 3.45 | 2.97 |
| Jumlah | 18.39 | 9.50 | 7.27 |

*Sumber: Rancangan Malaysia Kelapan, Jabatan Pertanian Negeri Kedah
Buku Vot Jabatan 2001 hingga 2003*

Pada pendapat Audit, Jabatan telah membiayai kos program dengan berkesan.

23.2.6 Aktiviti Khidmat Sokongan

Bagi memastikan Program Industri Buah-buahan ini dapat dilaksanakan dengan jaya dan mencapai matlamat yang ditetapkan, di samping memberi bantuan kewangan, baja dan biji benih, Jabatan juga melaksanakan aktiviti khidmat sokongan kepada para petani dengan menyediakan kemudahan pengangkutan, gerai jualan terus dan pusat pengumpulan bagi membantu petani memasarkan hasil dusun masing-masing. Hasil daripada semakan Audit terhadap perkara ini mendapati kedudukannya seperti berikut:

i) Pusat Pengumpulan Dan Pembungkusan

Pusat Pengumpulan dan Pembungkusan ini akan dibina berhampiran dengan kawasan dusun yang tujuan utamanya adalah bagi memudahkan para petani mengumpul dan membungkus hasil tanaman untuk dipasarkan. Mengikut rancangan yang disediakan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan akan menubuhkan 9 pusat pengumpulan dengan anggaran kos RM5,000 setiap pusat. Bagaimanapun, sehingga tahun 2003, Jabatan cuma membina 2 buah pusat pengumpulan sahaja daripada 9 buah yang dirancang bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 tersebut. Pusat yang telah dibina adalah sebuah dibina di Kampung Teluk Aris, Sik

manakala sebuah lagi di Kampung Kubang Kenyeng, Padang Terap. **Foto 1** adalah Pusat Pengumpulan dan Pembungkusan Ladang yang telah dibina oleh Jabatan.

FOTO 1
Pusat Pengumpulan Dan Pembungkusan Ladang
Kg. Kubang Kenyeng, Padang Terap



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 18 Disember 2003

ii) Gerai Jualan Terus

Gerai jualan terus adalah gerai yang dibina oleh Jabatan berhampiran dengan kawasan dusun berkenaan yang tujuannya adalah bagi memudahkan para petani memasarkan hasil dusun masing-masing. Kos bagi projek ini adalah RM25,000 setiap gerai. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan merancang untuk membuka 3 buah gerai ini iaitu sebuah di Daerah Kubang Pasu, sebuah di Kuala Muda dan sebuah lagi di Kota Star. Bagaimanapun, Jabatan hanya membuka sebuah sahaja gerai jualan terus iaitu Gerai Segar Mart yang terletak di Jalan Kuala Kedah, Alor Star.

iii) Kemudahan Pengangkutan

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, mengikut perancangan yang dibuat Jabatan merancang untuk membeli 4 buah kenderaan iaitu sebuah lori 1.5 tan dengan anggaran kos

RM50,000 setiap satu untuk digunakan bagi mengangkut dan memasarkan hasil dusun. Lori yang dirancang untuk dibeli tersebut adalah untuk ditempatkan di daerah Kubang Pasu, Kota Star, Langkawi dan Baling. Sehingga tahun 2003, Jabatan telah membeli 3 buah lori iaitu 2 buah lori 1.5 tan dan sebuah lori 3 tan.

Pada pendapat Audit, bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan menyediakan kemudahan khidmat sokongan seperti pengangkutan dengan memuaskan. Bagaimanapun, Jabatan hendaklah memastikan gerai jualan dibina seperti yang dirancang.

23.2.7 Cara Perlaksanaan

Kadar dan cara bantuan yang diberikan oleh Jabatan kepada peserta yang dipilih adalah seperti berikut:

i) Kadar Bantuan

Jumlah bantuan yang diberikan kepada peserta bagi Aktiviti Pemulihan Dusun dan Aktiviti Dusun Berkelompok ini adalah dibuat oleh Jabatan dengan jumlah bantuan maksima seperti berikut:

- a) Aktiviti Pemulihan Dusun : RM3,000 sehektar**
- b) Aktiviti Dusun Berkelompok : RM5,500 sehektar**

Pemberian kadar bantuan maksima berjumlah RM3,000 bagi pemulihan dusun dan RM5,500 bagi dusun berkelompok ini telah ditetapkan oleh Jabatan dengan berdasarkan kepada keadaan jenis kerja yang perlu dijalankan di dusun yang berkenaan. Jumlah bantuan yang ditetapkan bagi pelaksanaan kerja di bawah Aktiviti Pemulihan Dusun, ianya tidak begitu tinggi iaitu RM3,000 sehektar kerana kerja dilaksanakan bagi dusun yang telah ada, sedangkan bagi pelaksanaan kerja bagi dusun berkelompok, kadar bantuan yang diberikan adalah tinggi iaitu RM5,500 sehektar kerana ianya melibatkan kerja

yang lebih yang ada kalanya melibatkan pembukaan dusun di tanah baru yang kos pelaksanaan kerjanya lebih tinggi.

ii) Pemberian Bantuan Kepada Peserta Program

Mengikut prosedur Jabatan, bantuan yang diberikan tersebut dibuat dengan cara memberikan biji benih, baja dan pelbagai keperluan kepada para peserta. Sementara pelaksanaan kerja seperti membersih kawasan, menggali longkang dan lain-lain di dusun akan dibuat oleh Jabatan melalui sebut harga kepada pihak kontraktor. Semua kos dan bayaran bagi bantuan dan kerja ini akan ditolak oleh Jabatan daripada jumlah bantuan yang telah diberikan kepada para peserta. Semakan Audit terhadap bayaran dan sebut harga yang dibuat bagi tahun 2003 di Pejabat Pertanian Negeri mendapati kedudukan seperti berikut:

a) Kadar Bantuan Kepada Peserta

Berdasarkan kepada borang yang disemak, pihak Audit mendapati jumlah bantuan yang diberikan kepada para peserta tidak melebihi daripada kadar maksima yang ditetapkan iaitu RM3,000 sehektar bagi peserta pemulihan dusun dan RM5,500 sehektar bagi peserta dusun berkelompok.

b) Tawaran Sebut Harga Dan Bayaran

Semakan terhadap sebut harga yang dibuat bagi tahun 2003 oleh Jabatan untuk pelaksanaan kerja di ladang seperti membersih kawasan, menggali longkang, pihak Audit mendapati sebut harga telah dibuat mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan. Manakala baucar pembayaran juga, pihak Audit mendapati pembayaran telah dibuat dengan teratur dan mengikut peraturan. Di samping itu, Jabatan juga telah menyediakan satu buku laporan yang lengkap mengenai bantuan baja dan anak benih yang telah diberikan. Buku yang disediakan tersebut antaranya mengandungi maklumat penting mengenai butiran bantuan yang telah diberikan mengikut peserta projek seperti nama peserta, jenis bantuan dan kos projek.

Pihak Audit mendapati cara kawalan pemberian bantuan dan bayaran yang dibuat oleh Jabatan terhadap Program Industri Buah-buahan ini adalah memuaskan.

23.2.8 Prestasi Program

Pihak Audit juga telah membuat lawatan ke dusun berkenaan bersama dengan pegawai pertanian. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat kedudukan dan prestasi kemajuan yang dicapai oleh dusun yang berkenaan. Dusun yang telah dilawati tersebut adalah:

- i) Projek tanaman mempelam di Kg. Chong, Sik.
- ii) Projek tanaman limau langkat di Kg. Kubang Kenyeng, Padang Terap.
- iii) Projek tanaman limau madu di Kg. Lahar, Baling.
- iv) Projek tanaman mempelam di Kg. Bukit Palong, Baling.
- v) Projek tanaman mempelam di Kg. Tualak, Padang Terap.
- vi) Projek tanaman mempelam di Kg. Bendang Raja, Padang Terap

Daripada lawatan dan pemeriksaan yang dibuat tersebut, pihak Audit mendapati jenis buah-buahan yang ditanam di dusun berkenaan adalah sama dengan jenis tanaman yang diluluskan oleh Jabatan. **Foto 2** adalah dusun tanaman mangga klon di Kg. Chong, Daerah Sik dan **Foto 3** adalah projek tanaman limau madu di Kg. Kubang Kenyeng, daerah Padang Terap. Semasa lawatan, pihak Audit juga berbincang dengan peserta terlibat dan mengikut maklumat yang diberikan oleh peserta, pegawai pertanian sering membuat lawatan ke dusun dan lawatan tersebut dibuat sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan seperti yang ditetapkan oleh Jabatan.

FOTO 2

Projek Penanaman Mangga Klon “Chok Anan” Di Kg. Chong, Sik



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 18 Disember 2003

FOTO 3

Projek Penanaman Limau Madu Di Kg. Kubang Kenyeng Padang Terap



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 18 Disember 2003

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan prestasi pelaksanaan program adalah memuaskan.

23.2.9 Guna Tenaga

Pelaksanaan kerja bagi Program Industri Buah-buahan ini adalah dijalankan di bawah kawalan Unit Buah-buahan, Seksyen Komoditi, Pejabat Pertanian Negeri. Unit ini mempunyai empat orang kakitangan iaitu seorang Pegawai Pertanian (G41), dua orang Pembantu Pertanian (G22) dan seorang Pembantu Pertanian (G17).

Bagi kerja di Daerah, ianya dikawalselia oleh pegawai pertanian daerah dan pegawai pertanian kawasan. Jumlah kakitangan Pejabat Pertanian bagi Negeri Kedah adalah seramai 230 orang.

Daripada perbincangan yang dibuat dengan pegawai yang terlibat, pejabat tidak menghadapi masalah dari segi kakitangan. Semua kerja dapat dilaksanakan mengikut program yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, Jabatan mempunyai kakitangan yang mencukupi.

23.2.10 Latihan

Bagi mencapai matlamat yang dirancang, Jabatan telah menganjurkan kursus dan latihan yang berkaitan dengan Program Industri Buah-buahan untuk pegawai yang bertindak sebagai penyelia dan pembimbing dan juga kepada peserta program. Pelaksanaan kursus dan latihan tersebut adalah seperti berikut:

i) Kursus Dan Latihan Kepada Pegawai

Pegawai yang terlibat dengan Program Industri Buah-buahan bertindak sebagai pembimbing kepada peserta di dalam teknik tanaman, penjagaan, pengurusan dan juga pemasaran. Selain itu, pegawai terlibat juga bertanggungjawab memantau perkembangan program dan membantu menyelesaikan sebarang kesulitan dan permasalahan yang dihadapi oleh peserta. Sehubungan itu, latihan dan kemahiran yang mencukupi perlu diberikan bagi memastikan program berjalan

dengan lancar, berkesan dan bermanfaat kepada peserta. Antara latihan yang diberikan kepada pegawai bagi tempoh tahun 2001 dan 2002 adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Kursus Dan Latihan Yang Diberikan
Kepada Pegawai Bagi Tempoh 2001 Dan 2002

| Bil | Tarikh | Jenis Kursus |
|-----|--------------|--|
| 1 | 20 Ogos 2001 | Kursus Memproses Sos Dan Acar Buah-Buahan Untuk Pembantu Pertanian |
| 2 | 10 Sept 2001 | Kursus Pemproses Kordial Buah-Buahan Untuk Pembantu Pertanian |
| 3 | 13 Okt 2001 | Kursus <i>Citrus Greening</i> |
| 4 | 15 Jan 2002 | Kursus Paket Teknologi Tanaman Mangga |
| 5 | 5 Feb 2002 | Kursus Pengurusan Tanaman Limau Madu, Langkat dan Limau Bali |

Sumber : Fail Kursus Dan Latihan, Jabatan Pertanian.

ii) Kursus Dan Latihan Kepada Peserta

Peserta diberikan latihan dan pendedahan yang secukupnya terhadap aspek teknik tanaman, pengawasan, pengurusan dan juga pemasaran buah. Matlamat Jabatan adalah untuk membantu peserta mencapai tahap produktiviti yang optimum di dalam semua aspek tersebut. Latihan yang diberikan adalah dalam bentuk kursus, seminar dan lawatan sambil belajar untuk peserta meningkatkan kemahiran terhadap kerja program serta kemahiran keusahawanan yang tinggi untuk menjalankan perusahaan secara komersial. Antara kursus dan latihan yang diberikan kepada peserta bagi tahun 2001 dan 2002 adalah seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
**Kursus Dan Latihan Yang Diberikan
Kepada Peserta Bagi Tempoh 2001 Dan 2002**

| Bil | Tarikh | Jenis Kursus |
|-----|--------------|---|
| 1 | 7 Okt 2001 | Kursus Penyediaan Semaian Biji Benih |
| 2 | 30 Okt 2001 | Kursus Pemasaran |
| 3 | 18 Mac 2002 | Kursus Pengurusan Tanaman Dokong Dan Indeks Kematangan Buah Dokong |
| 4 | 8 Apr 2002 | Kursus Paket Teknologi Tanaman Mangga |
| 5 | 11 Mei 2002 | Seminar Keusahawanan |
| 6 | 13 Mei 2002 | Kursus Paket Teknologi Tanaman Mangga |
| 7 | 27 Mei 2002 | Kursus Kordial Buah-Buahan |
| 8 | 7 Okt 2002 | Kursus Paket Teknologi Tanaman Manggis |
| 9 | 27 Okt 2002 | Lawatan Sambil Belajar Mengenai Pengurusan Tanaman Limau Madu & Langkat Di Terengganu |
| 10 | 22 Sept 2003 | Kursus Teknologi Limau Madu |

Sumber : Fail Kursus Dan Latihan, Jabatan Pertanian.

Pada pendapat Audit, usaha Jabatan memberi latihan dan bimbingan kepada pegawai dan peserta adalah selari dengan perkembangan program dan merupakan satu langkah yang baik serta perlu diteruskan.

23.2.11 Analisis Pendapatan Para Peserta Kelompok

Pejabat Pertanian Negeri juga mengumpul data mengenai jumlah hasil dan pendapatan peserta. Data ini adalah bagi tujuan untuk dianalisa sebagai ukuran terhadap kejayaan projek yang berkenaan melalui pendapatan dan hasil yang diterima oleh peserta. Analisis tersebut mengandungi maklumat projek seperti jumlah peserta, luas kawasan, jumlah hasil, jenis tanaman dan lain-lain. Berdasarkan kepada analisis yang dibuat oleh Jabatan terhadap pendapatan kasar peserta bagi tempoh 3 tahun mendapati sebanyak 9 kelompok telah memperoleh pendapatan melebihi RM10,000 bagi

tahun 2001 hingga 2003. Manakala sebanyak 446 kelompok telah mencapai pendapatan kasar kurang daripada RM4,500. Kedudukan lanjut mengenai analisis pendapatan kasar peserta adalah seperti di **Jadual 36**.

Jadual 36

Bilangan Kelompok Setahun Mengikut Kadar Pendapatan Kasar Peserta Sehektar Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

| Tahun | Pendapatan Kasar Peserta Sehektar | | | |
|---------------|-----------------------------------|------------------------|-------------------------|-------------------|
| | Kurang Daripada RM4,500 | RM4,500 Hingga RM7,500 | RM7,500 Hingga RM10,000 | Melebihi RM10,000 |
| 2001 | 163 | 7 | 2 | 2 |
| 2002 | 142 | 7 | 2 | 1 |
| 2003 | 141 | 14 | - | 6 |
| Jumlah | 446 | 28 | 4 | 9 |

Sumber: Laporan Pengesanan Analisis Projek Perladangan Berkelompok (Tahun 2001 Hingga 2003)

Pada pendapat Audit Program Industri Buah-buahan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan adalah memuaskan. Aktiviti Pemulihan Dusun dan Aktiviti Dusun Berkelompok pada keseluruhannya berjaya meningkatkan pendapatan peserta sehingga melebihi RM10,000 sehektar tanaman yang diusahakan.

23.3 PEMANTAUAN

Di samping perancangan yang lengkap dan teratur, pemantauan adalah merupakan faktor penting yang akan dapat menentukan sesuatu aktiviti yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan. Bagi program Industri Buah-buahan ini, pemantauan yang dibuat oleh Jabatan adalah seperti berikut:

23.3.1 Lawatan Ke Tapak Projek

Mengikut arahan Pejabat Pertanian, setiap pegawai pertanian hendaklah membuat lawatan ke tapak projek pada setiap bulan bagi

memantau pelaksanaan projek dan membuat laporan mengenainya. Hasil daripada semakan Audit terhadap buku daftar lawatan oleh pegawai pertanian di Ibu Pejabat Pertanian Negeri, Pejabat Pertanian Daerah Sik, Padang Terap dan Baling, pihak Audit mendapati lawatan dan laporan telah dibuat oleh pegawai pertanian daerah seperti mana yang ditetapkan. Laporan yang dibuat tersebut antaranya mengandungi tarikh lawatan dibuat, prestasi projek, masalah dan lain-lain yang berkaitan.

23.3.2 Mesyuarat Bulanan

Bagi memantau pelaksanaan projek, Pengarah Pertanian Negeri juga mengadakan mesyuarat setiap bulan dengan pegawai pertanian daerah dan pegawai kawasan yang terlibat. Laporan berkaitan dengan prestasi projek dan sebarang masalah berkaitan dibincang dalam mesyuarat yang diadakan tersebut.

23.3.3 Laporan Dan Analisis Projek

Hasil daripada laporan yang dibuat oleh pegawai pertanian, Pejabat Pertanian juga telah menyediakan laporan tahunan yang menunjukkan prestasi kemajuan semua projek yang dilaksanakan bagi seluruh Negeri Kedah. Antara laporan yang disediakan tersebut adalah laporan pengesahan dan analisis projek berkelompok. Semakan Audit mendapati laporan tahunan yang disediakan mengandungi butiran lengkap mengenai aktiviti dan prestasi projek yang dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat oleh Jabatan adalah memuaskan. Di samping membuat lawatan dan laporan mengikut jadual, Jabatan juga menyediakan laporan tahunan yang amat berkesan bagi mengukur prestasi dan pencapaian projek.

24. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan telah dapat melaksanakan Program Industri buah-buahan termasuk khidmat sokongan dengan teratur dan memuaskan serta mencapai matlamat yang ditetapkan. Memandangkan kepada program ini dirancang bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 berdasarkan kepada Rancangan Malaysia Kelapan, adalah diharapkan prestasi kerja Jabatan seperti ini diteruskan dan ditingkatkan lagi bagi memastikan program ini akan dapat mencapai sepenuhnya matlamat yang ditetapkan.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

PROGRAM TEBATAN BANJIR

25. LATAR BELAKANG

Jabatan Pengairan Dan Saliran (Jabatan) telah ditubuhkan pada tahun 1932. Objektif utama penubuhan Jabatan ini adalah untuk membangun dan mengurus skim pengaliran dan saliran termasuk sistem sungai dalam meningkatkan pengeluaran pertanian terutamanya bekalan beras Negara. Pada tahun 1972, berikutan bencana banjir besar yang melanda Negara, Jabatan diberi tanggungjawab dalam pengurusan data hidrologi dan tebatan banjir. Jabatan ini juga bertanggungjawab (mulai 1986) dalam pengurusan zon pantai bagi memastikan kejadian hakisan pantai dapat dikawal dengan baik.

Negeri Kedah mengalami kejadian banjir hampir setiap tahun. Kekerapan banjir di sesetengah kawasan adalah antara 2 hingga 5 kali setahun. Banjir yang berlaku sama ada banjir kilat akibat daripada sistem saliran air yang tidak sempurna atau pun banjir yang berpunca daripada ketidakupayaan sungai atau parit utama menampung aliran air hujan. Berlaku banjir yang kerap ini mengakibatkan banyak kerosakan kepada tanaman dan harta benda.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan telah merangka pelbagai program antaranya adalah Program Tebatan Banjir bagi mengawal kejadian banjir yang berlaku sama ada di kawasan bandar, perindustrian, kampung dan kawasan pertanian serta menyelamatkan harta benda dan kemudahan awam daripada mengalami kerosakan. Komponen kerja mengikut program ini merangkumi kerja seperti pembinaan, pembetungan, penggantian sistem saliran, pembentungan, melebar dan melurus sungai. Di bawah program ini Jabatan telah memohon peruntukan sejumlah RM4.6 juta daripada Kerajaan Negeri bagi tahun 2001 hingga 2003 dan sejumlah RM3.17 juta telah diluluskan. Perbelanjaan yang dilakukan bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM3.13 juta.

26. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada Program Tebatan Banjir ini telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

27. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian Audit ini meliputi semakan terhadap aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap program tebatan banjir jangka pendek berbentuk struktur dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Semakan dibuat terhadap rekod, fail, dokumen sebut harga serta dokumen lain yang berkaitan di Ibu Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kedah, Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Muda dan Daerah Kubang Pasu. Temubual diadakan dengan pegawai yang terlibat untuk mendapat keterangan lanjut. Lawatan ke tapak juga dibuat untuk mengetahui serta mendapat gambaran sebenar kerja yang dilaksanakan.

28. PENEMUAN AUDIT

28.1 PERANCANGAN

Aspek perancangan merupakan antara perkara penting yang perlu diteliti dan disediakan apabila merancang sesuatu program atau projek. Ia akan menentukan sama ada sesuatu program atau projek itu dapat dilaksanakan dengan jayanya dari segi pencapaian fizikalnya dan matlamat projek. Antara perkara yang perlu dipertimbangkan semasa menyediakan perancangan Program Tebatan Banjir ialah mengenal pasti pemilihan kawasan, kaedah pelaksanaan, prosedur yang perlu dipatuhi, tempoh penyiapan, sumber kewangan, tenaga kerja dan jadual pelaksanaan. Kajian Audit terhadap aspek perancangan Program Tebatan Banjir mendapati Jabatan telah menyedia perancangan tahunan bagi memohon peruntukan tahunan. Beberapa aspek perancangan yang telah diperhatikan antaranya seperti berikut:

28.1.1 Strategi Perancangan

Bagi mengelakkan impak dan kesan kejadian banjir terhadap kerosakan harta benda dan alam sekitar yang boleh menjelaskan aktiviti masyarakat atau sumber ekonomi di sesuatu kawasan, Jabatan telah merangka strategi tebatan banjir untuk jangka pendek dan panjang serta tindakan bentuk struktur dan bukan struktur. Strategi pelaksanaan jangka panjang merangkumi kajian dan pelaksanaan program tebatan banjir yang lebih menyeluruh, melibatkan jumlah peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang besar di bawah Rancangan Malaysia Kelapan serta tempoh penyiapan yang lama. Ini adalah selaras dengan objektif Jabatan untuk menyedia dan membekalkan perkhidmatan kejuruteraan yang tidak berupaya dilaksanakan oleh golongan sasaran persendirian dan pengurusan sumber air yang lebih cekap. Strategi jangka pendek pula melibatkan peruntukan kewangan Kerajaan Negeri yang meliputi pelaksanaan kerja tebatan banjir bernilai antara RM10,000 hingga RM100,000 bagi setiap projek yang dikenal pasti dan melibatkan tempoh penyiapan yang singkat serta skop kerja yang terhad.

Tindakan kerja bentuk struktur meliputi antaranya kerja pembinaan empangan dan prasarana saliran, memperbaiki dan meningkatkan taraf sistem perparitan, pemeliharaan sungai serta projek lain yang berkaitan. Tindakan kerja bentuk bukan struktur pula merangkumi antaranya ramalan dan amaran banjir dari semasa ke semasa melalui rangkaian stesen hidrologi yang sedia ada, analisis maklumat hujan dan aras air serta operasi menghadapi banjir.

Pada pendapat Audit strategi perancangan program tebatan banjir telah disediakan dengan komprehensif.

28.1.2 Kriteria Pemilihan Projek

Asas pertimbangan dan perancangan projek dalam bentuk tindakan struktur yang akan dilaksanakan oleh Jabatan di bawah Program Tebatan Banjir adalah berdasarkan laporan kajian yang dijalankan oleh perunding dilantik serta tinjauan oleh pegawai Jabatan, maklumat dan laporan mengenai kejadian banjir yang berlaku di Negeri Kedah, pemantauan dan aduan penduduk tempatan dan beberapa pihak yang berkaitan. Projek Jabatan yang dicadang untuk dilaksanakan adalah projek kecil dengan kosnya antara RM10,000 hingga RM100,000 setiap projek. Ini adalah kerana peruntukan tahunan Kerajaan Negeri yang terhad dan fokus projek berkenaan menjurus untuk menyelesaikan dan mengawal kejadian banjir di sesuatu kawasan tertentu. Program Tebatan Banjir Kerajaan Negeri merupakan projek sokongan kepada Program Tebatan Banjir Jabatan seluruh Negeri Kedah secara keseluruhannya yang juga melibatkan peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

28.1.3 Komponen Projek

Projek Program Tebatan Banjir yang akan dilaksanakan meliputi komponen kerja berikut:

- i) Pembaikan dan menaik taraf sistem saliran yang sedia ada.
- ii) Penggantian pembetung dan lintasan.
- iii) Pembinaan ban mencegah banjir.
- iv) Pembinaan hakisan tebing.
- v) Pembinaan struktur saliran/pintu air.
- vi) Mendalam, melebar dan melurus sungai/partit utama.

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan merancang untuk melaksanakan sebanyak 154 projek Program Tebatan Banjir di seluruh Negeri Kedah. Bilangan projek mengikut daerah yang dirancang pada setiap tahun adalah seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37
Bilangan Projek Yang Dirancang
Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

| Tahun | Kota Star/ Pendang/Yan | Kubang Pasu/ Padang Terap | Kuala Muda/ Sik/ Baling | Kulim/ Bandar Baru | Langkawi | Bilangan |
|---------------|---------------------------|------------------------------------|----------------------------------|--------------------------|-----------|------------|
| 2001 | 7 | 12 | 18 | 9 | 6 | 52 |
| 2002 | 11 | 7 | 10 | 21 | 3 | 52 |
| 2003 | 9 | 9 | 9 | 20 | 3 | 50 |
| Jumlah | 27 | 28 | 37 | 50 | 12 | 154 |

Sumber: Buku Anggaran Pembangunan JPS Negeri

Semakan Audit mendapati kertas kerja Program Tebatan Banjir yang disediakan untuk menyokong permohonan peruntukan daripada Kerajaan Negeri adalah kurang lengkap dan tidak terperinci. Jenis kerja yang dicadangkan atau dinyatakan dibuat dengan ringkas. Maklumat komponen kerja yang hendak dilaksanakan iaitu seperti butiran keluasan atau ukuran hakisan tebing yang hendak diperkuuhkan, ban sungai dan gabion yang akan dibina, parit dan sungai yang perlu diperdalamkan dan dibersihkan, panjang lintasan dan jambatan yang akan dibina tidak dinyatakan dalam kertas kerja. Di samping itu, kertas kerja tidak mengandungi *time frame* untuk pelaksanaan kerja tebatan banjir terutamanya melibatkan kepentingan awam dan keutamaan kes permintaan atau aduan tertentu. Peruntukan yang dipohon hanya berdasarkan anggaran kasar kos projek tanpa mengambil kira keperluan dan spesifikasi kerja sebenar.

28.1.4 Kaedah Pelaksanaan

Mengikut kaedah pelaksanaan projek tebatan banjir akan dijalankan oleh kontraktor yang dipilih secara tawaran terus atau dilantik secara sebut harga melalui inden kerja. Jabatan akan menyediakan garis panduan yang mencukupi mengenai cara tawaran terus dan sebut harga, bayaran serta menetapkan cadangan jadual pelaksanaan program dan spesifikasi kerja. Selain

itu Jabatan juga merancang penyeliaan dan pemantauan kerja dilaksanakan oleh kakitangan Jabatan.

28.1.5 Struktur Pengurusan Dan Guna Tenaga

Kakitangan yang mencukupi serta mempunyai kelayakan dan keupayaan yang bersesuaian dengan tugas merupakan faktor penting bagi menentukan kecekapan dan keberkesanan sesebuah Jabatan. Struktur Organisasi Jabatan Pengairan Dan Saliran terdiri daripada 3 bahagian iaitu Bahagian Operasi, Bahagian Pengairan Dan Pantai, Bahagian Saliran Dan Sungai dan 5 cawangan Daerah iaitu Daerah Kota Star/Pendang/Yan, Kubang Pasu/ Padang Terap, Kuala Muda/Sik/Baling, Kulim/Bandar Baharu dan Daerah Langkawi. Jabatan diketuai oleh seorang Pengarah Gred J54. Bahagian yang terlibat secara langsung untuk melaksanakan Program Tebatan Banjir adalah Bahagian Saliran Dan Sungai dan semua cawangan Daerah. Bahagian Saliran Dan Sungai diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah Gred J48 dan Jurutera Gred J48 mengetuai Daerah. Perjawatan yang diluluskan pada tahun 2003 adalah berjumlah 476 perjawatan.

Pada pendapat Audit, struktur pengurusan Jabatan Pengairan Dan Saliran adalah baik dan bersesuaian dengan fungsinya.

28.1.6 Perancangan Peruntukan

Bagi melaksanakan projek di bawah program ini, Jabatan telah memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM4.6 juta bagi tahun 2001 hingga 2003. Kedudukan jumlah peruntukan yang dipohon mengikut daerah pada setiap tahun adalah seperti di **Jadual 38.**

Jadual 38
Jumlah Peruntukan Dipohon Bagi
Tahun 2001 Hingga 2003

| Tahun | Kota Star/ Pendang/Yan (RM Juta) | Kubang Pasu/ Padang Terap (RM Juta) | Kuala Muda/ Sik/ Baling (RM Juta) | Kulim/ Bandar Baru (RM Juta) | Langkawi (RM Juta) | Jumlah (RM Juta) |
|---------------|--|---|---|---------------------------------------|-----------------------|---------------------|
| 2001 | 0.32 | 0.17 | 0.51 | 0.40 | 0.17 | 1.57 |
| 2002 | 0.43 | 0.08 | 0.31 | 0.64 | 0.15 | 1.61 |
| 2003 | 0.25 | 0.12 | 0.29 | 0.61 | 0.15 | 1.42 |
| Jumlah | 1.00 | 0.37 | 1.11 | 1.65 | 0.47 | 4.60 |

*Sumber : Buku Anggaran dan Rekod Peruntukan Pembangunan
JPS Negeri Tahun 2001 -2003*

Pada pendapat Audit, Jabatan telah menyediakan perancangan yang baik bagi mengawal banjir di Negeri Kedah. Perkara utama diperingkat perancangan seperti strategi penetapan lokasi dan kaedah perolehan kerja serta keperluan peruntukan kewangan telah diambil kira. Bagaimanapun, perancangan projek boleh diperkemaskan lagi jika komponen dan spesifikasi kerja dan anggaran kos projek yang lengkap dan terperinci serta jadual pelaksanaannya dapat dipastikan dan ditetapkan dengan awal. Maklumat ini akan dijadikan sebagai kertas kerja dan asas permohonan peruntukan tahunan Kerajaan Negeri yang lebih realistik serta membolehkan Program Tebatan Banjir dirancang dan dilaksanakan dengan sempurna serta mengikut keutamaannya.

28.2 PELAKSANAAN

Sesuatu projek yang dilaksanakan hendaklah mengikut perancangan dan peraturan yang telah ditetapkan. Perbelanjaannya pula hendaklah tidak melebihi daripada peruntukan yang diluluskan. Selain itu, projek yang dilaksanakan hendaklah mengikut spesifikasi dan dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Ini bertujuan supaya pelaksanaan projek dapat dijalankan dengan lancar dan mencapai matlamatnya. Penelitian Audit terhadap pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

28.2.1 Strategi Pelaksanaan

Strategi pelaksanaan yang baik dan komprehensif antaranya melalui kajian yang dijalankan membolehkan Program Tebatan Banjir dilaksanakan dengan sempurna, teratur dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Sebagai strategi jangka panjang yang menyeluruh, Jabatan telah melantik jurutera perunding swasta untuk menjalankan kajian dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan seperti berikut:

- i) Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Alor Star, 1979
- ii) Kajian Komprehensif Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Muda, 1995
- iii) Pelan Induk Saliran Bandar Kulim, 1996
- iv) Kajian dan Reka Bentuk Terperinci Rancangan Tebatan Banjir Sungai Keladi, Kulim, 1996
- v) Kajian dan Reka Bentuk Terperinci Rancangan Tebatan Banjir Kuala Kedah, 1996
- vi) Pelan Induk Saliran Bandar Sungai Petani, 1997
- vii) Kajian Lembangan Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit
- viii) Kajian Lembangan Sungai Kerian

Maklumat dan hasil laporan kajian telah menyumbangkan kepada pelaksanaan rancangan tebatan banjir lebih besar dan menyeluruh di Negeri Kedah dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan telah membiayai 3 projek iaitu Rancangan Tebatan Banjir Alor Star Fasa II bernilai RM88.19 juta, Bandar Kulim bernilai RM180 juta dan Sungai Muda bernilai RM500 juta. Di samping itu, Jabatan sendiri telah menjalankan kajian tebatan banjir jangka pendek yang tertumpu di kawasan bandar/pekan bagi mengenalpasti projek kecil sebagai projek sokongan kepada projek tebatan banjir Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM0.32 juta dibelanjakan untuk melaksanakan kajian ini.

Selain itu, Jabatan melalui Program Pembangunan Sistem Hidrologi dan peranannya dalam Gerakan Bantuan Banjir telah dapat

mengesan keadaan aras air sungai, menganalisis data hidrologi yang dipungut serta melaksanakan operasi pemantauan, ramalan dan amaran banjir dengan baik dan sempurna. Dengan ini amaran awal dapat diberikan dan dapat mengelakkan kerosakan akibat banjir seperti kehilangan nyawa serta kemusnahan harta benda serta memudahkan tindakan susulan dalam operasi gerakan bantuan banjir di peringkat daerah dan negeri.

Pada pendapat Audit, strategi pelaksanaan Program Tebatan Banjir telah diwujudkan dan berfungsi dengan teratur dan sempurna.

28.2.2 Pemilihan Projek

Projek tebatan banjir Kerajaan Negeri yang dilaksanakan setiap tahun adalah gabungan pemilihan kerja dari Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah berdasarkan penelitian, siasatan dan perancangan berjadual Jabatan. Di samping itu, Jabatan juga bertindak hasil dari aduan, permintaan dan rayuan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, individu, wakil rakyat, pemimpin masyarakat, keputusan Mesyuarat Tindakan Daerah dan pihak lain yang berkenaan. Tahap keutamaan dan kepentingan sesuatu projek perlu dilaksanakan dengan segera serta jumlah peruntukan kewangan yang dilulus dan diagihkan kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah juga telah diambil kira. Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan telah melaksanakan 154 projek tebatan banjir di Negeri Kedah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 seperti di **Jadual 39.**

Jadual 39
Bilangan Projek Yang Dilaksanakan
Pada Tahun 2001 Hingga 2003

| Daerah | Projek Dirancang (Asal) | Projek sebenar Dilaksanakan | | Projek Asal Dirancang Tetapi Akhirnya Tidak Dilaksanakan |
|---------------------------|-------------------------------|---------------------------------|----------------------------------|--|
| | | Mengikut Perancangan Asal | Tidak Mengikut Perancangan | |
| Kota Star/Pendang/Yan | 27 | 12 | 9 | 15 |
| Kubang Pasu/ Padang Terap | 28 | 21 | 15 | 7 |
| Kuala Muda/Sik/Baling | 37 | 10 | 36 | 27 |
| Kulim/Bandar Baharu | 50 | 7 | 36 | 43 |
| Langkawi | 12 | 2 | 6 | 10 |
| Jumlah | 154 | 52 | 102 | 102 |

Sumber: Reko Sumber : Rekod Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri

Daripada 154 projek berkenaan, sebanyak 52 projek telah dilaksanakan mengikut perancangan asal di kawasan terpilih dan jenis kerja yang ditetapkan. Sebilangan 102 projek tebatan banjir telah dilaksanakan tetapi tidak mengikut lokasi dan butiran kerja seperti perancangan awal, sementara 102 cadangan asal projek didapati akhirnya langsung telah tidak dilaksanakan seperti dirancang. Ini adalah kerana pelaksanaan projek *ad-hoc* yang memerlukan tindakan segera, anggaran peruntukan dan perancangan projek yang kurang teliti, kekurangan kelulusan peruntukan Kerajaan Negeri, penyusunan semula dan perubahan butiran pelaksanaan projek mengikut agihan peruntukan kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah yang terhad.

Pada pendapat Audit, pemilihan dan pelaksanaan projek telah dibuat dengan mengambil kira kepentingan penduduk setempat. Bagaimana pun, ia perlu diperkemaskan lagi supaya pelaksanaan projek menepati perancangan dan *output* serta matlamat dijangka daripada pelaksanaan projek menepati sasarannya.

28.2.3 Komponen Projek

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah di seluruh Negeri telah melaksanakan 154 projek tebatan banjir berdasarkan kepada peruntukan yang diagihkan. Tempoh penyiapan projek juga ditetapkan dan dijadualkan antara 1 hingga 6 bulan. Komponen kerja yang diliputi dan telah dilaksanakan bagi mengawal kejadian banjir antaranya adalah kerja mengorek, mencuci, mendalam, melebar,membuang enapan dan membina cerun sungai, parit dan taliair. Ia juga melibatkan kerja pemasangan *gabion*, *culvert*, membina penahan hakisan dan ban, membaiki pembetung dan ban yang runtuh serta jambatan. Selain itu, ia juga meliputi kerja menjajar bakau, meluruskan sungai, membina titi, parit konkrit, alur limpah dan sistem perparitan yang sempurna. Semua projek ini telah dilaksanakan dengan sempurna di kawasan sungai, alor dan lokasi yang dikenal pasti mengalami masalah banjir. Pemeriksaan Audit mendapati projek yang dijalankan telah menangani masalah banjir yang dihadapi oleh penduduk berbanding sebelum projek dijalankan telah dapat diatasi.

Pada pendapat Audit, komponen projek yang diliputi dalam Program Tebatan Banjir adalah mencukupi dan bersesuaian dengan matlamatnya.

28.2.4 Kaedah Pelaksanaan

Jabatan tidak melaksanakan sendiri projek tebatan banjir di Negeri Kedah. Sebaliknya projek tebatan banjir ditawarkan kepada kontraktor yang dilantik oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah melalui proses sebut harga atau tawaran terus. Bagi menyelaras prosedur dan mencapai tahap pengurusan yang baik, Jabatan telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Perolehan Secara Sebut Harga. Semua perolehan projek yang bernilai antara RM20,000 hingga RM200,000 diuruskan secara sebut harga. Sementara projek bernilai kurang daripada RM20,000 telah ditawarkan terus kepada kontraktor yang berkelayakan dan berpengalaman. Sebut harga projek telah dipelawa kepada

kontraktor bumiputera kelas ‘F’ yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Pelawaan projek sebut harga di suatu daerah adalah didapati terhad kepada kontraktor yang berdaftar di kawasan operasi sahaja. Dua Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Membuka Sebut Harga dan Jawatankuasa Menyetujuterima Sebut Harga telah diwujudkan di semua Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah dan dipengerusikan oleh Jurutera Daerah.

Bagi Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kuala Muda/Sik/Baling dan Daerah Kubang Pasu/Padang Terap, daripada 82 projek tebatan banjir bernilai RM1.17 juta yang dilaksanakan bagi tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 50 projek bernilai RM0.65 juta telah dilaksanakan secara tawaran terus dan 32 projek lain bernilai RM0.52 juta dengan mempelawa sebut harga. Pemeriksaan Audit terhadap 21 projek berjumlah RM0.36 juta daripada 82 butiran kerja projek berkenaan adalah didapati kaedah pelaksanaannya adalah mengikut garis panduan dan peraturan Kerajaan yang ditetapkan. Sebahagian kes pelaksanaan sebut harga mewajibkan kontraktor membuat lawatan ke tapak projek. Semakan Audit terhadap setiap projek yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM100,000 mendapati jadual sebut harga, anggaran Jabatan, laporan penilaian, perakuan Jawatankuasa Sebut Harga, surat pemberitahuan penerimaan sebut harga kepada kontraktor yang berjaya, inden kerja, spesifikasi dan skop kerja serta tempoh siap kerja telah disediakan dengan lengkap dan teratur. Secara purata 9 hingga 33 kontraktor telah menyertai sebut harga bagi setiap kes pelawaan sebut harga terbuka. Jawatankuasa Sebut Harga telah memperakunkan tawaran kerja yang paling baik dan munasabah dari segi harga terendah berbanding anggaran kos Jabatan, jangka masa menyiapkan kerja yang bersesuaian, pengalaman, prestasi kerja dan komitmen kerja semasa yang ada pada kontraktor.

Bagi projek yang ditawarkan secara terus kepada kontraktor, adalah didapati 8 projek bernilai kurang daripada RM20,000 setiap satu

telah juga dilaksanakan secara sebut harga. Nilai kerja projek tawaran terus ditetapkan berdasarkan Jadual Purata Kadar Harga tahun 2001 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia. Pemeriksaan Audit mendapati pelaksanaan tawaran kerja dibuat dengan teratur dan kerja telah disiapkan oleh kontraktor dan bayaran dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh peraturan. Penyeliaan terhadap kerja yang dilakukan dibuat oleh pegawai Jabatan yang bertanggungjawab ke atas kawasan masing-masing.

Pada pendapat Audit, kaedah pelaksanaan projek Jabatan adalah selaras dengan peraturan perolehan kerja dan kontraktor telah melaksanakan projek mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam inden kerja atau ringkasan sebut harga.

28.2.5 Prestasi Program

Objektif utama Program Tebatan Banjir yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk mengawal kejadian banjir, hakisan tebing sungai dan keruntuhan tanah akibat daripada banjir yang berlaku sama ada di kawasan bandar, perindustrian, kampung dan kawasan pertanian serta menyelamatkan harta benda awam daripada mengalami kerosakan. Secara keseluruhannya adalah didapati kemajuan kerja oleh kontraktor telah dilaksanakan dengan baik. Prestasi kerja yang dijalankan adalah seperti berikut:

i) Kemajuan Fizikal

Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah telah melaksanakan semua 154 projek tebatan banjir sepanjang tahun 2001 hingga 2003 secara pemberian terus dan sebut harga kepada kontraktor seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40
Bilangan Projek Yang Dilaksanakan
Pada Tahun 2001 Hingga 2003

| Tahun | Kota Star/ Pendang/Yan | Kubang Pasu/ Padang Terap | Kuala Muda/ Sik/ Baling | Kulim/ Bandar Baru | Langkawi | Jumlah |
|---------------|---------------------------|------------------------------------|----------------------------------|--------------------------|----------|------------|
| 2001 | 3 | 9 | 11 | 17 | 2 | 42 |
| 2002 | 8 | 10 | 12 | 11 | 3 | 44 |
| 2003 | 10 | 17 | 23 | 15 | 3 | 68 |
| Jumlah | 21 | 36 | 46 | 43 | 8 | 154 |

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Lawatan Audit terhadap 10 projek tebatan banjir yang dilaksanakan oleh Jabatan di Daerah Kuala Muda/Sik/Baling dan Daerah Kubang Pasu/Padang Terap telah dibuat dan semuanya mencapai matlamat program. Hasil lawatan itu mendapati projek yang telah dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan. Berikut adalah 4 projek yang dilaksanakan dan mencapai matlamat program:

a) Projek Membina Struktur Sistem Perparitan Di Kampung Sungkup, Bukit Selambau, Kedah.

Projek membina struktur sistem perparitan di Kampung Sungkup, Bukit Selambau, Daerah Kuala Muda dengan kos RM57,895 melibatkan kerja membina *cattle trap*, *sump*, lintasan *slab*, *box culvert* dan parit konkrit. Projek telah disiapkan pada akhir bulan Ogos 2002 untuk mengawal kejadian banjir di kampung berkenaan akibat limpahan air hujan dari bukit ke kawasan penempatan penduduk. Lawatan Audit mendapati setelah siap projek berkenaan masalah banjir tersebut telah berjaya diatasi. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati penyelenggaraan terhadap projek ini tidak begitu memuaskan. Adalah didapati sistem perparitan yang disediakan bagi projek ini telah dipenuhi dengan kelodak pasir bercampur tanah dan menutup saluran air. Keadaan ini mengakibatkan sistem

saliran yang dibina tidak dapat berfungsi dengan sempurna. Keadaan ini tidak akan berlaku sekiranya penyelenggaraan terhadap projek dijalankan secara tetap dan berkala oleh Jabatan. Kedudukannya seperti di **Foto 4**.

Foto 4

Enapan Pasir Dalam Sistem Perparitan Kampung Sungkup, Bukit Selambau, Kuala Muda, Kedah.



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 25 Septembris 2003

b) Projek Memasang *Gabion* Dan Membersih Sungai Rambong, Baling, Kedah

Projek membekal dan memasang *gabion* saiz 2 meter x 1 meter x 1 meter dengan batu granit saiz 150mm hingga 225mm termasuk kerja tanah serta mengorek dan membersihkan Sungai Rambong di Hospital Daerah Baling telah dilaksanakan pada awal bulan Julai 2001 dan siap pada awal bulan Oktober 2001 dengan kos berjumlah RM22,484. Pelaksanaan projek ini telah dapat melindungi tebing sungai daripada terhakis secara berterusan akibat aliran sungai yang deras yang mana ia boleh merosakkan struktur bangunan hospital.

c) Projek Melurus Dan Membersihkan Aliran Sungai Weng, Baling, Kedah

Projek melurus dan membersihkan aliran Sungai Weng serta menjajar bakau di Kampung Bukit Rawa, Mukim Siong Daerah Baling berharga RM19,750. Projek ini melibatkan kerja membentuk aliran baru, membersih dan mendalamkan dasar Sungai Weng sedalam 1 meter dari dasar asal serta menjajar bakau saiz 1 meter diameter x 4.8 meter panjang. Tujuannya adalah untuk mengukuh tebing sungai, melurus dan melancarkan aliran sungai. Kesan daripada projek ini apabila berlaku taburan hujan yang lebat, limpahan air Sungai Weng ke atas penempatan awam dan keruntuhan tebing dapat diatasi.

d) Projek Mengorek, Mendalam Dan Melebar Sungai Tok Kassim Dan Sungai Changkat Setol, Mukim Temin, Daerah Kubang Pasu

Projek ini telah ditawarkan terus kepada kontraktor dengan harga bernilai RM13,000 dan siap pada akhir bulan Disember 2002. Ia merupakan sebahagian kerja penyelenggaraan sungai berjadual yang melibatkan kerja pembuangan batang kayu, sampah dan tumbuhan air yang menghalang aliran sungai. Projek ini bertujuan untuk mengelakkan limpahan air sungai apabila berlakunya taburan hujan yang lebat.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan Program Tebatan Banjir adalah memuaskan. Jabatan hendaklah menyediakan jadual dan menjalankan kerja penyelenggaraan terhadap projek yang dibina secara tetap/berkala untuk memastikan setiap projek yang dijalankan dapat berfungsi dengan baik dan sempurna.

ii) Kemajuan Perbelanjaan

Jabatan berjaya membelanjakan hampir kesemua peruntukan yang diterima bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Daripada

peruntukan berjumlah RM0.85 juta untuk tahun 2001, sejumlah RM0.84 juta telah dibelanjakan. Pada tahun 2002 pula daripada peruntukan RM0.9 juta sejumlah RM0.89 juta telah dibelanjakan manakala bagi tahun 2003 sejumlah RM1.40 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan berjumlah RM1.42 juta yang diterima. Adalah didapati peruntukan yang diperolehi telah digunakan oleh Jabatan dengan baik dan dimanfaatkan sepenuhnya untuk melaksanakan program tebatan banjir di Negeri Kedah. Butirannya adalah seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41
Peruntukan Yang Dilulus Dan Dibelanjakan
Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

| Tahun | Peruntukan (RM Juta) | Perbelanjaan (RM Juta) |
|---------------|-------------------------|---------------------------|
| 2001 | 0.85 | 0.84 |
| 2002 | 0.90 | 0.89 |
| 2003 | 1.42 | 1.40 |
| Jumlah | 3.17 | 3.13 |

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Pada pendapat Audit Jabatan telah membelanjakan peruntukan yang diterima dengan memuaskan.

28.2.6 Struktur Pengurusan Dan Guna Tenaga

Struktur pengurusan yang baik dan fungsi yang jelas serta latihan yang terancang akan membantu menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan Jabatan. Pada tahun 2003, sebanyak 476 jawatan telah diluluskan. Pemeriksaan Audit mendapati 449 perjawatan telah diisi yang terdiri daripada 21 pegawai daripada kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 428 daripada Kumpulan Sokongan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2001 hingga 2003 Jabatan telah mengendalikan 33 kursus dan latihan dalam bidang kejuruteraan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawainya berkaitan dengan tugas yang dijalankan.

Pada pendapat Audit, struktur pengurusan Jabatan pada keseluruhannya adalah baik serta kursus/latihan yang dihadiri adalah sebagaimana yang dirancang.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan program ini adalah memuaskan kerana kejadian banjir, hakisan tebing sungai dan keruntuhan tanah akibat daripada banjir yang berlaku sama ada di kawasan bandar, perindustrian, kampung dan kawasan pertanian telah dapat diatasi atau dikurangkan impaknya.

28.3 PEMANTAUAN

Mengikut prosedur yang dibuat oleh Jabatan, setiap jenis kerja akan dipantau sama ada oleh Jurutera dan pegawai daripada Ibu pejabat atau Daerah seperti berikut:

i) Pemantauan Di Peringkat Ibu Pejabat

Bagi projek yang dilaksanakan di peringkat Daerah, pemantauan dibuat oleh pihak Ibu pejabat dengan membuat semakan terhadap laporan yang diterima daripada Daerah dan juga mesyuarat bulanan Pengarah Jabatan dengan setiap Jurutera Daerah. Semakan Audit mendapati laporan dan mesyuarat telah dibuat setiap bulan. Semakan terhadap laporan dan minit mesyuarat yang disediakan, mendapati catatan minit mesyuarat tersebut menunjukkan pemantauan telah dibuat dengan berkesan oleh Jabatan di mana minit yang disediakan mencatatkan prestasi, kemajuan dan perbelanjaan projek pada setiap bulan.

ii) Pemantauan Di Peringkat Daerah

Setiap projek yang dilaksanakan di Daerah pula dibuat pemantauan oleh pegawai Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah dengan menyediakan laporan kepada Jurutera Daerah. Di samping itu, pegawai yang mengawasi projek dikehendaki membuat pengesahan terhadap kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor. Semakan Audit mendapati laporan bulanan dan mesyuarat telah dibuat secara tetap dan memuaskan di mana ianya difaikkan dengan teratur dan kemas kini. Berdasarkan kepada laporan yang disemak adalah didapati

prestasi kemajuan pelaksanaan projek di bincang dan diteliti pada setiap bulan.

Pada pendapat Audit, pemantauan projek oleh Jabatan adalah memuaskan. Setiap permasalahan telah ditangani dengan segera berdasarkan laporan, lawatan dan mesyuarat yang diadakan di peringkat Ibu Pejabat ataupun Daerah.

29. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya Program Tebatan Banjir yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kedah adalah memuaskan. Jabatan telah dapat melaksanakan projek bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 dengan sempurna walaupun ada yang tidak dilaksanakan mengikut seperti yang dirancang. Selain itu, kawalan perbelanjaan, pemilihan kontraktor dan pemantauan projek telah dibuat mengikut peraturan. Program Tebatan Banjir yang dilaksanakan oleh Jabatan telah mencapai objektif yang ditetapkan.

PEJABAT TANAH KUALA MUDA

PENGURUSAN UBAH SYARAT DAN JENIS PENGGUNAAN TANAH

30. LATAR BELAKANG

Pejabat Tanah Kuala Muda (Pejabat) bertanggungjawab mengurus pentadbiran tanah dalam daerah Kuala Muda. Fungsi utama Pejabat ini adalah mentadbir dan menguatkuasa undang-undang dan peraturan berkaitan dengan tanah terutamanya undang-undang mengenai tanah yang ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara 1965, Peraturan-peraturan Tanah Kedah 1966, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan dan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah. Aktiviti utama yang dijalankan oleh Pejabat ini adalah mengurus permohonan tanah, menukar syarat penggunaan tanah, pengurusan dan pengeluaran permit pemindahan bahan batuan dan pengeluaran Lesen Menduduki Sementara.

Mengikut Seksyen 124 Kanun Tanah Negara, seseorang tuan tanah milik boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menukar syarat penggunaan tanah. Tujuannya adalah bagi membolehkan pemilik tanah berkenaan memajukan tanah mereka untuk maksud lain. Di bawah Seksyen 52(1) Kanun Tanah Negara menyatakan syarat nyata kegunaan tanah terbahagi kepada 3 jenis penggunaan tanah iaitu pertanian, bangunan dan industri. Setiap tanah milik ini akan tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam dokumen hak milik tanah. Sebarang perubahan syarat tanah bagi setiap kategori kegunaan tanah hendaklah dibuat melalui Pentadbir Tanah untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Sebanyak 241 permohonan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah telah diterima oleh Pejabat Tanah Kuala Muda bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003.

31. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah bagi menentukan sama ada pengurusan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan.

32. SKOP DAN KAE DAH PENGAUDITAN

Skop pemeriksaan Audit adalah meliputi fail dan dokumen permohonan serta kelulusan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Semakan Audit tidak termasuk urusniaga pecah sempadan tanah kerana dalam tempoh kajian tidak ada kes yang melibatkan pecah sempadan tanah. Kaedah pengauditan yang dilaksanakan ialah dengan memeriksa semua fail yang berkaitan dengan permohonan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah. Lawatan Audit juga telah dilakukan di lokasi tanah bagi menentukan tidak berlaku perlanggaran syarat kegunaan tanah. Selain itu, perbincangan dan temubual diadakan dengan pegawai Pejabat Tanah dan pemilik tanah yang dilawati untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

33. PENEMUAN AUDIT

33.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan perkara yang penting perlu disediakan oleh pejabat untuk memastikan pengurusan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Perancangan kerja yang dibuat oleh Pejabat ini adalah seperti berikut:

33.1.1 Perundangan Dan Peraturan

Perundangan dan peraturan yang akan digunakan oleh Pejabat ini untuk proses permohonan ubah syarat dan ubah jenis penggunaan tanah adalah Kanun Tanah Negara 1965, Peraturan-peraturan Tanah Kedah 1966 dan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan. Mengikut Seksyen 124 Kanun Tanah Negara Tahun 1965, Pihak Berkuasa Negeri diberi kuasa untuk meluluskan tukar syarat penggunaan tanah. Tujuannya adalah untuk membolehkan pemilik tanah berkenaan memajukan tanah mereka untuk maksud lain. Penggunaan tanah adalah dibahagikan kepada tiga kategori seperti pertanian, kediaman dan industri. Mengikut Kanun Tanah Negara, ubah syarat penggunaan tanah bermaksud menukar penggunaan tanah umpamanya penggunaan dari satu

jenis tanaman kepada satu jenis tanaman yang lain. Sementara ubah jenis penggunaan tanah pula bermaksud mengubah kategori penggunaan tanah seperti kategori pertanian kepada industri atau industri kepada bangunan dan lain-lain.

33.1.2 Piagam Pelanggan

Mengikut Piagam Pelanggan Pejabat, tempoh masa yang ditetapkan bagi memproses permohonan ubah syarat tanah adalah 6 bulan bermula daripada penerimaan permohonan sehingga kelulusan oleh Pentadbir Tanah Daerah. Bagi proses permohonan ubah jenis kegunaan tanah pula tempoh masa yang diambil adalah 1 tahun bermula daripada permohonan diterima sehingga kelulusan Jawatankuasa Tanah Negeri atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

33.1.3 Struktur Pengurusan Dan Guna Tenaga

Bagi melaksanakan tugas pentadbiran tanah, Pejabat telah mewujudkan satu unit untuk menguruskan aktiviti ubah syarat dan jenis kegunaan tanah. Unit ini juga bertanggungjawab menguruskan permohonan pecah bahagian/pecah sempadan tanah, cantuman dan serahan balik tanah. Unit ini diketuai oleh Pentadbir Tanah Gred N48, dua orang Pembantu Tadbir Gred NT22 dan dibantu oleh 10 orang Pembantu Tadbir Gred NT17 (Pegawai Petempatan).

33.1.4 Kadar Bayaran

Kadar bayaran bagi setiap urusan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah adalah ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Tanah Kedah 1966. Setiap permohonan yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan bayaran berjumlah RM50. Setelah permohonan diluluskan, pemohon dikehendaki menjelaskan bayaran yang akan dikenakan mengikut syarat baru yang dipohon seperti premium tanah tambahan berdasarkan keluasan tanah, cukai tanah baru dikenakan berdasarkan syarat baru dan bayaran kemajuan bagi ubah jenis kegunaan tanah daripada pertanian kepada bangunan mengikut kadar RM1,000 bagi setiap ekar.

33.1.5 Anggaran Hasil Tanah

Pada setiap tahun Pejabat akan menyediakan anggaran hasil. Jumlah hasil yang akan dipungut oleh Pejabat ini bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 ialah RM44 juta iaitu antaranya terdiri daripada cukai tanah, premium tanah, premium hutan, bayaran kemajuan tanah bagi ubah jenis dan royalti pengeluaran bahan batuan. Daripada jumlah tersebut RM5.70 juta adalah bayaran kemajuan tanah bagi ubah jenis penggunaan tanah. Selain itu, urusniaga ubah syarat dan ubah jenis kegunaan tanah akan turut menyumbang kepada pertambahan cukai tanah dan premium tanah.

33.1.6 Pemantauan

Sistem pemantauan yang akan dibuat oleh Pejabat Tanah Kuala Muda bagi memantau semua kerja berkaitan dengan aktiviti ubah syarat dan ubah jenis penggunaan tanah ini akan dilaksanakan dengan cara:

- i) Melalui mesyuarat dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat dalam urusan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah.
- ii) Melalui laporan dan pemeriksaan yang dibuat oleh Pegawai Petempatan dan Penguatkuasa.

Pada pendapat Audit, perancangan yang dibuat oleh Pejabat Tanah Kuala Muda bagi mengubah syarat dan jenis penggunaan tanah adalah memuaskan.

33.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan pengurusan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah adalah berpandukan kepada Kanun Tanah Negara 1965, Ordinan Perwakilan Kuasa, Peraturan-peraturan Tanah Kedah 1966, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan serta Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah, Buku Panduan Pentadbiran Tanah dan Piagam Pelanggan.

Semakan Audit terhadap pelaksanaan pengurusan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah mendapati beberapa perkara seperti berikut:

33.2.1 Proses Permohonan Ubah Syarat Dan Jenis Kegunaan Tanah

Mengikut Piagam Pelanggan Pejabat, tempoh masa yang ditetapkan bagi memproses permohonan ubah syarat tanah ialah 6 bulan, manakala bagi proses permohonan ubah jenis kegunaan tanah adalah 1 tahun. Bagi ubah jenis kegunaan tanah dalam kawasan Majlis Perbandaran Sungai Petani, pemohon dikehendaki mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada pihak Majlis sebelum dikemukakan ke Pejabat Tanah. Seterusnya permohonan akan diproses untuk mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Tanah Negeri atau Majlis Mesyuarat Kerajaan. Bagi permohonan ubah syarat, Pejabat Tanah Daerah akan menjalankan siasatan terhadap tanah tersebut dan juga mendapatkan ulasan daripada Jabatan Teknikal dan menyediakan laporan sokongan untuk kelulusan sama ada daripada Pentadbir Tanah Daerah atau Pengarah Tanah Dan Galian Negeri. Berikut adalah proses permohonan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah:

- i) Pendaftaran permohonan dan fail.
- ii) Permohonan dihantar kepada Pelukis Pelan untuk semakan di *litho sheet*.
- iii) Borang permohonan dihantar kepada Pegawai Petempatan untuk siasatan dan laporan.
- iv) Borang permohonan dihantar kepada Jabatan Teknikal seperti RISDA, Jabatan Pertanian, Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta dan Jabatan Pengairan Dan Saliran.
- v) Pentadbir Tanah Daerah akan menyemak Laporan Siasatan Pegawai Petempatan dan ulasan Jabatan Teknikal dan arahan sediaan Borang "C".
- vi) Laporan Sokongan/Borang Permohonan dihantar ke PTG untuk semakan dan disediakan kertas kerja untuk dihantar kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).

- vii) Pengarah Tanah Dan Galian Negeri menerima keputusan daripada MMK dan hantar kepada Pejabat Tanah.
- viii) Keputusan permohonan dihantar kepada pemohon dan sediakan surat tuntutan bayaran yang dikenakan.
- ix) Pemohon membuat bayaran yang dikenakan bagi permohonan yang berjaya.
- x) Pejabat menyediakan perintah untuk ubah syarat atau ubah jenis kegunaan tanah.
- xi) Pejabat membuat pembatalan terhadap dokumen hak milik lama dan menggantikan dengan hak milik baru.
- xii) Pejabat membuat pindaan terhadap cukai tanah tahunan.

Beberapa pendekatan telah diambil untuk memberi kemudahan kepada pelanggan seperti menyediakan kaunter pertanyaan, cara mengisi borang permohonan dan penyediaan dokumen yang berkaitan. Dengan kemudahan tersebut, proses permohonan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah dapat dipercepatkan. Semakan Audit terhadap 44 fail ubah syarat dan 34 fail ubah jenis kegunaan tanah mendapati proses daripada permohonan diterima sehingga kelulusan diberi telah dibuat dengan teratur.

Pada pendapat Audit, pejabat telah memproses permohonan ubah syarat dan ubah jenis penggunaan tanah mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan.

33.2.2 Kadar Bayaran

Mengikut Peraturan-peraturan Tanah Kedah 1966, setiap permohonan ubah syarat dan ubah jenis kegunaan tanah yang dikemukakan kepada Pejabat, ia hendaklah disertai dengan bayaran permohonan sejumlah RM50. Apabila permohonan diluluskan, bayaran seperti premium tambahan, cukai tanah baru, bayaran kemajuan, bayaran dokumen hak milik dan bayaran pelan serta beberapa bayaran lain perlu dijelaskan oleh pemohon. Semakan Audit terhadap 7 fail permohonan ubah syarat dan 27 fail permohonan ubah jenis kegunaan tanah yang diluluskan bagi

tempoh tahun 2001 hingga 2003 mendapati kutipan hasil bagi aktiviti ini berjumlah RM1.51 juta telah dibuat mengikut kadar yang ditetapkan.

33.2.3 Pungutan Hasil

Hasil tanah akan dapat dipungut dengan cekap dan berkesan sekiranya pelaksanaan kerja dibuat mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, hasil yang dianggarkan dapat dipungut oleh Pejabat ini melalui bayaran kemajuan ubah jenis kegunaan tanah berjumlah RM5.70 juta. Bagaimanapun, bagi tempoh ini Pejabat telah memungut sejumlah RM5.35 juta iaitu berkurangan sejumlah RM0.35 juta daripada jumlah yang dianggarkan. Butirannya seperti di **Jadual 42**.

Jadual 42
Anggaran Hasil Dan Kutipan Sebenar
Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

| Tahun | Anggaran Hasil (RM Juta) | Kutipan Sebenar (RM Juta) | Lebih/ (Kurang) (RM Juta) |
|---------------|-----------------------------|------------------------------|------------------------------|
| 2001 | 1.50 | 0.90 | (0.60) |
| 2002 | 2.00 | 2.96 | 0.96 |
| 2003 | 2.20 | 1.49 | (0.71) |
| Jumlah | 5.70 | 5.35 | (0.35) |

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Kuala Muda

Berdasarkan kepada jadual di atas, jumlah hasil daripada bayaran kemajuan ubah jenis kegunaan tanah yang telah dipungut bagi tahun 2001 dan 2003 adalah kurang daripada anggaran dengan sejumlah RM0.6 juta dan RM0.71 juta. Manakala bagi tahun 2002 hasil melebihi daripada anggaran sejumlah RM0.96 juta. Berlakunya kekurangan pungutan atau lebihan kutipan daripada bayaran kemajuan ubah jenis kegunaan tanah adalah berpunca daripada permohonan urusniaga tanah yang diterima daripada pemohon adalah tidak menentu dan agak sukar untuk dianggarkan oleh Pejabat bagi setiap tahun.

33.2.4 Pemprosesan Permohonan Ubah Jenis

Pejabat ada menyelenggarakan daftar bagi merekod setiap permohonan ubah jenis kegunaan tanah yang diterima daripada pemohon. Berdasarkan kepada daftar tersebut bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 sebanyak 90 permohonan ubah jenis kegunaan tanah telah diterima oleh Pejabat. Daripada 90 permohonan yang diterima sebanyak 36 telah diluluskan dan baki 54 permohonan masih dalam proses sama ada di peringkat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri atau di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Butirannya adalah seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43
Permohonan Ubah Jenis
Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

| Tahun | Bilangan Permohonan | | |
|---------------|---------------------|-----------|---------------|
| | Terima | Lulus | Sedang Proses |
| 2001 | 30 | 22 | 8 |
| 2002 | 38 | 14 | 24 |
| 2003 | 22 | - | 22 |
| Jumlah | 90 | 36 | 54 |

Sumber : Rekod Pejabat Tanah

Mengikut Piagam Pelanggan Pejabat, tempoh masa bagi memproses permohonan ubah jenis kegunaan tanah ialah 1 tahun. Semakan Audit terhadap 90 fail permohonan yang diproses oleh Pejabat mendapati masa yang diambil untuk memproses permohonan adalah kurang memuaskan, kedudukannya adalah seperti berikut:

- i) Daripada 36 permohonan yang dilulus sebanyak 23 permohonan dapat diselesaikan dalam masa 1 tahun. Manakala baki 13 permohonan mengambil masa antara 13 hingga 26 bulan untuk diselesaikan.
- ii) Daripada 54 permohonan yang masih dalam proses untuk kelulusan sebanyak 28 permohonan telah diterima antara 13

hingga 32 bulan. Manakala baki 26 permohonan adalah diterima kurang daripada 1 tahun.

33.2.5 Pemprosesan Permohonan Ubah Syarat

Pejabat ada menyelenggarakan daftar bagi merekod setiap permohonan ubah syarat kegunaan tanah yang diterima daripada pemohon. Berdasarkan kepada daftar tersebut bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 sebanyak 151 permohonan ubah syarat kegunaan tanah telah diterima oleh Pejabat. Daripada 151 permohonan yang diterima sebanyak 82 permohonan telah diluluskan, satu permohonan ditolak dan baki 68 permohonan masih dalam proses sama ada di peringkat Pejabat Tanah Daerah atau Pengarah Tanah Dan Galian Negeri. Butirannya adalah seperti di **Jadual 44**.

Jadual 44
Permohonan Ubah Syarat
Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

| Tahun | Bilangan Permohonan | | | |
|---------------|---------------------|-----------|---------------|----------|
| | Terima | Lulus | Sedang Proses | Ditolak |
| 2001 | 80 | 57 | 22 | 1 |
| 2002 | 41 | 20 | 21 | - |
| 2003 | 30 | 5 | 25 | - |
| Jumlah | 151 | 82 | 68 | 1 |

Sumber : Rekod Pejabat Tanah

Mengikut Piagam Pelanggan Pejabat tempoh masa bagi memproses permohonan ubah syarat kegunaan tanah ialah 6 bulan. Semakan Audit terhadap 150 fail permohonan yang diproses oleh Pejabat mendapati masa yang diambil untuk memproses permohonan adalah tidak memuaskan, kedudukannya adalah seperti berikut:

- i) Daripada 82 permohonan yang dilulus sebanyak 73 permohonan dapat diselesaikan dalam masa antara 7

- hingga 27 bulan. Hanya 9 permohonan dapat diselesaikan dalam tempoh 6 bulan.
- ii) Kesemua 68 permohonan yang telah diterima oleh Pejabat antara 7 hingga 34 bulan masih dalam proses untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, masa yang diambil oleh Pejabat bagi memproses setiap permohonan ubah syarat dan ubah jenis kegunaan tanah yang diterima sehingga kelulusan diberikan adalah tidak memuaskan.

33.2.6 Borang Permohonan Ubah Syarat Dan Ubah Jenis

Setiap permohonan ubah syarat dan jenis penggunaan tanah, borang permohonan hendaklah disertakan bersama dengan pelan tanah dan surat perjanjian dengan Juru Ukur dan dokumen lain yang perlu seperti ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Tanah Kedah. Semakan Audit terhadap semua permohonan yang telah diluluskan oleh Pentadbir Tanah Daerah, Pengarah Tanah Dan Galian dan Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, adalah didapati semua borang permohonan tersebut mengandungi maklumat lengkap dan dokumen sokongan seperti yang ditetapkan oleh peraturan.

33.2.7 Permohonan Yang Telah Dilulus Tetapi Bayaran Belum Dikutip

Semakan Audit juga dibuat terhadap bayaran yang dipungut bagi permohonan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah bagi memastikan bayaran yang dipungut adalah mengikut kadar yang ditetapkan. Hasil daripada semakan terhadap 78 permohonan yang diluluskan itu, adalah didapati semua kadar yang dikenakan adalah mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Tanah Kedah. Bagaimanapun, daripada 78 permohonan yang diluluskan tersebut sebanyak 44 permohonan iaitu 7 permohonan ubah jenis berjumlah RM941,047 dan 37 permohonan ubah syarat berjumlah

RM249,047 yang mana pemohon terlibat masih belum menjelaskan bayaran kepada Pejabat Tanah.

33.2.8 Rekod Yang Diselenggarakan

Bagi mengawal permohonan dan kelulusan ubah syarat dan jenis penggunaan tanah, Pejabat telah menyelenggarakan satu daftar mengenainya. Semakan Audit mendapati daftar ini telah diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, rekod yang diselenggarakan oleh Pejabat adalah memuaskan.

33.2.9 Perlanggaran Syarat Penggunaan Tanah

Bagi memastikan sama ada pemilik tanah telah menduduki tanah berdasarkan kepada syarat yang ditetapkan dalam hak milik tanah yang dikeluarkan kepada mereka, satu lawatan Audit bersama-sama dengan pegawai Pejabat telah dibuat di 2 kawasan. Lawatan yang dibuat itu mendapati 15 pemilik tanah yang terletak di Jalan Sekerat dan Taman Kuala Muda telah menjalankan perniagaan masing-masing tanpa membuat permohonan ubah jenis kegunaan tanah. Semakan Audit terhadap Daftar Hak Milik mendapati semua tanah tersebut adalah bersyarat kediaman. Dengan itu, berlaku perlanggaran syarat penggunaan tanah. Jumlah hasil yang boleh dipungut bagi 15 lot tanah ini sekiranya diubah jenis kegunaan tanah kepada perniagaan dianggarkan berjumlah RM33,312. Semakan Audit mendapati tidak ada sebarang tindakan yang telah diambil terhadap perlanggaran syarat penggunaan tanah tersebut.

Foto 5 adalah sebahagian daripada pelanggaran syarat penggunaan tanah oleh pemilik tanah yang berkenaan.

Foto 5
Bangunan Kedai Perniagaan, Jalan Sekerat, Sungai Petani



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 25 Februari 2004

Tanah ini adalah jenis pertanian tetapi digunakan untuk perniagaan

33.2.10 Hakmilk Baru Belum Didaftar

Di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara, tuan punya bagi mana-mana tanah yang diberimilik boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk diluluskan ubah jenis kegunaan tanah dan pada masa yang sama membuat permohonan memecah sempadan tanah mengenai petak sempadan yang dicadangkan itu. Setelah permohonan diluluskan dan segala bayaran telah dijelaskan, pemohon diminta mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pejabat Tanah untuk mendapat hak milik baru dengan menyertakan:

- i) Satu salinan kontrak atau perjanjian antara pemohon dengan Jurukur berlesen.
- ii) Satu salinan pelan pecahan yang diakui oleh Jurukur Tanah Berlesen bahawa perenggan di atas tanah yang ditunjukkan di atas peta itu telah ditandakan dengan sempurna.
- iii) Salinan Luar Hak Milik/Geran lama.

Semakan Audit mendapati sebanyak 4 permohonan telah diluluskan untuk ubah jenis kegunaan tanah dan pecah sempadan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Semua pemohon telah menjelaskan bayaran berjumlah RM2.27 juta bagi bayaran permohonan, hasil tanah tahunan, harga tanah, surat hak milik dan bayaran kemajuan. Pejabat telah menghantar surat susulan kepada pemohon untuk didaftarkan hak milik baru ke atas pecahan yang dibuat. Sehingga laporan ini ditulis, pemohon masih belum mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh Pejabat. Jika pemohon mengemukakan dokumen berkenaan, hasil tanah tahunan baru yang boleh dikutip adalah berjumlah RM1.73 juta berbanding hasil tanah tahunan lama yang dipungut cuma berjumlah RM58,382. Di **Jadual 45** adalah kedudukan bayaran hasil tanah tahunan yang boleh dikutip sekiranya pendaftaran hak milik baru dibuat oleh Pentadbir Tanah Daerah/Pengarah Tanah Dan Galian Negeri.

Jadual 45
Hak Milik Baru Belum Didaftarkan

| Kelulusan MMK/Tarikh | Tempoh Kelulusan | Hasil Tanah Lama (RM) | Hasil Tanah Baru (RM) |
|----------------------------|------------------|---------------------------|-----------------------------|
| MMK No. 51/95 -17.05.95 | 8 Tahun | $4,597 \times 8 = 36,776$ | $93,408 \times 8 = 747,264$ |
| MMK.C110/95 - 13.09.95 | 8 tahun | $1,059 \times 8 = 8,472$ | $56,180 \times 8 = 449,440$ |
| MMK.C151/95 - 21.11.95 | 8 Tahun | $1,487 \times 8 = 11,896$ | $63,537 \times 8 = 508,296$ |
| MMK 7(c)155/2000 -23.01.02 | 2 tahun | $619 \times 2 = 1,238$ | $12,282 \times 2 = 24,564$ |
| Jumlah | | 58,382 | 1,729,564 |

Sumber : Rekod Pejabat Tanah Kuala Muda

Pada pendapat Audit, urusan mendaftar hak milik baru terhadap kelulusan permohonan tanah yang telah diberi adalah kurang memuaskan.

33.2.11 Deposit Ubah Syarat Penggunaan Tanah

Mengikut Arahan Perbendaharaan, setiap deposit hendaklah dipulangkan kepada pemilik apabila urusan berkaitan dengan deposit telah selesai. Semakan Audit terhadap perkara ini mendapati sebanyak 9 akaun deposit berjumlah RM34,216 berkaitan ubah syarat penggunaan tanah yang telah selesai tetapi deposit tersebut masih belum dipulangkan kepada pemilik atau dilaraskan kepada hasil Negeri mengikut seperti yang ditetapkan oleh peraturan.

33.2.12 Struktur Organisasi

Mengikut perjawatan yang diluluskan terdapat 2 jawatan Pembantu Tadbir dan 11 Pembantu Tadbir (Pegawai Petempatan) yang diwujudkan bagi menguruskan aktiviti ubah syarat dan ubah jenis penggunaan tanah. Unit ini diletakkan terus di bawah Pentadbir Tanah Daerah. Semakan Audit mendapati semua jawatan telah diisi kecuali satu jawatan Pembantu Tadbir (Pegawai Petempatan) yang masih kosong.

Pada pendapat Audit, struktur pengurusan adalah memuaskan.

Pada pendapat Audit, pengurusan ubah syarat dan jenis penggunaan tanah masih perlu ditingkatkan khasnya dari segi tempoh masa memporses permohonan yang tidak mencapai kehendak piagam pelanggan Jabatan.

33.3 PEMANTAUAN

Tindakan pemantauan terhadap pendaftaran hak milik selepas permohonan diluluskan hendaklah dibuat bagi mengelakkan berlaku kehilangan hasil. Mengikut peraturan tanah yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tanah Dan Galian, Pentadbir Tanah hendaklah mewujudkan satu sistem pemantauan yang berkesan berkaitan dengan pengurusan kerja tanah seperti permohonan tanah, tunggakan hasil dan lain-lain. Semakan Audit mendapati perbincangan berkaitan urusan aktiviti ubah syarat dan jenis kegunaan tanah ada dibuat dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, tidak

ada bukti menunjukkan lawatan dibuat oleh pegawai Pejabat bagi mengenalpasti sama ada berlaku perlanggaran syarat kegunaan tanah.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah belum memuaskan.

34. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan ubah syarat dan jenis penggunaan tanah adalah kurang memuaskan kerana berlaku kelewatan dalam memproses permohonan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah. Selain itu, ada pemilik yang melanggar syarat kegunaan tanah. Pejabat hendaklah memastikan peraturan dan prosedur yang ditetapkan berhubung dengan pengurusan ubah syarat dan jenis kegunaan tanah dipatuhi.

BAHAGIAN IV
**BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM
DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

35. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit akaun Agensi Negeri yang terdiri daripada Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain mengesahkan akaun, pengauditan terhadap pengurusan kewangan dan kajian prestasi terhadap aktiviti tertentu Agensi Negeri juga dijalankan. Tujuan pengauditan pengurusan kewangan dan kajian ini adalah bagi melaporkan prestasi pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti Agensi berkenaan. Pada tahun 2003, isu yang dibangkitkan di **Bahagian** ini adalah berkaitan pengurusan kewangan Majlis Daerah Sik, Majlis Daerah Bandar Baharu dan Lembaga Maktab Mahmud. Selain itu, Bahagian ini juga melaporkan kajian terhadap Pengurusan Cukai Taksiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan dan Pengurusan Pungutan dan Agihan Wang Zakat Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah.

36. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

Sehingga akhir tahun 2003 ada 12 Badan Berkanun Negeri, 11 Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Majlis Agama Islam yang mana penyata kewangannya diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Daripada jumlah tersebut, penyata kewangan bagi 2 Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan satu Pihak Berkuasa Tempatan diaudit terus oleh Jabatan Audit Negara. Manakala, penyata kewangan 9 Badan Berkanun Negeri dan 10 Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik bagi pihak dan di bawah arahan Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta adalah di bawah kuasa Ketua Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

Bagi memastikan firma audit swasta menjalankan pengauditan selaras dengan arahan yang ditetapkan, Jabatan Audit Negara memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan. Sebelum pengauditan dijalankan, firma audit swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan antaranya, pendekatan Audit dan tempoh pengauditan. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan firma audit swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk menjalankan pengauditan serta memastikan pengauditan dijalankan bagi tempoh yang ditetapkan. Pada akhir pengauditan, firma audit swasta dikehendaki mengemukakan penemuan Audit beserta fail kerja, senarai terperinci dan laporan juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kerja akan disemak untuk memastikan perkara *material* dibangkitkan, bukti audit mencukupi dan memuaskan serta mengikut format. Setiap akhir tahun, prestasi semua firma audit swasta dinilai dan akan diambil kira dalam membuat keputusan untuk perlantikan bagi pengauditan penyata kewangan seterusnya.

37. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut undang-undang, semua Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara untuk pengauditan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pada keseluruhannya, penyerahan Penyata Kewangan Agensi berkenaan adalah menepati kehendak undang-undang yang berkenaan. Semua Agensi Kerajaan Negeri Kedah telah memberikan komitmen yang baik dengan menyerahkan Penyata Kewangan yang kemas kini mengikut tempoh yang ditetapkan. Maklumat lanjut mengenai kedudukan penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri sehingga akhir Julai 2004 adalah seperti di **Lampiran III**.

38. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Pengauditan Penyata Kewangan Agensi dijalankan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Agensi menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pendapat yang dikeluarkan terhadap Penyata Kewangan adalah dijelaskan melalui persijilan iaitu sama ada Sijil Tanpa Teguran,

Berteguran, Adverse atau *Disclaimer*. Pada tahun 2003, Penyata Kewangan 17 Agensi Negeri memperolehi Sijil Tanpa Teguran dan 8 Agensi memperolehi Sijil Berteguran sebagaimana butiran lanjut di **Jadual 46**.

Jadual 46
**a) Penyata Kewangan Agensi Negeri
Yang Diberi Sijil Tanpa Teguran**

| Bil. | Nama Agensi | Tahun Akaun | Jumlah |
|---------------|---|-------------|-----------|
| 1. | Lembaga Muzium Negeri | 2002-2003 | 2 |
| 2. | Lembaga Tabung Pegawai Masjid | 2001 | 1 |
| 3. | Lembaga Biasiswa Negeri Kedah | 1999-2001 | 3 |
| 4. | Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah | 1999-2002 | 4 |
| 5. | Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah | 1999-2002 | 4 |
| 6. | Perbadanan Perpustakaan Negeri Kedah | 1998-2000 | 3 |
| 7. | Institut Agama Islam Negeri Kedah | 2000-2002 | 3 |
| 8. | Majlis Agama Islam Negeri Kedah | 1999-2002 | 4 |
| 9. | Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah | 2001 | 1 |
| 10. | Majlis Bandaraya Alor Star | 2002 | 1 |
| 11. | Majlis Perbandaran Sungai Petani | 2002 | 1 |
| 12. | Majlis Perbandaran Kulim | 2002 | 1 |
| 13. | Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan | 2001-2002 | 2 |
| 14. | Majlis Daerah Bandar Baharu | 2002-2003 | 2 |
| 15. | Majlis Daerah Padang Terap | 2002-2003 | 2 |
| 16. | Majlis Sukan Negeri Kedah | 2002 | 1 |
| 17. | Majlis Daerah Kubang Pasu | 2002 | 1 |
| Jumlah | | | 36 |

**b) Penyata Kewangan Agensi Negeri
Yang Diberi Sijil Berteguran**

| Bil. | Nama Agensi | Tahun Akaun | Jumlah |
|---------------|---------------------------------|-------------|-----------|
| 1. | Majlis Sukan Negeri Kedah | 2001 | 1 |
| 2. | Lembaga Kesihatan Negeri Kedah | 1999-2002 | 4 |
| 3. | Majlis Agama Islam Negeri Kedah | 1996-1998 | 3 |
| 4. | Majlis Daerah Kubang Pasu | 2001 | 1 |
| 5. | Majlis Daerah Baling | 1999-2002 | 4 |
| 6. | Majlis Daerah Yan | 2002 | 1 |
| 7. | Majlis Daerah Sik | 2000-2002 | 3 |
| 8. | Majlis Daerah Pendang | 2001-2002 | 2 |
| Jumlah | | | 19 |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

39. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri yang disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehubungan itu, sehingga akhir bulan Julai 2004, sebanyak 9 Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri yang telah disahkan masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Maklumat mengenai pembentangan Penyata Kewangan Agensi adalah seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47

Penyata Kewangan Agensi Yang Belum Dibentangkan

| Bil. | Akaun | Tahun Akaun |
|------|----------------------------------|-------------|
| 1. | Lembaga Kesihatan Negeri Kedah | 2002 |
| 2. | Majlis Agama Islam Negeri Kedah | 2002 |
| 3. | Majlis Sukan Negeri Kedah | 2002 |
| 4. | Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah | 2001 & 2002 |
| 5. | Majlis Daerah Kubang Pasu | 2002 |
| 6. | Majlis Daerah Baling | 2002 |
| 7. | Majlis Perbandaran Langkawi | 2002 |
| 8. | Majlis Daerah Sik | 2002 |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

40. PRESTASI KEWANGAN

40.1 KEDUDUKAN KEWANGAN AGENSI NEGERI

Analisis terhadap prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 mendapati 9 Agensi mencatatkan surplus manakala 3 Agensi mencatatkan defisit. Agensi yang mencatatkan defisit adalah Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah, Lembaga Kesihatan Negeri Kedah dan Yayasan Islam Negeri Kedah.

Prestasi kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah pula mencatatkan keputusan yang kurang memberangsangkan kerana pada akhir tahun 2002,

Perbadanan telah mencatatkan keuntungan selepas cukai sejumlah RM9.91 juta berbanding sejumlah RM16.57 juta pada tahun 2001 iaitu penurunan sejumlah RM6.66 juta atau 67%. Punca utama penurunan keuntungan selepas cukai adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan pentadbiran dan kewangan berjumlah RM18.83 juta yang dibuat oleh Perbadanan. Analisis terhadap harta semasa bersih Agensi mendapati 10 Agensi termasuk Majlis Agama Islam mempunyai harta semasa bersih antara RM0.38 juta hingga RM175.99 juta.

Analisis terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 mendapati 4 PBT mengalami defisit manakala 7 lagi mengalami surplus.

Kedudukan terperinci mengenai prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri adalah seperti di **Jadual 48** dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 49**.

Jadual 48

Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

| Bil | Nama Agensi | Penyata Pendapatan | | | Lembaran Imbangan | | |
|---------------|------------------------------------|--------------------|----------------------|-------------------------------------|-----------------------------|----------------------------------|---------------------------------------|
| | | Hasil (RM Juta) | Belanja (RM Juta) | Surplus / (Defisit) (RM juta) | Aset Semasa (RM Juta) | Liabiliti Semasa (RM Juta) | Aset Bersih Semasa (RM Juta) |
| 1. | Lembaga Kesihatan Negeri Kedah | 0.08 | 0.13 | (0.05) | 9.45 | 0.04 | 9.41 |
| 2. | Lembaga Biasiswa Negeri Kedah | 3.57 | 0.67 | 2.90 | 28.98 | 0.01 | 28.97 |
| 3. | Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah | 107.97 | 63.33 | 44.64 | 424.17 | 248.18 | 175.99 |
| 4. | Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah | 4.56 | 5.36 | (0.80) | 1.66 | 0.11 | 1.55 |
| 5. | Lembaga Tabung Pegawai Masjid | 0.53 | 0.32 | 0.21 | 4.19 | 0.02 | 4.17 |
| 6. | Lembaga Muzium Negeri Kedah | 1.35 | 1.20 | 0.15 | 0.45 | 0.07 | 0.38 |
| 7. | Yayasan Islam Negeri Kedah | 1.18 | 2.40 | (1.22) | 56.18 | 13.95 | 42.23 |
| 8. | Majlis Sukan Negeri Kedah | 2.79 | 2.68 | 0.11 | 0.09 | 0.13 | (0.04) |
| 9. | Majlis Agama Islam Negeri Kedah | 5.10 | 2.29 | 2.81 | 20.40 | 3.24 | 17.16 |
| 10. | Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah | 18.22 | 15.37 | 2.85 | 32.21 | 0.56 | 31.65 |
| 11. | Institut Agama Islam Negeri Kedah | 8.08 | 7.57 | 0.51 | 2.06 | 0.37 | 1.69 |
| 12. | Perpustakaan Negeri Kedah | 3.89 | 3.42 | 0.47 | 0.51 | 0.58 | (0.07) |
| Jumlah | | 157.32 | 104.74 | 52.58 | 580.35 | 267.26 | 313.09 |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Jadual 49
Prestasi Kewangan Agensi Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

| Bil. | Pihak Berkuasa Tempatan | Penyata Pendapatan | | | Lembaran Imbangan | | |
|---------------|----------------------------------|--------------------|----------------------|------------------------------------|--------------------------|-------------------------------|---------------------------------|
| | | Hasil (RM juta) | Belanja (RM juta) | Surplus/ (Defisit) (RM juta) | Aset Semasa (RM juta) | Liabiliti Semasa (RM juta) | Aset Bersih Semasa (RM juta) |
| 1. | Majlis Bandaraya Alor Star | 39.45 | 46.21 | (6.76) | 43.77 | 21.25 | 22.52 |
| 2. | Majlis Perbandaran Sungai Petani | 42.11 | 34.27 | 7.84 | 40.64 | 17.91 | 22.73 |
| 3. | Majlis Perbandaran Kulim | 17.96 | 17.25 | 0.71 | 29.55 | 6.35 | 23.20 |
| 4. | Majlis Perbandaran Langkawi | 9.46 | 8.69 | 0.77 | 8.34 | 2.69 | 5.65 |
| 5. | Majlis Daerah Kubang Pasu | 10.05 | 8.34 | 1.71 | 18.46 | 2.07 | 16.39 |
| 6. | Majlis Daerah Baling | 7.09 | 6.26 | 0.83 | 19.98 | 0.55 | 19.43 |
| 7. | Majlis Daerah Bandar Baharu | 3.25 | 3.95 | (0.70) | 0.37 | 0.54 | (0.17) |
| 8. | Majlis Daerah Yan | 4.13 | 4.21 | (0.08) | 8.59 | 0.20 | 8.39 |
| 9. | Majlis Daerah Padang Terap | 2.91 | 3.39 | (0.48) | 5.26 | 1.85 | 3.41 |
| 10. | Majlis Daerah Sik | 3.69 | 3.68 | 0.01 | 6.01 | 0.14 | 5.87 |
| 11. | Majlis Daerah Pendang | 5.75 | 5.50 | 0.25 | 10.89 | 0.21 | 10.68 |
| Jumlah | | 145.85 | 141.75 | 4.10 | 191.86 | 53.76 | 138.10 |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

PENGURUSAN KEWANGAN

41. LATAR BELAKANG

Di Negeri Kedah terdapat 11 Pihak Berkuasa Tempatan yang terdiri daripada sebuah Majlis Bandaraya, tiga Majlis Perbandaran dan tujuh Majlis Daerah. Pada tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah menjalankan audit pengurusan kewangan di dua buah Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Sik dan Majlis Daerah Bandar Baharu. Jumlah pendapatan bagi dua Majlis Daerah ini pada tahun 2003 adalah RM6.91 juta sementara jumlah perbelanjaannya pula adalah RM7.96 juta. Kedudukannya adalah seperti di **Jadual 50.**

Jadual 50
Jumlah Pendapatan Dan Perbelanjaan
Majlis Daerah Sik Dan Majlis Daerah Bandar Baharu
Bagi Tahun 2003

| Pihak Berkuasa Tempatan | Pendapatan (RM Juta) | Perbelanjaan (RM Juta) |
|-----------------------------|-------------------------|---------------------------|
| Majlis Daerah Sik | 3.09 | 4.14 |
| Majlis Daerah Bandar Baharu | 3.82 | 3.82 |
| Jumlah | 6.91 | 7.96 |

Perbelanjaan tersebut adalah bagi bayaran gaji pegawai dan kakitangan, kerja penyelenggaraan bandar dan juga untuk pembelian barang dan perkhidmatan. Sementara sumber utama pendapatan Majlis adalah daripada kutipan cukai pintu, bayaran permit lesen dan pemberian Kerajaan Negeri.

42. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di dua Majlis ini telah dibuat mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit meliputi kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan,

akaun amanah dan pengurusan aset. Antara rekod yang disemak adalah seperti Buku Tunai, Buku Vot, Penyata Penyesuaian, Daftar Bil dan Daftar Harta Modal bagi tahun 2003. Di samping itu, perbincangan juga dibuat dengan pegawai yang terlibat bagi mendapat penjelasan lanjut.

43. PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada audit yang dijalankan mendapati kedudukan seperti berikut:

43.1 KAWALAN PENGURUSAN

Bagi mewujudkan sebuah pentadbiran yang cekap dan teratur, pihak pengurusan bertanggungjawab mengadakan struktur organisasi yang lengkap dan kemas kini, menyediakan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, latihan kepada kakitangan dan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun. Semakan Audit mendapati kawalan pengurusan yang dibuat oleh Majlis Daerah Sik dan Majlis Daerah Bandar Baharu tidak memuaskan. Ini kerana Carta Organisasi, Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, latihan kepada kakitangan tidak diberikan dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun tidak ditubuhkan. Bagaimanapun, Majlis Daerah Bandar Baharu ada menyediakan Carta Organisasi dengan lengkap dan kemas kini dan Majlis Daerah Sik telah menghantar kakitangan untuk menghadiri kursus berkaitan dengan kerja. Secara keseluruhannya kedudukan mengenai pelaksanaan kawalan pengurusan adalah seperti di **Jadual 51.**

Jadual 51
Kedudukan Kawalan Pengurusan Majlis Daerah

| Bil. | Perkara | Majlis Daerah | |
|------|---|---------------|---------------|
| | | Sik | Bandar Baharu |
| 1 | Carta Organisasi lengkap dan kemas kini | X | / |
| 2 | Manual Prosedur Kerja lengkap dan kemas kini | X | X |
| 3 | Fail Meja lengkap dan kemas kini | X | X |
| 4 | Latihan diberikan kepada kakitangan | / | X |
| 5 | Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun diwujudkan | X | X |

Nota: / : Mematuhi

X: Tidak Mematuhi

Pada pendapat Audit, tahap kawalan pengurusan yang dibuat di Majlis Daerah Sik dan Majlis Daerah Bandar Baharu adalah tidak memuaskan.

43.2 KAWALAN HASIL

Arahan Perbendaharaan menetapkan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi bagi pengurusan hasil. Ia bertujuan memastikan kawalan dalam yang secukupnya diwujudkan oleh Majlis yang mana setiap pungutan dibuat dengan teratur, diperakaunkan dengan tepat serta dimasukkan ke bank dengan segera. Pemeriksaan Audit mendapati kawalan hasil di Majlis Daerah Bandar Baharu adalah memuaskan. Rekod berkaitan hasil telah diselenggarakan dengan kemas kini dan diperiksa oleh pegawai, hanya pemeriksaan mengejut terhadap semua wang Pejabat tidak dijalankan dalam tempoh 6 bulan sekali. Manakala kawalan hasil di Majlis Daerah Sik pula adalah tidak memuaskan. Sungguhpun, penyata penyesuaian bank disediakan pada setiap bulan tetapi rekod berkaitan hasil tidak diperiksa oleh pegawai dan pemeriksaan mengejut terhadap semua wang Pejabat tidak dibuat. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berkaitan dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 52**.

Jadual 52
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Hasil

| Bil, | Perkara | Majlis Daerah | |
|------|--|---------------|---------------|
| | | Sik | Bandar Baharu |
| 1 | Buku resit diperiksa sebelum diguna | X | / |
| 2 | Buku Tunai diperiksa oleh pegawai | X | / |
| 3 | Slip bank diperiksa sebelum wang dibankkan | X | / |
| 4 | Penyata penyesuaian bank disediakan | / | / |
| 5 | Pemeriksaan mengejut terhadap semua wang Pejabat dijalankan 6 bulan sekali | X | X |

Nota : / : Mematuhi

x : Tidak Mematuhi

Pada pendapat Audit, kawalan hasil di Majlis Daerah Bandar Baharu adalah memuaskan. Manakala bagi Majlis Daerah Sik adalah kurang memuaskan.

43.2.1 Selain itu, adalah didapati pihak Majlis Daerah Sik ada membuat penjualan 56 unit Rumah Kos Rendah. Harga jualan yang ditetapkan oleh Majlis bagi seunit rumah berharga RM35,000. Semakan Audit terhadap perkara ini mendapati beberapa perkara seperti berikut:

- i) Tidak ada Jawatankuasa diwujudkan bagi meluluskan permohonan ini. Semua permohonan hanya diluluskan oleh Setiausaha dan Penolong Akauntan sahaja.
- ii) Bagi penjualan rumah, Majlis juga tidak menetapkan dengan jelas mengenai kriteria para pembeli Rumah Kos Rendah ini. Semakan Audit mendapati rumah tersebut telah dijual kepada beberapa kategori seperti berikut:
 - a) Sebanyak 15 unit dengan potongan 10%, pembelinya adalah kakitangan Majlis termasuk satu unit untuk Setiausaha Majlis dan bekas Yang Dipertua Majlis.
 - b) Sebanyak 23 unit, pembelinya daripada kakitangan Pejabat Daerah Sik.

- c) Sebanyak 3 unit, pembelinya daripada Pejabat Polis Daerah Sik.
- d) Sebanyak 2 unit, pembelinya daripada Pejabat Kemajuan Masyarakat.
- e) Sebanyak 3 unit, pembelinya daripada Jabatan Pertanian Sik.
- f) Sebanyak 2 unit, pembelinya daripada guru sekolah Daerah Sik.
- g) Sebanyak 6 unit, pembelinya daripada pelbagai Jabatan Kerajaan termasuk seorang peniaga dan pendapatan bulanan mereka ada antaranya berjumlah RM3,500 hingga RM11,000.

Majlis sepatutnya menetapkan dengan jelas kriteria pembeli sepetimana yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan bagi memastikan semua rumah ini dijual kepada golongan yang berpendapatan rendah. Manakala penetapan harga rumah hendaklah dirujuk kepada Jabatan Penilaian terlebih dahulu.

43.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Ketua Pejabat adalah bertanggungjawab bagi memastikan semua perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakaunkan dengan betul. Jumlah perbelanjaan yang dibuat pada tahun 2003 oleh Majlis Daerah Sik adalah berjumlah RM4.14 juta dan Majlis Daerah Bandar Baharu RM3.82 juta. Perbelanjaan ini adalah untuk bayaran gaji kakitangan, kerja penyenggaraan, pembelian barang dan perkhidmatan. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan ini mendapati kawalan perbelanjaan yang dibuat oleh kedua-dua Majlis adalah kurang memuaskan. Sungguhpun, penyata penyesuaian bank ada disediakan setiap bulan tetapi didapati Buku Vot dan Daftar Bil bagi mengawal pembayaran tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Baucar bayaran tidak mempunyai tandatangan pegawai yang

mencukupi. Kedudukan mengenai pematuhan terhadap kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 53**.

Jadual 53
Pematuhan Terhadap Kawalan Perbelanjaan Bagi
Majlis Daerah Sik Dan Majlis Daerah Bandar Baharu

| Bil. | Perkara | Majlis Daerah | |
|------|---|---------------|---------------|
| | | Sik | Bandar Baharu |
| 1 | Buku Vot diselenggara dengan lengkap dan kemas kini | X | X |
| 2 | Penyata penyesuaian bank dibuat pada setiap bulan | / | / |
| 3 | Daftar Bil lengkap dan kemas kini | X | X |
| 4 | Bil dibayar dalam tempoh sebulan | / | X |
| 5 | Perbelanjaan tidak melebihi peruntukan | / | X |
| 6 | Baucar melebihi RM10,000 ditandatangan oleh 3 pegawai | X | X |
| 7 | Baucar mempunyai dokumen sokongan mencukupi | X | / |

Nota : / : Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan di kedua Majlis Daerah adalah kurang memuaskan.

43.4 KAWALAN AKAUN DEPOSIT

Pada tahun 2003 wang deposit yang disimpan oleh Majlis Daerah Sik dan Bandar Baharu adalah berjumlah RM111,475 dan RM190,945. Wang deposit ini adalah terdiri daripada cagaran yang dikemukakan kepada Majlis sebagai jaminan bagi pembinaan bangunan, pameran iklan dan sewaan gerai. Semakan Audit terhadap kawalan deposit yang diuruskan oleh kedua Majlis ini mendapati kedudukan seperti berikut:

43.4.1 Majlis Daerah Bandar Baharu

Rekod deposit tidak dapat disemak kerana Buku Tunai, lejar dan rekod lain berkaitan dengan urusan deposit tidak dikemukakan untuk audit. Perkara ini berlaku disebabkan rekod tersebut

musnah ditenggelami banjir pada bulan September 2003. Dengan itu, Majlis hendaklah berusaha bagi mengenal pasti pendeposit berkenaan supaya rekod mengenainya dapat diwujudkan semula.

43.4.2 Majlis Daerah Sik

Rekod deposit tidak dapat disemak kerana Buku Tunai, lejar dan rekod lain berkaitan dengan urusan deposit telah dikemukakan kepada pihak Firma Juruaudit Swasta yang sedang menjalankan audit terhadap Penyata Kewangan Majlis tahun 2003.

43.5 PENGURUSAN ASET

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 telah menggariskan tatacara mengenai pengurusan harta modal dan inventori yang teratur dan sempurna. Manakala Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 pula menetapkan kaedah menguruskan kenderaan. Nilai aset yang dimiliki oleh Majlis Daerah Sik pada tahun 2003 adalah berjumlah RM9.23 juta dan Majlis Daerah Bandar Baharu RM11.86 juta. Aset ini adalah terdiri daripada tanah, bangunan, kenderaan dan mesin serta alatan pejabat. Semakan Audit terhadap pengurusan aset di kedua Majlis mendapati kawalan yang dibuat adalah tidak memuaskan. Rekod penting mengenai kawalan terhadap aset dan kenderaan seperti Daftar Harta Modal, Daftar Inventori dan Buku Log tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperti yang ditetapkan oleh peraturan. Rekod ini didapati tidak diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab dari semasa ke semasa. Kedudukan mengenai tahap pematuhan terhadap kawalan aset adalah seperti di **Jadual 54**.

Jadual 54
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung
Dengan Kawalan Pengurusan Aset

| Bil. | Perkara | Majlis Daerah | |
|------|--|---------------|---------------|
| | | Sik | Bandar Baharu |
| 1 | Daftar Harta Modal disediakan lengkap dan kemas kini | X | X |
| 2 | Daftar Inventori disediakan lengkap dan kemas kini | X | X |
| 3 | Maklumat pemberian direkod dalam daftar | X | X |
| 4 | Buku Log disediakan lengkap dan kemas kini | X | X |
| 5 | Cerakinan penggunaan bahan api dibuat setiap bulan | X | X |
| 6 | Buku Log diperiksa oleh pegawai setiap bulan | X | X |

Nota : / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

Pada pendapat Audit, pengurusan aset di kedua Majlis Daerah yang dilawati adalah lemah.

44. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di kedua Majlis Daerah ini adalah tidak memuaskan terutamanya dari segi kawalan pengurusan, perbelanjaan dan pengurusan aset. Kelemahan yang amat ketara adalah terhadap pengurusan aset. Pentadbiran Majlis hendaklah memastikan peraturan kewangan yang ditetapkan mengenai pengurusan aset dipatuhi.

LEMBAGA MAKTAB MAHMUD NEGERI KEDAH

PENGURUSAN KEWANGAN

45. LATAR BELAKANG

Lembaga Maktab Mahmud (Lembaga) telah ditubuhkan pada tahun 1967 melalui Enakmen Lembaga Maktab Mahmud 1967. Penubuhan Lembaga Maktab Mahmud adalah bertujuan untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan melahirkan cendekiawan Islam serta menjalankan prinsip pendidikan negara. Selain itu, Lembaga bertanggungjawab untuk melahirkan tokoh agama yang berkeperibadian Islam dengan mendokong risalah dan falsafah Islam melalui usaha mempelajari bahasa Arab dan menyebarkan agama Islam. Lembaga juga bertanggungjawab untuk melahirkan belia Islam yang berketerampilan dan mempunyai daya profesionalisme yang tinggi. Pada tahun 2003 pendapatan Lembaga berjumlah RM5.23 juta dan perbelanjaannya pula berjumlah RM5.55 juta. Sumber pendapatan utamanya adalah pemberian daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM5 juta dan terimaan yuran daripada pelajar berjumlah RM104,450.

46. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Lembaga telah diuruskan dengan teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Semakan telah dibuat terhadap rekod pengurusan kewangan di Lembaga Maktab Mahmud bagi tahun 2003. Selain itu, perbincangan juga diadakan dengan pegawai yang terlibat bagi mendapat maklumat lanjut.

47. PENEMUAN AUDIT

47.1. KAWALAN PENGURUSAN

Kawalan terhadap pengurusan adalah aspek penting bagi memastikan perjalanan aktiviti Lembaga mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Bagi mewujudkan pentadbiran yang teratur, Lembaga perlu menyediakan Manual Prosedur Kerja, Carta Organisasi dan Fail Meja

seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam. Hasil pemeriksaan Audit terhadap kawalan pengurusan Lembaga mendapati perkara seperti berikut:

47.1.1 Struktur Organisasi

Lembaga telah mewujudkan satu struktur organisasi yang jelas bagi menggambarkan kedudukan keseluruhan fungsi, aktiviti dan hierarki Lembaga. Lembaga diketuai oleh seorang Setiausaha dan dibantu oleh seramai 14 kakitangan bahagian pentadbiran dan perkhidmatan serta 103 perjawatan bagi pengurusan sekolah. Semakan Audit mendapati dua kekosongan bagi jawatan perkhidmatan dan pentadbiran dan 47 kekosongan bagi jawatan pengurusan sekolah.

47.1.2 Manual Prosedur Kerja

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menghendaki Manual Prosedur Kerja disediakan sebagai rujukan peringkat jabatan. Dokumen ini mengandungi fungsi, objektif Lembaga, prosedur serta tugas setiap pegawai dan kakitangan. Dokumen ini merupakan rujukan utama yang akan membantu Lembaga berfungsi dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati Manual Prosedur Kerja belum disediakan dengan lengkap seperti mana yang ditetapkan oleh Pekeliling tersebut.

47.1.3 Fail Meja

Pekeliling yang sama juga menghendaki Fail Meja disediakan sebagai sebuah dokumen rujukan bagi peringkat individu atau jawatan. Dokumen ini antara lain mengandungi Carta Organisasi, objektif jabatan, prosedur kerja serta carta aliran tugas dan senarai tugas. Ia adalah sebagai panduan/rujukan kepada kakitangan menjalankan tugas. Semakan Audit mendapati Fail Meja juga belum disediakan dengan lengkap.

47.1.4 Latihan

Semua pegawai dan kakitangan perlu diberi peluang menghadiri kursus yang berkaitan dengan bidang tugas dari semasa ke semasa. Tujuannya adalah bagi meningkatkan pengetahuan, kebolehan dan kecekapan dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan. Semakan Audit mendapati dua orang kakitangan di bahagian Pentadbiran dan Kewangan sahaja yang telah menghadiri kursus pada tahun 2003.

47.1.5 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 tahun 1996 menghendaki Lembaga menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun bagi tujuan meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan penyata kewangan Lembaga. Semakan Audit mendapati Lembaga belum lagi menubuhkan Jawatankuasa ini.

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Lembaga belum memuaskan.

47.2 KAWALAN HASIL

Pemeriksaan yang dijalankan terhadap kawalan hasil adalah bagi menentukan sama ada kutipan hasil yang dibuat oleh Lembaga adalah mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Pendapatan utama yang diperolehi oleh Lembaga adalah terdiri daripada yuran sekolah, yuran peperiksaan dan bantuan Kerajaan Negeri. Pendapatan yang diterima oleh Lembaga pada tahun 2003 berjumlah RM5.23 juta. Semakan Audit terhadap rekod kawalan hasil ini mendapati perkara berikut:

47.2.1 Buku Tunai

Buku Tunai adalah merupakan rekod penting bagi mengawal pungutan hasil. Sebagai kawalan, Arahan Perbendaharaan menghendaki semua pungutan direkodkan dengan lengkap dan kemas kini ke buku ini. Buku ini hendaklah disemak setiap hari oleh penyelia. Semakan Audit terhadap Buku Tunai yang

disediakan di Lembaga Maktab Mahmud Alor Star dan Buku Tunai yang dikemukakan kepada Lembaga oleh cawangannya di Bandar Baharu, Padang Terap, Langkawi dan Yan mendapati kawalan yang dibuat terhadap buku ini adalah memuaskan di mana semua pungutan telah direkodkan dengan lengkap dan kemas kini ke Buku Tunai. Bagaimanapun, ia tidak disemak setiap hari oleh pegawai penyelia.

47.2.2 Kawalan Buku Resit

Arahan Perbendaharaan 67 menghendaki Daftar Borang Hasil diselenggarakan bagi mengawal pengeluaran resit untuk pungutan hasil. Semakan Audit mendapati daftar ini telah disediakan dengan memuaskan di mana baki stok buku resit yang dicatat dalam daftar adalah bersamaan dengan baki fizikal resit yang ada dalam stok. Semua stok resit yang belum digunakan juga disimpan di tempat yang selamat.

47.2.3 Kemasukan Wang Ke Bank

Arahan Perbendaharaan 78(a) menghendaki semua pungutan dibankkan setiap hari iaitu apabila pungutan tunai melebihi RM500 atau jumlah pungutan termasuk wang kertas, duit syiling, cek, wang pos dan kiriman wang melebihi RM2,000. Semakan Audit mendapati Lembaga telah mematuhi arahan ini dengan memuaskan di mana semua pungutan wang telah dibankkan pada setiap hari seperti mana yang ditetapkan oleh peraturan.

47.2.4 Penyata Penyesuaian Bank

Mengikut peraturan, Buku Tunai hendaklah disemak dengan penyata bank pada setiap bulan. Sekiranya ada perbezaan, penyata penyesuaian bagi menunjukkan perbezaan tersebut hendaklah disediakan. Semakan Audit mendapati Lembaga telah membuat semakan tersebut dan menyediakan penyata penyesuaian pada setiap bulan seperti yang dikehendaki peraturan.

47.2.5 Pemeriksaan Mengejut

Mengikut Arahan Perbendaharaan 309, Ketua Jabatan atau wakilnya dikehendaki menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap wang runcit, kutipan hasil dan pelbagai wang dalam simpanan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. Semakan Audit mendapati pemeriksaan mengejut terhadap Panjar Wang Runcit dan wang dalam simpanan tidak dibuat sepanjang tahun 2003.

47.2.6 Daftar Mel

Arahan Perbendaharaan 71 menghendaki Jabatan yang menerima surat berdaftar menyelenggarakan satu Daftar Mel bagi maksud merekod terimaan wang dan lain-lain dokumen atau barang berharga yang diterima melalui pos atau penghantar. Semakan Audit mendapati Lembaga tidak menyelenggarakan daftar ini.

Pada pendapat Audit, kawalan hasil di Lembaga adalah memuaskan. Bagaimanapun, bagi mempertingkatkan lagi kawalan hasil ini, pemeriksaan mengejut dan rekod berkaitan hendaklah dibuat seperti yang ditetapkan oleh peraturan.

47.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Pada tahun 2003 Lembaga telah diluluskan peruntukan bagi perbelanjaan mengurus berjumlah RM6 juta. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM5.55 juta telah dibelanjakan sepanjang tahun 2003. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan perbelanjaan mendapati kedudukan seperti berikut:

47.3.1 Buku Vot

Arahan Perbendaharaan menghendaki setiap perbelanjaan dan tanggungan yang dibuat hendaklah direkodkan ke dalam Buku Vot dengan lengkap dan kemas kini. Ia bertujuan bagi memastikan perbelanjaan yang dibuat dikawal dengan teratur dan sempurna. Semakan Audit terhadap perkara ini mendapati kawalan yang dibuat oleh Lembaga terhadap penyelenggaraan Buku Vot adalah memuaskan, kedudukan seperti berikut:

- i) Tiada perbelanjaan yang dibuat melebihi peruntukan.
- ii) Kesemua Pesanan Kerajaan bagi pembelian barang Pejabat dan beberapa harta modal pada tahun 2003 telah direkodkan sebagai tanggungan dalam Buku Vot berkenaan.
- iii) Buku Vot disemak oleh pegawai penyelia dan ditandatangani.

47.3.2 Daftar Bil

Arahan Perbendaharaan 103 menghendaki setiap bil yang diterima direkod ke Daftar Bil dan semua bil yang diterima dibayar dalam tempoh 30 hari daripada tarikh bil diterima. Semakan Audit mendapati kawalan terhadap Daftar Bil kurang memuaskan, kedudukannya seperti berikut:

- i) Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan tidak ada bukti daftar ini disemak oleh pegawai penyelia.
- ii) Bil tidak direkod dengan kemas kini ke dalam daftar. Sebanyak 51 bil bernilai RM24,828 tidak direkod dalam Daftar Bil seperti yang ditetapkan oleh peraturan.
- iii) Sebanyak 192 bil tidak dicap tarikh terima.

Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan yang dibuat oleh Lembaga boleh diperbaiki lagi.

47.4 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

Aset Lembaga terdiri daripada harta modal, inventori dan bekalan alat tulis yang mana digunakan untuk menjalankan aktiviti harianya. Pada tahun 2003 Lembaga telah membelanjakan sejumlah RM160,759 bagi tujuan pembelian harta modal dan inventori. Semakan Audit terhadap pengurusan harta modal dan inventori Lembaga mendapati perkara seperti berikut:

47.4.1 Harta Modal Dan Inventori

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 menetapkan setiap aset hendaklah dikawal dan direkod ke dalam kad harta modal dan inventori dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit terhadap perkara ini mendapati kawalan yang dibuat tidak memuaskan. Kedudukannya adalah seperti berikut:

- i) Daftar Harta Modal yang diselenggarakan tidak lengkap dan kemas kini. Maklumat seperti ruangan tarikh dan tandatangan pegawai tidak diisi dan ditandatangani.
- ii) Daftar Inventori bagi merekod barang yang bernilai kurang RM500 bagi tahun 2003 tidak disediakan.
- iii) Pemeriksaan fizikal dari semasa ke semasa terhadap harta modal tidak dibuat.

47.4.2 Kenderaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 telah menggariskan tatacara mengenai penggunaan, pengurusan dan penyenggaraan kenderaan yang sempurna. Lembaga mempunyai 4 buah kenderaan yang terdiri daripada 2 buah kereta dan 2 buah van. Semakan Audit mendapati kawalan terhadap penggunaan kenderaan tidak memuaskan seperti berikut:

- i) Tandatangan Pegawai Yang Meluluskan dan Menggunakan Kenderaan tidak diturunkan di ruangan yang berkenaan.
- ii) Catatan bacaan Odometer tidak sama dengan catatan di Buku Log.
- iii) Cerakinan penggunaan bahan api pada setiap akhir bulan tidak direkod dalam Buku Log.
- iv) Kerja penyelenggaraan dan penggantian alat ganti tidak direkod ke dalam Buku Log.
- v) Kad Inden disimpan oleh pemandu dan bukan disimpan oleh pegawai kenderaan.
- vi) Tiada daftar diselenggarakan untuk mengawal penggunaan kad *Touch 'n' Go*.
- vii) Catatan perjalanan tidak direkod ke dalam Buku Log.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset dan kenderaan Lembaga tidak memuaskan. Daftar Harta Modal, Inventori dan Buku Log tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperti yang ditetapkan oleh peraturan.

48. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan kewangan di Lembaga Maktab Mahmud masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Rekod kewangan seperti Daftar Bil, Daftar Harta Modal dan Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini seperti yang ditetapkan oleh peraturan. Selain itu, perkara penting untuk rujukan kakitangan seperti Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak disediakan. Tindakan hendaklah diambil bagi mengatasi semua kelemahan ini.

**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN**

PENGURUSAN CUKAI TAKSIRAN

49. LATAR BELAKANG

Majlis Daerah Langkawi telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Majlis Daerah ini telah dinaik taraf sebagai Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan pada 4 Disember 2001. Kawasan pentadbiran Majlis yang diwartakan adalah seluas 47,848 hektar yang meliputi seluruh daerah Langkawi. Kerajaan Persekutuan telah mengisytiharkan Langkawi sebagai Pulau Bebas Cukai dengan tujuan untuk menjadikan Langkawi sebagai destinasi tumpuan utama pelancong sama ada dari dalam atau luar negara. Bagi mempercepatkan pembangunan dan perkembangan bandar ini, Kerajaan juga sering memilih Langkawi sebagai tempat untuk mengadakan seminar, sukan dan lain-lain. Antara acara dan persidangan yang telah diadakan itu adalah Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan Pameran Langkawi International Maritime And Aerospace (LIMA).

Objektif utama Majlis adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti setaraf dengan bandaraya pelancongan serta melaksanakan pembangunan infrastruktur dalam kawasan pentadbirannya seperti membina bangunan, jalan, taman rekreasi dan kebersihan bandar bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat tempatan sejajar dengan dasar Kerajaan. Hasil utama Majlis adalah cukai taksiran. Pada tahun 2002 Majlis memperolehi pendapatan berjumlah RM9.46 juta yang mana cukai taksiran menyumbang RM5.13 juta atau 54.2%. Pelbagai hasil adalah Pemberian Kerajaan berjumlah RM2.70 juta, lesen dan permit berjumlah RM0.70 juta, hasil sewaan berjumlah RM0.53 juta dan hasil pelbagai berjumlah RM0.40 juta. Perbelanjaan Majlis bagi tahun 2002 berjumlah RM8.69 juta.

50. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Audit adalah untuk menentukan sama ada pengurusan cukai taksiran telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan bagi mencapai matlamat Majlis.

51. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Audit ini dijalankan di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan dengan memeriksa fail, daftar dan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti cukai taksiran. Lawatan ke beberapa pegangan dalam kawasan pentadbiran Majlis juga dijalankan bersama pegawai Majlis. Kajian melibatkan semakan terhadap proses penilaian, pengeluaran bil, pungutan cukai taksiran dan penguatkuasaan bagi tempoh tahun 1999 hingga 2003.

52. PENEMUAN AUDIT

52.1 PERANCANGAN

Majlis perlu membuat perancangan yang teliti supaya dapat meningkatkan hasil cukai taksiran bagi menjamin aliran sumber kewangan yang mantap. Bagi memastikan perancangan terhadap pengurusan cukai taksiran dapat dilaksana dengan berkesan, sumber guna tenaga perlu seimbang dengan bilangan pegangan yang akan diuruskan melalui prosedur kerja yang teratur. Semakan Audit terhadap perancangan yang dibuat mendapati perkara berikut:

52.1.1 Prosedur Kerja Cukai Taksiran

Prosedur kerja dalam pengurusan cukai taksiran meliputi perkara berikut:

- i) Memproses pelan bangunan yang diterima untuk kelulusan dan mengeluarkan sijil layak menduduki terhadap bangunan yang telah siap.
- ii) Membuat ukur periksa bangunan yang baru atau yang telah diubahsuai untuk dikenakan cukai taksiran tahunan atau cukai taksiran tambahan.

- iii) Menilai semula semua harta pegangan setiap 5 tahun sekali mengikut Ordinan Kuasa-kuasa Tempatan 1996.
- iv) Membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa untuk menguatkuasakan perundungan supaya tiada bangunan dibina atau dibuat sambungan tanpa kebenaran.
- v) Mengeluarkan bil cukai taksiran kepada semua pemilik harta setiap 6 bulan sekali iaitu pada bulan Februari dan Ogos setiap tahun.

52.1.2 Anggaran Hasil Cukai Taksiran

Pada setiap tahun Majlis akan menyediakan anggaran mengenai jumlah cukai taksiran yang akan dipungut pada tahun tersebut. Anggaran tersebut disediakan berdasarkan kepada kutipan cukai taksiran tahunan, pungutan balik tunggakan dan pungutan cukai daripada premis dan kediaman yang baru diluluskan. Mengikut anggaran yang dibuat jumlah cukai yang akan dikutip bagi tempoh tahun 1999 hingga 2002 adalah seperti di **Jadual 55**.

Jadual 55
Anggaran Pungutan Cukai Taksiran

| Tahun | Bilangan Pegangan | Anggaran Pungutan Cukai (RM Juta) |
|---------------|-------------------|-----------------------------------|
| 1999 | 4,493 | 4.12 |
| 2000 | 4,426 | 4.14 |
| 2001 | 4,531 | 4.39 |
| 2002 | 4,552 | 5.13 |
| Jumlah | 18,002 | 17.78 |

Sumber: Anggaran Belanjawan Majlis

52.1.3 Perancangan Penilaian Semula

Mengikut Seksyen 137(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976, satu senarai nilai baru hendaklah disediakan sekali setiap 5 tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Tujuan senarai nilai baru ini adalah

untuk mengemas kini senarai nilaiain supaya semua pegangan yang dibina dalam tempoh berkenaan telah diambil kira dan juga nilaiain sebenar dapat dibuat berasaskan nilaiain semasa. Senarai nilaiain yang diguna pakai oleh Majlis adalah berdasarkan penilaian yang dibuat pada tahun 1988. Majlis juga belum memohon kelulusan melanjutkan tempoh senarai nilaiain daripada Pihak Berkuasa Negeri. Kelewatan membuat penilaian semula telah menyebabkan Majlis mengalami kekurangan hasil kerana nilaiain harta pegangan tahun 1988 yang diguna pakai adalah jauh lebih rendah berbanding dengan nilaiain semasa.

Pada pendapat Audit, Majlis sepatutnya mengadakan perancangan penilaian semula terhadap semua pegangan kawasan Majlis sebagaimana yang ditetapkan bagi menambahkan lagi hasil serta dapat menunjukkan kedudukan nilaiain sebenar.

52.1.4 Perundangan dan Peraturan

Perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh Majlis untuk mengutip cukai taksiran adalah mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Mengikut Akta ini, Majlis selaku Pihak Berkuasa Tempatan diberi kuasa bagi menaksir dan memungut cukai terhadap semua harta yang ada dalam kawasan pentadbirannya. Majlis juga berkuasa untuk membuat semakan semula ke atas kadar taksiran cukai yang dipungut bagi tempoh setiap 5 tahun.


52.1.5 Prosedur Penguatkuasan dan Pendakwaan

Majlis telah mewujudkan Bahagian Undang-undang untuk menjalankan kerja penguatkuasaan dan pendakwaan terhadap pemilik bangunan yang membina bangunan/premis/rumah tanpa kelulusan Majlis. Bahagian ini juga bertanggungjawab bagi mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik yang tidak menjelaskan cukai seperti yang ditetapkan.

52.1.6 Perancangan Guna Tenaga

Perancangan guna tenaga adalah penting supaya proses mengenakan cukai dan membuat pungutan cukai taksiran terhadap semua pegangan dalam kawasan Majlis dapat dilaksanakan tepat pada masanya. Mengikut Carta Organisasi, perjawatan yang diluluskan bagi menguruskan cukai taksiran adalah berjumlah 29 orang. Majlis diketuai oleh seorang Yang Dipertua yang juga Pegawai Daerah Langkawi dan dibantu oleh seorang Timbalan Yang Dipertua dan Setiausaha yang bertugas secara sepenuh masa membantu Yang Dipertua menjalankan urusan pentadbiran Majlis. Struktur organisasi dan pentadbiran Majlis dibahagikan kepada beberapa bahagian. Kedudukannya seperti di **Carta 1**.

Carta 1
Struktur Organisasi Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan



52.1.7 Kursus Dan Latihan Kepada Kakitangan

Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan rancangan bagi memberikan kursus dan latihan kepada pegawai dan kakitangannya.

Pada pendapat Audit, perancangan pungutan cukai taksiran yang dibuat oleh Majlis adalah memuaskan di mana pihak Majlis telah menyediakan jumlah anggaran kutipan cukai yang boleh dikutip, prosedur dan peraturan yang berkaitan dan cara pemantauan mengenainya.

52.2 PELAKSANAAN

Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Pengguna Tempatan berhak mengenakan dan mengutip cukai terhadap pemegang harta di kawasan majlis mengikut kadar yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Bagi menentukan jumlah cukai taksiran yang perlu dijelaskan oleh pemilik harta, harta tersebut akan ditaksirkan oleh Majlis. Cukai taksiran ditetapkan berasaskan kepada nilai tahunan harta tersebut dan dikira mengikut kadar seperti yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pegangan berkadar yang boleh dikenakan cukai adalah harta kediaman, perusahaan dan komersial seperti kilang, kedai, hotel, kompleks dan tanah pertanian. Butir nilai tahunan dan pegangan di sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan akan didaftarkan dalam satu Senarai Nilaian yang perlu disedia dan disiapkan sekali setiap 5 tahun. Pelaksanaan terhadap pengurusan cukai taksiran melibatkan Bahagian Pentadbiran, Bahagian Kewangan, Bahagian Undang-Undang, Bahagian Penilaian, Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Awam, Bahagian Senitanam dan Rekreasi, Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembangunan. Semakan Audit terhadap perkara ini, mendapati pelaksanaan pungutan cukai yang telah dibuat adalah seperti berikut:

52.2.1 Sijil Layak Menduduki Oleh Majlis

Mengikut prosedur yang ditetapkan, setiap bangunan/premis/rumah yang dibina dalam kawasan Majlis hendaklah dikeluarkan Sijil Layak

Menduduki apabila bangunan/premis/rumah tersebut memenuhi syarat yang ditetapkan. Antaranya, setiap permohonan yang diterima hendaklah disertakan surat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Kerja Raya dan pelbagai Jabatan Teknikal yang berkaitan.

Semakan Audit terhadap sijil yang diluluskan pada tahun 2002 mendapati semua sijil yang dikeluarkan pada tahun tersebut telah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Majlis. Semua sijil yang dikeluarkan telah disertakan surat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Kerja Raya dan pelbagai Jabatan Teknikal seperti yang ditetapkan Majlis. Dokumen ini juga disimpan dengan teratur dalam fail yang berkaitan.

52.2.2 Penilaian Dan Taksiran Cukai

Penilaian dan taksiran cukai adalah dibuat oleh Bahagian Penilaian Majlis. Taksiran cukai adalah berdasarkan kepada Sijil Layak Menduduki, pelan bangunan dan kerja ukur yang dijalankan ke atas bangunan/premis/rumah berkenaan. Semakan Audit terhadap perkara ini mendapati kedudukan seperti berikut:

i) Kelewatan Mengenakan Cukai Taksiran

Sebanyak 1,226 pegangan telah dikeluarkan Sijil bagi tempoh tahun 1993 hingga 2000. Semakan Audit mendapati taksiran cukai telah lewat dibuat. Kelewatan tersebut adalah melibatkan tempoh antara 2 hingga $8\frac{1}{2}$ tahun daripada tarikh Sijil diluluskan. Analisa Audit terhadap perkara ini mendapati kegagalan Majlis membuat taksiran dengan segera menyebabkan Majlis kehilangan pungutan cukai taksiran berjumlah RM2.09 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 56.**

Jadual 56
Harta Pegangan Lewat Dikenakan Cukai Taksiran

| Kawasan/ Mukim | Bilangan Pegangan | Tarikh Sijil Layak Menduduki | Tarikh Taksiran | Tempoh Kelewatan (Tahun) | Kadar Pungutan Setahun (RM) | Jumlah Kehilangan Cukai Taksiran (RM) |
|-------------------|----------------------|------------------------------------|--------------------|--------------------------------|--------------------------------------|---|
| Air Hangat | 1 | 02.01.93 | 1.1.2001 | 7 | 18,600 | 130,200 |
| Kuah | 673 | 15.01.98 | 1.1.2001 | 2 ½ | 158,962 | 397,404 |
| Ulu Melaka | 1 | 12.08.95 | 1.1.2002 | 6 | 1,560 | 9,360 |
| Pdg. Matsirat | 1 | 07.02.96 | 1.1.2002 | 5 ½ | 3,300 | 18,150 |
| Kedawang | 1 | 24.04.96 | 1.1.2002 | 5 ½ | 3,120 | 17,160 |
| Kuah | 1 | 11.09.99 | 1.1.2002 | 2 | 43,050 | 86,100 |
| Pdg. Matsirat | 1 | 30.11.99 | 1.1.2002 | 2 | 146,743 | 293,486 |
| Kuah | 18 | 21.12.99 | 1.1.2002 | 2 | 13,392 | 20,088 |
| Kedawang | 1 | 04.01.93 | 1.1.2003 | 9 ½ | 24,480 | 232,560 |
| Kedawang | 1 | 04.07.94 | 1.1.2003 | 8 | 9,600 | 76,800 |
| Chogm Villa | 244 | 20.10.98 | 1.1.2003 | 3 ½ | 128,250 | 448,875 |
| Kuah | 88 | 11.11.99 | 1.1.2003 | 3 ½ | 31,362 | 109,768 |
| Kuah | 194 | 24.08.00 | 1.1.2003 | 2 | 74,966 | 149,933 |
| Pdg. Matsirat | 1 | 27.03.96 | 1.1.2003 | 6 | 17,280 | 103,680 |
| Jumlah | 1,226 | | | | 674,665 | 2,093,564 |

Sumber: Daftar Sijil Layak Menduduki dan Fail Majlis

- ii) Mengikut penjelasan Majlis, antara sebab kelewatan adalah kerana Bahagian Penilaian lewat menerima Sijil, pelan bangunan dan pelbagai dokumen berkaitan daripada Bahagian Bangunan.

Pada pendapat Audit, perkara ini berlaku kerana tidak ada penyelarasan kerja antara bahagian dalam Majlis. Kegagalan membuat taksiran cukai dengan segera menyebabkan kerugian cukai yang tinggi kepada Majlis. Oleh itu tindakan yang segera hendaklah diambil bagi mengatasinya daripada berterusan.

52.2.3 Pindaan Kadar Cukai Taksiran

Mengikut Seksyen 137 Akta 171, kadar cukai taksiran yang dipungut oleh Majlis boleh dipinda dalam tempoh 5 tahun sekali, tertakluk kepada keputusan Majlis dan kelulusan Majlis Mesyuarat

Kerajaan Negeri. Semakan Audit terhadap perkara ini mendapati kedudukan seperti berikut:

- i) Majlis telah membuat pindaan kadar cukai ini pada tahun 2002. Sebelum daripada ini kadar cukai taksiran yang dipungut oleh Majlis adalah dikenakan mengikut kadar cukai taksiran yang dibuat pada tahun 1998.
- ii) Mengikut pindaan yang dibuat pada tahun 2002 kadar cukai taksiran bagi rumah kampung telah diturunkan dari 6% kepada 5% dan kadar hotel dinaikkan dari 6% kepada antara 6% hingga 10%. Butiran lengkap pindaan kadar cukai yang telah dibuat tersebut adalah seperti di **Jadual 57**.

Jadual 57
Pindaan Kadar Cukai

| Jenis Pegangan | Sebelum Pindaan (%) | Selepas Pindaan (%) |
|---------------------------|---------------------|---------------------|
| Rumah Kampung | 6 | 5 |
| Kediaman (Skim Perumahan) | 6 | 6 |
| Perniagaan | 6 | 6 |
| Industri | 6 | 8 |
| Hotel | 6 | 6 – 10 |
| Pelabuhan | 6 | 6 – 15 |
| Lapangan Terbang | 6 | 15 |

Sumber: Rekod Bahagian Penilaian Majlis

Pada pendapat Audit, Majlis telah membuat penilaian semula cukai taksiran dalam tempoh 5 tahun sekali seperti yang ditetapkan oleh peraturan.

52.2.4 Kawalan Pungutan Cukai Taksiran

Pungutan cukai taksiran Majlis adalah dibuat dengan menggunakan komputer. Semakan Audit terhadap kawalan komputer, resit dan serahan wang pungutan ke bank mendapati kawalan kutipan hasil yang dibuat oleh Majlis adalah memuaskan. Kedudukannya adalah seperti berikut:

- i) Penggunaan komputer telah dikawal dengan memuaskan di mana pegawai tertentu sahaja yang diberikan kata laluan bagi membuat pungutan.
- ii) Kata laluan yang diberikan kepada kakitangan dirahsiakan.
- iii) Buku resit disimpan di tempat yang selamat dan proses pengeluarannya dikawal dengan sempurna.
- iv) Serahan wang pungutan ke bank dibuat dengan segera dan mengikut peraturan.

Pada pendapat Audit, kawalan pungutan wang hasil yang dibuat oleh Majlis adalah memuaskan.

52.2.5 Pungutan Cukai Taksiran

Berdasarkan bilangan pegangan yang ada, anggaran pungutan cukai yang dibuat oleh Majlis bagi tempoh tahun 1999 hingga 2002 adalah berjumlah RM17.78 juta. Bagaimanapun, daripada jumlah ini, Majlis cuma dapat memungut cukai berjumlah RM15.39 juta iaitu kekurangan sejumlah RM2.39 juta daripada jumlah anggaran yang dibuat. Butiran lengkap mengenai jumlah anggaran cukai yang dibuat dan jumlah sebenar cukai yang dipungut bagi tempoh tahun 1999 hingga 2002 tersebut adalah seperti di **Jadual 58**.

Jadual 58
Anggaran dan Pungutan Cukai Taksiran Majlis
Bagi Tempoh Tahun 1999 Hingga 2002

| Tahun | Jumlah Anggaran Cukai Yang Disediakan (RM juta) | Jumlah Sebenar Cukai yang Dipungut (RM juta) | Kekurangan Pungutan Berbanding Anggaran (RM juta) |
|---------------|---|--|---|
| 1999 | 4.12 | 3.37 | 0.75 |
| 2000 | 4.14 | 3.49 | 0.65 |
| 2001 | 4.39 | 3.80 | 0.59 |
| 2002 | 5.13 | 4.73 | 0.40 |
| Jumlah | 17.78 | 15.39 | 2.39 |

Sumber : Bahagian Kewangan Majlis

52.2.6 Tuggakan Cukai Taksiran Meningkat

Sehingga akhir tahun 2003 tuggakan cukai taksiran adalah berjumlah RM5.24 juta. Jumlah tuggakan ini telah meningkat dari setahun ke setahun sejak tahun 1999. Kedudukan kenaikan tuggakan cukai pada setiap tahun bagi tempoh tahun 1999 hingga 2002 adalah seperti di **Jadual 59**.

Jadual 59
Tuggakan Cukai Bagi Tempoh Tahun
1999 Hingga 2002

| Bil. | Tahun | Jumlah Tuggakan Cukai (RM juta) |
|------|-------|------------------------------------|
| 1. | 1999 | 2.79 |
| 2. | 2000 | 3.34 |
| 3. | 2001 | 3.91 |
| 4. | 2002 | 4.37 |

Sumber: Penyata Kewangan Majlis

52.2.7 Tempoh Tuggakan Cukai Taksiran

Daripada tuggakan cukai taksiran berjumlah RM4.37 juta sehingga akhir tahun 2002 tersebut, pihak Audit telah membuat analisa terhadap 107 pegangan yang mempunyai tuggakan cukai berjumlah RM1.46 juta. Hasil daripada analisa ini pihak Audit mendapati kedudukan tuggakan cukai bagi 107 pegangan berjumlah RM1.46 juta adalah tuggakan yang melibatkan tempoh usia di antara 4 hingga 9 tahun. Kedudukannya adalah seperti di **Jadual 60**.

Jadual 60
Tunggakan Mengikut Tempoh

| Bil. | Usia Tunggakan (Tahun) | Jumlah Pegangan | Jumlah Tunggakan (RM) |
|---------------|------------------------|-----------------|-----------------------|
| 1. | 4 | 36 | 470,164 |
| 2. | 5 | 36 | 265,799 |
| 3. | 6 | 15 | 113,464 |
| 4. | 7 | 5 | 40,778 |
| 5. | 8 | 9 | 102,918 |
| 6. | 9 | 6 | 462,417 |
| Jumlah | | 107 | 1,455,540 |

Sumber : Rekod Bahagian Kewangan Majlis

Analisa Audit selanjutnya mendapati sebahagian besar tunggakan ini adalah daripada pembayar cukai seperti berikut:

- i) Sejumlah RM418,000 adalah tunggakan daripada sebuah kilang yang telah lama memberhentikan operasinya.
- ii) Sejumlah RM224,608 tunggakan daripada sebuah hotel.
- iii) Sejumlah RM812,932 tunggakan cukai daripada premis perniagaan/kediaman.

Pada pendapat Audit, peningkatan tunggakan ini adalah kerana kegagalan Majlis mengambil tindakan yang berkesan terhadap pembayar cukai. Antaranya adalah kegagalan mengenakan tindakan perundangan.

52.2.8 Usaha Bagi Mempertingkatkan Pungutan Cukai Taksiran

Bagi menyedarkan orang ramai supaya membayar cukai dengan segera pihak Majlis telah mengadakan berbagai aktiviti dan usaha, antaranya adalah seperti berikut:

- i) Pada tahun 2000 pihak Majlis telah mengadakan Minggu Kempen Cukai Taksiran.

- ii) Mulai tahun 2003, Majlis memberi pengurangan cukai taksiran bagi harta pegangan kosong atau tidak diduduki. Pemilik pegangan hanya perlu membayar 20% cukai yang ditaksirkan.
- iii) Pada tahun 2004, memberi insentif dengan menghadiahkan sekaki payung kepada pembayar cukai yang menjelaskan cukai taksiran penggal pertama.
- iv) Membenarkan bayaran cukai taksiran dibuat secara ansuran.

Pada pendapat Audit, Majlis telah menjalankan beberapa usaha bagi mempertingkatkan pungutan cukai taksiran pada setiap tahun dan perkara ini hendaklah diteruskan.

52.2.9 Kursus Dan Latihan Kepada Kakitangan

Daripada semakan dan perbincangan yang dibuat, pihak Audit mendapati Majlis tidak mempunyai program/rancangan bagi memberi kursus dan latihan kepada kakitangannya secara teratur. Kebanyakan kursus dan latihan yang diberikan kepada kakitangan Majlis adalah dibuat secara *ad-hoc*. Bagi memastikan setiap kakitangan terutama yang menjalankan kerja teknikal seperti membuat penilaian, kerja ukur bangunan dan perundangan terlatih dan mahir dalam bidang masing-masing, Majlis hendaklah merancang bagi memberikan kursus dan latihan kepada pegawai dan kakitangannya.

52.2.10 Tindakan Perundangan Dan Penguatkuasaan

Jumlah tunggakan cukai Majlis meningkat pada setiap tahun dan antara sebab utamanya kerana kegagalan pihak Majlis menguatkuasakan tindakan perundangan seperti yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati Majlis tidak pernah mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah walaupun jumlah tunggakan cukai adalah tinggi. Di samping itu, daripada penguatkuasaan yang dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa Majlis, pihak Majlis telah mengesan sebanyak 20 kes pengubahsuaian rumah kediaman yang dibuat tanpa kebenaran Majlis. Bagaimanapun, tindakan terhadap pemilik rumah ini tidak dilakukan. Majlis cuma menghantar

notis kepada pemilik ini supaya membuat permohonan bagi pengubahsuaian tersebut kepada Majlis. Sehingga pada tarikh pemeriksaan Audit, pemilik rumah ini masih belum membuat permohonan seperti yang dikehendaki oleh Majlis.

Pada pendapat Audit, tindakan lebih tegas seperti tindakan perundangan/pendakwaan perlulah diusahakan bagi memastikan setiap pemilik mematuhi perundangan Majlis.

52.2.11 Struktur Organisasi Dan Gunatenaga

Majlis mempunyai kakitangan seramai 332 orang. Ianya adalah terdiri daripada 106 kakitangan tetap dan 226 orang kakitangan yang diambil secara kontrak. Daripada jumlah ini, sejumlah 29 orang ditempatkan di Bahagian Bangunan, Bahagian Penilaian dan Bahagian Undang-Undang.

Daripada audit yang dijalankan, pihak Audit dimaklumkan sebab kelewatan membuat taksiran adalah disebabkan oleh kekurangan kakitangan di Bahagian Penilaian. Pihak Majlis hendaklah mengkaji perkara ini dan mengambil tindakan untuk mengatasi kekurangan ini jika ianya benar-benar diperlukan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan taksiran cukai yang dibuat oleh Majlis adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan tersebut adalah taksiran cukai lewat dibuat, tunggakan cukai kian meningkat dan kegagalan Majlis mengambil tindakan penguatkuasaan dan tindakan perundangan. Bagi memastikan cukai dapat dikutip dengan berkesan semua kelemahan ini hendaklah diatasi.

52.3 PEMANTAUAN

Sistem dan cara pemantauan yang berkesan adalah penting bagi memastikan setiap aktiviti dan kerja yang dijalankan dapat mencapai matlamat yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap perkara ini mendapati Majlis tidak melaksanakan sistem pemantauan yang berkesan terhadap

aktiviti kerja dan tugas yang dijalankan di setiap bahagiannya. Semakan Audit mendapati tidak ada laporan lengkap dikemukakan kepada pihak pengurusan. Bagi memastikan setiap bahagian dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna, adalah dicadangkan pihak Majlis menetapkan supaya setiap Bahagian mengemukakan laporan mengenai prestasi kemajuan dan pencapaian kerja kepada pihak pengurusan dan ahli Majlis setiap bulan. Antara perkara yang perlu dilaporkan tersebut adalah seperti mengenai jumlah pungutan, jumlah tunggakan, kes penguatkuasaan dan pendakwaan, penilaian dan sebagainya.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat oleh Majlis terhadap kutipan cukai tidak memuaskan. Adalah dicadangkan pihak Majlis mengeluarkan satu prosedur mengenainya.

53. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Hasil daripada audit ini, pihak Audit mendapati pengurusan cukai yang dibuat oleh Majlis adalah tidak memuaskan. Jumlah tunggakan cukai adalah tinggi dan ianya kian meningkat pada setiap tahun, taksiran cukai lewat dibuat, tindakan penguatkuasaan dan perundangan tidak pernah dijalankan dan tidak wujud penyelarasan kerja pada setiap bahagian. Pihak Majlis hendaklah mengambil tindakan yang berkesan mengenainya bagi memastikan semua kelemahan diatas dan taksiran cukai dapat dipungut dengan berkesan dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

PEJABAT JAWATANKUASA ZAKAT NEGERI KEDAH

PENGURUSAN PUNGUTAN DAN AGIHAN WANG ZAKAT

54. LATAR BELAKANG

Zakat adalah hasil yang dipungut oleh Pejabat Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah (Pejabat) daripada orang Islam mengikut hukum syarak. Ianya adalah terdiri daripada zakat fitrah, zakat tanaman dan zakat harta. Zakat harta adalah terdiri daripada wang simpanan, pendapatan, emas dan perak serta perniagaan. Hasil daripada kutipan zakat di Negeri Kedah pada tahun 2003 adalah berjumlah RM19 juta. Kutipan zakat telah meningkat sejumlaah RM3.40 juta berbanding dengan kutipan zakat pada tahun 2002 yang berjumlah RM15.60 juta. Pengurusan zakat di Negeri Kedah adalah diuruskan oleh Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan mempunyai 22 orang ahli yang dilantik oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah.

Bagi menguruskan pungutan zakat, Jawatankuasa telah diberi kuasa yang diperuntukkan di bawah Enakmen No. 4 Tahun 1955 dan Kaedah Zakat Negeri Kedah 1998. Bagi menguruskan pungutan dan agihan zakat ini, Jawatankuasa mempunyai sebuah pejabat yang terletak di Alor Star dan 11 pejabat cawangan daerah di Negeri Kedah. Pejabat ini diketuai oleh Setiausaha Jawatankuasa Zakat dan mempunyai 53 orang kakitangan di seluruh Negeri. Di peringkat daerah, pentadbirannya diketuai oleh Pegawai Zakat atau Penyelia Zakat.

55. OBJEKTIF AUDIT

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan pungutan dan agihan zakat telah dibuat dengan teratur, cekap dan mencapai matlamat.

56. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan dengan cara membuat semakan terhadap rekod bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003 di Pejabat Zakat Negeri Kedah. Di samping itu, lawatan Audit dilakukan di Pejabat Zakat Daerah Kulim dan Pejabat Zakat Daerah Langkawi. Pemeriksaan Audit dibuat di kedua daerah ini adalah bagi meneliti prosedur dan pelaksanaan pungutan zakat yang dibuat di peringkat daerah. Pemeriksaan Audit dibuat terhadap rekod kewangan, fail dan dokumen yang berkaitan dengan urusan zakat bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003. Selain itu, perbincangan juga diadakan dengan pegawai yang terlibat bagi mendapat penjelasan lanjut.

57. PENEMUAN AUDIT

57.1 PERANCANGAN

Pungutan dan agihan zakat akan dapat dibuat dengan cekap dan berkesan jika ianya dirancang dengan teratur dan sempurna. Pejabat telah membuat perancangan bagi memastikan kutipan zakat ini dapat dipungut dan diagih. Perancangan yang dibuat oleh Pejabat Zakat adalah seperti berikut:

57.1.1 Struktur Organisasi Dan Guna Tenaga

Jawatankuasa Zakat mempunyai sebuah pejabat di Alor Star dan 11 pejabat cawangannya di setiap daerah. Jumlah kakitangan di seluruh Negeri Kedah adalah 53 orang. Pengurusan di peringkat Ibu Pejabat Zakat Negeri diketuai oleh Setiausaha Zakat manakala di Pejabat Zakat Daerah Kota Star, Kubang Pasu, Kuala Muda, Yan dan Kulim diketuai oleh Pegawai Zakat Daerah. Bagi Daerah Bandar Baharu, Padang Terap, Pendang, Langkawi, Baling dan Sik, pengurusannya diketuai oleh Penyelia Zakat. Di samping itu, ada seramai 670 orang Amil yang dilantik oleh Setiausaha Zakat bagi membantu dalam urusan pungutan zakat harta dan padi.

57.1.2 Prosedur dan Peraturan

Urusan pungutan dan agihan zakat di Negeri Kedah ditadbirkan oleh Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah berdasarkan kepada Enakmen No. 4 Tahun 1955 dan Kaedah Zakat 1998. Jawatankuasa diberi kuasa bagi memungut dan mengagihkan zakat dan juga membuat peraturan mengenainya termasuk menetapkan kadar zakat yang akan dipungut pada setiap tahun. Berdasarkan kepada kuasa yang diberi, Jawatankuasa telah menyediakan satu peraturan pungutan dan pengagihan zakat yang dipanggil Kaedah Zakat Negeri Kedah. Kaedah Zakat yang disediakan tersebut telah menggariskan dengan jelas mengenai kadar zakat yang boleh dipungut pada setiap tahun dan kaedah mengenai pungutannya. Mengikut peraturan ini, Pejabat juga telah menetapkan kriteria, syarat dan kadar bagi mereka yang layak menerima pemberian zakat pada setiap tahun. Antara golongan yang ditetapkan tersebut adalah seperti golongan fakir, miskin, musafir, dan guru agama.

57.1.3 Kadar Pungutan Zakat

Kadar pungutan zakat yang akan dikenakan bagi setiap jenis zakat telah ditetapkan oleh Jawatankuasa melalui Peraturan dan Kaedah Zakat 1998 yang telah diedarkan kepada Amil dan ejen pungutan zakat yang dilantik. Mengikut kaedah ini, zakat yang akan dipungut dan dikenakan bagi setiap jenis zakat adalah seperti di **Jadual 61**.

Jadual 61
Jenis dan Kadar Zakat

| Bil. | Jenis Zakat | Nisab | Kadar Zakat |
|------|---------------|-------------------|---|
| 1. | Padi | 1,300.49 Kilogram | 130 Kilogram |
| 2. | Wang Simpanan | 25 mayam | 2.125 gram (Nilai pasaran emas semasa) |
| 3. | Perniagaan | 25 mayam | 2.125 gram (Nilai pasaran emas semasa) |
| 4. | Emas | 25 mayam | 2.125 gram (Nilai pasaran emas semasa) |
| 5. | Perak | 176 mayam | 17.875 gram (Nilai pasaran perak semasa) |
| 6. | Kambing | 40 ekor | 1 ekor |
| 7. | Kerbau | 30 ekor | 1 ekor |
| 8. | Lembu | 30 ekor | 1 ekor |

Sumber: Rekod Pejabat Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah

57.1.4 Anggaran Pungutan Zakat

Bagi memastikan pungutan zakat dapat dibuat dengan sempurna, Pejabat Zakat telah menyediakan anggaran mengenainya pada setiap tahun. Mengikut Enakmen Zakat, anggaran yang disediakan oleh Jawatankuasa Zakat tersebut hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa dan dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah untuk diluluskan. Anggaran tersebut disediakan berdasarkan kepada anggaran yang disediakan oleh Pejabat Zakat Negeri dan Pejabat Zakat Daerah. Mengikut anggaran yang disediakan, zakat yang akan dipungut bagi tahun 2000 hingga 2003 adalah berjumlah RM45.12 juta. Butirannya adalah seperti di **Jadual 62**.

Jadual 62
Anggaran Pungutan Zakat Bagi
Tahun 2000 Hingga 2003

| Jenis Zakat | Anggaran Kutipan (RM Juta) | | | | |
|---------------|----------------------------|-------------|--------------|--------------|--------------|
| | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 | Jumlah |
| Zakat Padi | 1.35 | 1.45 | 1.50 | 1.50 | 5.80 |
| Zakat Harta | 7.80 | 8.00 | 11.00 | 12.52 | 39.32 |
| Jumlah | 9.15 | 9.45 | 12.50 | 14.02 | 45.12 |

Sumber: Belanjawan Tahunan Pejabat Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah

57.1.5 Cara Pungutan Zakat

Mengikut peraturan yang ditetapkan, pungutan zakat boleh dibuat oleh Pejabat Zakat Daerah, Amil dan lain-lain ejen yang dilantik oleh Pejabat Jawatankuasa Zakat. Amil dan ejen yang dilantik ini diberikan surat tauliah oleh Pejabat Zakat bagi membuat pungutan zakat. Pungutan yang dibuat akan diserahkan kepada Pejabat Jawatankuasa Zakat.

57.1.6 Usaha Meningkatkan Pungutan Zakat

Bagi meningkatkan pungutan zakat, Pejabat telah merancang untuk melaksanakan pelbagai program dan aktiviti serta cara pungutan. Antara program dan aktiviti yang dirancang untuk dilaksanakan adalah dengan membuka lebih banyak kaunter pungutan, mengadakan ceramah serta membuat kutipan zakat melalui potongan gaji dan lain-lain.

57.1.7 Anggaran Agihan Zakat

Jumlah wang zakat yang akan diagihkan kepada asnaf bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003 mengikut anggaran yang disediakan adalah berjumlah RM 54.35 juta. Butirannya seperti di **Jadual 63**.

Jadual 63
Anggaran Agihan Zakat Bagi
Tempoh Tahun 2000 Hingga 2003

| Bil | Asnaf | Anggaran Agihan (RM juta) | | | | |
|---------------|--------------|----------------------------------|-------------|--------------|--------------|---------------|
| | | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 | Jumlah |
| 1 | Fakir | 0.63 | 0.25 | 0.74 | 0.99 | 2.61 |
| 2 | Miskin | 4.41 | 4.94 | 6.99 | 9.20 | 25.54 |
| 3 | Amil | 1.45 | 1.50 | 1.88 | 1.87 | 6.70 |
| 4 | Mualaf | 0.55 | 0.55 | 0.57 | 3.00 | 4.67 |
| 5 | Firriqab | - | - | - | - | - |
| 6 | Alqharimin | 0.01 | 0.03 | 0.03 | 0.05 | 0.12 |
| 7 | Fisabilillah | 2.57 | 2.50 | 3.34 | 5.55 | 13.96 |
| 8 | Ibni Sabil | 0.05 | 0.10 | 0.30 | 0.30 | 0.75 |
| Jumlah | | 9.67 | 9.87 | 13.85 | 20.96 | 54.35 |

Sumber : Buku Tunai dan Laporan Bulanan Pejabat Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah

57.1.8 Cara Agihan Zakat

Mengikut hukum syarak, wang zakat akan diagihkan sama rata kepada 8 asnaf iaitu Fakir, Miskin, Amil, Mualaf, Firriqab, Algharimin, Fisabilillah dan Ibni Sabil. Agihan zakat kepada asnaf akan dibuat berdasarkan kepada permohonan yang diterima serta mematuhi syarat yang ditetapkan. Permohonan akan diproses dan seterusnya diluluskan oleh Pejabat untuk pembayaran kepada penerima zakat. Pada setiap tahun, Pejabat telah menetapkan kriteria dan syarat setiap penerima dan juga kadar bayaran mengenainya. Pejabat Zakat Daerah akan mengemukakan senarai nama penerima zakat untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Zakat.

Pada pendapat Audit, Pejabat Zakat Negeri Kedah mempunyai perancangan yang lengkap bagi membuat pungutan dan pengagihan zakat.

57.2 PELAKSANAAN

Kutipan zakat di Negeri Kedah adalah mengikut Enakmen No. 4 Tahun 1955 dan Kaedah Zakat 1998. Bagi menjamin kejayaan sesuatu aktiviti, perancangan yang baik hendaklah disusuli dengan pelaksanaan yang berkesan. Semakan Audit terhadap perkara ini mendapati kedudukan seperti berikut:

57.2.1 Kaedah Pungutan Dan Agihan Zakat

Semua kutipan zakat di Negeri Kedah adalah ditadbirkan oleh Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah berdasarkan kepada Enakmen No. 4 Tahun 1955 dan Kaedah Zakat 1998. Semakan Audit mendapati Kaedah Zakat 1998 yang diguna pakai sehingga kini masih belum lagi diwartakan sebagaimana mengikut kehendak Seksyen 9 Enakmen Zakat 1955.

57.2.2 Pungutan Zakat

Mengikut anggaran, pungutan zakat bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003 adalah berjumlah RM45.12 juta manakala pungutan sebenar adalah RM 56.85 juta. Kedudukan ini menunjukkan jumlah pungutan sebenar telah melebihi RM11.73 juta daripada anggaran yang dibuat. Butiran lengkap mengenai jumlah zakat yang dianggar dan dipungut bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 64**.

Jadual 64
Anggaran Dan Pungutan Sebenar Zakat
Bagi Tempoh Tahun 2000 hingga 2003

| Jenis zakat | Anggaran (RM juta) | Pungutan Sebenar (RM juta) | (Kurangan)/ Tambahan (RM juta) |
|---------------|-----------------------|----------------------------------|--------------------------------------|
| Zakat Padi | 5.80 | 5.73 | (0.07) |
| Zakat Harta | 39.32 | 51.12 | 11.80 |
| Jumlah | 45.12 | 56.85 | 11.73 |

Sumber : Rekod Pejabat Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah

Jadual di atas menunjukkan bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003 Pejabat telah berjaya memungut zakat melebihi RM11.73 juta berbanding dengan anggaran yang dibuat. Semakan Audit mendapati peningkatan kutipan zakat adalah berpunca daripada pertambahan kutipan zakat harta yang berjumlah RM11.80 juta. Bagaimanapun, kutipan sebenar zakat padi telah menurun sejumlah RM0.73 juta.

Pada pendapat Audit, anggaran pungutan zakat adalah sesuatu yang agak sukar dibuat ramalan dengan tepat kerana pendapatan daripada sumber tertentu seperti padi adalah bergantung kepada faktor pengeluaran dan keadaan semasa.

57.2.3 Prestasi Pungutan Zakat

Prestasi pungutan zakat bagi zakat padi dan harta bagi tahun 2000 hingga 2003 menunjukkan peningkatan pada setiap tahun seperti di **Jadual 65**.

Jadual 65
Pungutan Zakat
Bagi Tahun 2000 Hingga 2003

| Jenis Zakat | Pungutan Zakat (RM Juta) | | | | |
|---------------|--------------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 | Jumlah |
| Zakat Padi | 1.42 | 1.38 | 1.41 | 1.52 | 5.73 |
| Zakat Harta | 7.22 | 12.49 | 14.19 | 17.22 | 51.12 |
| Jumlah | 8.64 | 13.87 | 15.60 | 18.74 | 56.85 |

Sumber : Rekod Pejabat Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah

Analisis Audit terhadap kenaikan dan penurunan setiap jenis pungutan zakat ini bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003 adalah seperti berikut:

i) Zakat Padi

Pungutan zakat padi menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.03 juta dan RM0.11 juta masing-masing bagi tahun 2002

dan 2003, walaupun pada tahun 2001 menunjukkan pengurangan sejumlah RM0.04 juta.

ii) Zakat Harta

Kutipan zakat harta pula menunjukkan peningkatan antara RM1.70 juta hingga RM5.27 juta bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003. Kutipan zakat harta ini diperolehi antaranya adalah daripada zakat wang simpanan, zakat perniagaan dan zakat daripada pendapatan gaji.

Pada pendapat Audit, sebab utama peningkatan ini adalah kerana usaha yang dibuat oleh Pejabat seperti mengadakan ceramah dan penerangan kepada masyarakat. Dengan itu, usaha ini hendaklah dipertingkat dan diteruskan.

57.2.4 Pengagihan Zakat

Di samping memastikan zakat dapat dipungut dengan sempurna, peranan dan tanggungjawab utama Pejabat Zakat ialah mengagihkan zakat kepada asnaf yang memenuhi syarat seperti yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap rekod berkaitan mendapati kedudukan seperti berikut:

i) Anggaran Dan Agihan Zakat

Mengikut anggaran, zakat yang akan dipungut bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003 adalah berjumlah RM45.12 juta. Sementara itu, jumlah yang akan diagihkan bagi tempoh tersebut adalah RM54.35 juta. Ini menunjukkan anggaran penerimaan zakat adalah kurang dari anggaran agihan sejumlah RM9.12 juta. Pejabat Zakat akan menampung lebihan agihan tersebut melalui pendapatan sewaan bangunan zakat dan juga pencairan simpanan tetapnya. Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003 zakat yang diagihkan kepada asnaf adalah berjumlah RM49.35 juta, kekurangan sejumlah RM5.00 juta daripada jumlah yang dianggarkan. Butiran lengkap mengenai jumlah zakat yang dianggar dan diagihkan bagi tahun 2000 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 66.**

Jadual 66
Anggaran Dan Agihan Zakat
Bagi Tahun 2000 Hingga 2003

| Tahun | Anggaran (RM Juta) | Agihan Sebenar (RM Juta) | Kurangan (RM Juta) |
|---------------|-----------------------|--------------------------------|-----------------------|
| 2000 | 9.67 | 8.31 | 1.36 |
| 2001 | 9.87 | 9.16 | 0.71 |
| 2002 | 13.85 | 13.09 | 0.76 |
| 2003 | 20.96 | 18.79 | 2.17 |
| Jumlah | 54.35 | 49.35 | 5.00 |

Sumber: Rekod Pejabat Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah Darul Aman

ii) Pengagihan Zakat Kepada Setiap Asnaf

Wang zakat yang diterima hendaklah diagihkan sama rata kepada 8 asnaf yang berhak. Pada tahun 2003 sejumlah RM15.92 juta atau RM1.99 juta telah dianggarkan kepada setiap asnaf tersebut. Bagaimanapun, mengikut anggaran muktamad, adalah didapati anggaran yang akan diagihkan itu telah meningkat menjadi RM20.96 juta melebihi sejumlah RM5.04 juta. Pengagihan anggaran zakat tidak dibuat sama rata mengikut asnaf yang sepatutnya. Bagi asnaf Firriqab, semua anggaran peruntukan berjumlah RM1.99 juta telah diagihkan kepada 7 asnaf lain mengikut keutamaan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 67**.

Jadual 67
Anggaran Agihan Zakat Tahun 2003

| Asnaf | Anggaran RM juta | Sebenar RM juta | Perbezaan RM juta |
|---------------|---------------------|--------------------|----------------------|
| Fakir | 1.99 | 0.99 | 1.00 |
| Miskin | 1.99 | 9.20 | (7.21) |
| Amil | 1.99 | 1.87 | 0.12 |
| Mualaf | 1.99 | 3.00 | (1.01) |
| Ibni Sabil | 1.99 | 0.30 | 1.69 |
| Fisabilillah | 1.99 | 5.55 | (3.56) |
| Algharimin | 1.99 | 0.05 | 1.94 |
| Firriqab | 1.99 | - | 1.99 |
| Jumlah | 15.92 | 20.96 | 5.04 |

Sumber : Rekod Pejabat Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah

Semakan Audit mendapati pengagihan zakat yang dibuat oleh Pejabat kepada setiap asnaf juga adalah kurang daripada yang dianggarkan. Pada tahun 2003 jumlah zakat yang dianggar diagihkan kepada asnaf ini adalah berjumlah RM20.96 juta sedangkan pengagihan sebenar yang dibuat adalah berjumlah RM18.79 juta sahaja iaitu kekurangan sejumlah RM2.17 juta daripada yang dirancang. Butiran lengkap pengagihan setiap asnaf yang dibuat pada tahun 2003 adalah seperti di **Jadual 68**.

Jadual 68
Pengagihan Kepada Asnaf Pada Tahun 2003

| Asnaf | Anggaran Muktamad (RM Juta) | Sebenar (RM Juta) | Perbezaan (RM Juta) |
|---------------|-----------------------------|-------------------|---------------------|
| Fakir | 0.99 | 0.63 | 0.36 |
| Miskin | 9.20 | 8.97 | 0.23 |
| Amil | 1.87 | 1.77 | 0.10 |
| Mualaf | 3.00 | 2.29 | 0.71 |
| Ibni Sabil | 0.30 | 0.21 | 0.09 |
| Fisabilillah | 5.55 | 4.91 | 0.64 |
| Algharimin | 0.05 | 0.01 | 0.04 |
| Firriqab | - | - | - |
| Jumlah | 20.96 | 18.79 | 2.17 |

Sumber : Rekod Pejabat Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah

57.2.5 Strategi Mempertingkatkan Pungutan Zakat

Bagi mempertingkatkan pungutan zakat, Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah telah melaksanakan berbagai strategi bagi menggalakkan orang Islam untuk membayar zakat. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

i) Pembukaan Kaunter Bayaran Zakat

Kaunter bayaran zakat harta dan fitrah telah dibuka oleh Pejabat Zakat dan juga oleh Amil yang dilantik di lokasi yang strategik seperti di ruang legar pejabat dan pasaraya. Tujuannya adalah bagi memudahkan umat Islam membayar zakat. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2003, sejumlah 55 kaunter bayaran telah dibuka.

ii) Bayaran Zakat Melalui Skim Potongan Gaji Berjadual

Bayaran zakat pendapatan melalui skim potongan gaji secara berjadual telah dilaksana dan diselaraskan dengan potongan cukai pendapatan bulanan pekerja. Bagi tujuan ini, pegawai dari Pejabat Zakat Negeri telah membuat lawatan ke Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun dan Sektor Swasta untuk memberi penerangan mengenainya.

iii) Melantik Bank Perdagangan Dan Institusi Pengajian Tinggi Awam Sebagai Ejen

Pejabat Zakat Negeri juga telah melantik bank perdagangan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sebagai ejen kutipan zakat. Antara bank dan IPTA yang dilantik adalah Bank Pertanian Malaysia Berhad, Maybank dan Universiti Utara Malaysia.

iv) Kutipan Melalui Pos

Pejabat Zakat Negeri Kedah juga menerima bayaran zakat melalui pos.

v) Mencetak Risalah

Bagi menyedarkan orang ramai membayar zakat, Pejabat juga telah mengeluarkan dan mengedar berbagai risalah berkaitan zakat untuk diedarkan kepada orang awam.

Pada pendapat Audit, Pejabat Zakat telah menyediakan aturcara dan program kutipan zakat yang menyeluruh dan meliputi pelbagai peringkat sasaran pembayar zakat.

57.2.6 Perlantikan Amil

Mengikut peraturan, pungutan zakat akan dibuat oleh Amil yang dilantik. Semakan Audit terhadap daftar yang diselenggarakan di Pejabat Jawatankuasa Zakat, Alor Star mendapati sehingga akhir bulan Disember 2003, ada seramai 670 Amil yang dilantik dan ditauliahkan sebagai Amil bagi seluruh Negeri Kedah. Daripada jumlah tersebut, seramai 619 orang adalah Amil Zakat Padi dan 51 orang Amil Zakat Harta. Amil yang dilantik ini adalah terdiri daripada guru, pembantu tadbir, pekerja swasta dan lain-lain dengan disokong oleh Jawatankuasa Keselamatan Kampung atau Imam dalam kawasan mereka. Amil Zakat Padi ialah amil yang ditauliahkan untuk mengutip zakat padi dalam kawasannya, manakala Amil Zakat Harta ialah amil yang ditauliahkan untuk memungut zakat harta yang terdiri daripada zakat pendapatan daripada gaji dan keuntungan daripada perniagaan. Semua Amil yang dilantik ini tidak dibayar gaji atau elauan tetapi hanya dibayar

komisyen sebanyak satu per lapan daripada jumlah kutipan zakat. Kedudukan bilangan Amil Zakat Padi dan Harta bagi seluruh Negeri Kedah mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 69**.

Jadual 69
Bilangan Amil Zakat Padi Dan Harta Mengikut Daerah

| Bil. | Daerah | Bilangan Amil | |
|------|---------------|---------------|-------------|
| | | Zakat Padi | Zakat Harta |
| 1. | Kota Star | 166 | 23 |
| 2. | Kubang Pasu | 145 | 5 |
| 3. | Yan | 48 | 2 |
| 4. | Kuala Muda | 71 | 13 |
| 5. | Kulim | 15 | 2 |
| 6. | Pendang | 75 | 1 |
| 7. | Baling | 28 | 3 |
| 8. | Padang Terap | 40 | - |
| 9. | Sik | 8 | - |
| 10. | Bandar Baharu | 4 | 1 |
| 11. | Langkawi | 19 | 1 |
| | Jumlah | 619 | 51 |

Sumber : Rekod Pejabat Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah

Berdasarkan Jadual di atas, Daerah Kota Star, Kubang Pasu dan Kuala Muda mempunyai bilangan Amil Zakat Padi yang ramai disebabkan daerah ini merupakan kawasan tanaman padi utama di Negeri Kedah. Adalah didapati Daerah Bandar Baharu mempunyai hanya empat Amil Zakat Padi dan 1 Amil Zakat Harta. Bilangan Amil yang sedikit adalah disebabkan jumlah kutipan zakat padi dan harta bagi 2 daerah ini adalah sedikit. Daerah Padang Terap dan Sik tidak mempunyai Amil Zakat Harta kerana daerah ini adalah kawasan tanaman padi dan dusun buah-buahan. Semakan Audit mendapati Amil yang dilantik ini telah diberikan surat tauliah sah yang ditandatangani oleh Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah. Setiap surat tauliah pelantikan Amil mempunyai nombor siri sebagai kawalannya. Bagaimanapun, kawalan yang dibuat terhadap surat tauliah ini kurang memuaskan. Semakan Audit mendapati

apabila seseorang Amil telah meninggal dunia atau telah berhenti, Pejabat akan melantik Amil baru dengan memberikan surat tauliah dengan nombor siri Amil yang meninggal atau berhenti tersebut.

Sebagai langkah kawalan, adalah disyorkan setiap Amil yang dilantik diberi nombor pendaftaran dan nombor siri surat tauliah yang baru. Perkara ini penting bagi membolehkan pihak pengurusan mengesahkan mudah Amil yang berkenaan mengikut nombor siri surat tauliah yang diberikan.

57.2.7 Daftar Surat Perlantikan Amil

Bagi mengawal kedudukan Amil yang dilantik, Pejabat telah menyediakan satu daftar sebagai kawalan mengenainya. Semakan Audit mendapati penyelenggaraan Daftar Amil tidak begitu memuaskan. Kedudukannya adalah seperti berikut:

- i) Daftar yang disediakan tidak lengkap di mana setengah perlantikan tidak dicatatkan tarikh dan rujukan surat lantikan.
- ii) Tidak ada bukti yang menunjukkan Daftar Amil disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab atau pegawai yang diberi kuasa dari semasa ke semasa.
- iii) Perlantikan Amil Zakat Fitrah tidak direkod dalam Daftar. Dengan itu tidak dapat ditentukan bilangan Amil ini yang dilantik bagi membuat pungutan bagi pihak Pejabat.

Pada pendapat Audit, bagi memperkemaskan kawalan terhadap perlantikan Amil, Pejabat hendaklah mengambil tindakan segera bagi mengemaskinkan Daftar Amil.

57.2.8 Pembayaran Wang Zakat

Pembayaran wang zakat diuruskan oleh Pejabat Zakat Daerah. Pegawai Zakat Daerah menyediakan baucar bayaran dan dikemukakan kepada Pejabat Zakat Negeri. Baucar tersebut disemak oleh Unit Audit Dalam sebelum dikemukakan kepada Bahagian Kewangan untuk dibuat pembayaran. Salinan baucar bersama cek bayaran akan dihantar kepada Pejabat Zakat Daerah

yang terlibat. Setelah cek diterima oleh Pejabat Zakat Daerah, ianya akan ditunaikan dan seterusnya diagihkan mengikut senarai nama yang disediakan. Penerima wang zakat adalah dikehendaki menurunkan cap jari di senarai penerima bantuan sebagai bukti penerimaan. Semakan Audit mendapati pembayaran zakat adalah teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pembayaran zakat adalah memuaskan.

57.2.9 Prestasi Agihan Zakat Kepada Asnaf

Zakat diagihkan kepada 8 golongan asnaf iaitu antaranya Fakir, Miskin, Ibni Sabil, Mualaf dan Fisabilillah. Semakan Audit terhadap pengagihan zakat kepada setiap asnaf ini mendapati kedudukan seperti berikut:

i) Asnaf Fakir

Asnaf Fakir adalah ditakrifkan sebagai individu yang papa yang tidak mempunyai sebarang punca pencarian atau harta. Semakan Audit mendapati bantuan zakat yang diberi kepada asnaf fakir bagi tahun 2000 hingga 2002 adalah berjumlah RM100 setiap bulan. Bagaimanapun, pada tahun 2003 Jawatankuasa telah menaikkan bantuan kepada asnaf ini menjadi RM200 setiap bulan. Pada tahun 2003, sejumlah RM792,000 telah diperuntukkan sebagai bantuan kepada asnaf ini. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2003 sejumlah RM496,200 telah diagihkan kepada asnaf fakir ini. Mengikut rekod Pejabat ada seramai 1,542 orang fakir di Negeri Kedah pada tahun 2003.

ii) Asnaf Miskin

Bantuan yang diagihkan kepada Asnaf Miskin adalah terdiri daripada orang miskin, penuntut miskin, bantuan biasiswa kepada penuntut miskin dan bantuan darurat dan lain-lain bantuan. Semakan Audit terhadap agihan zakat kepada asnaf ini mendapati perkara seperti berikut:

a) Bantuan Kepada Orang Miskin

Memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat, mulai tahun 2003 Jawatankuasa Zakat Negeri telah bersetuju untuk menaikkan kadar bantuan tahunan yang diberikan kepada golongan miskin daripada RM450 menjadi RM500 seorang. Pada tahun 2003, ada seramai 10,855 orang miskin di Negeri Kedah yang menerima bantuan ini.

b) Bantuan Kepada Penuntut Miskin

Pejabat Zakat Negeri Kedah telah memperuntukkan sejumlah RM2.2 juta untuk bayaran bantuan kepada penuntut miskin. Bantuan kepada penuntut miskin ini diberi melalui empat kategori seperti berikut:

- Bantuan Yuran Peperiksaan**

Bantuan ini diberikan kepada pelajar sekolah untuk membayar yuran peperiksaan seperti Penilaian Menengah Rendah, Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Menengah Rendah Agama dan lain-lain. Jumlah bantuan ini yang telah diperuntukkan pada tahun 2003 ialah RM315,000 yang melibatkan 31 buah Sekolah Agama Rakyat. Daripada jumlah ini sejumlah RM241,019 telah diagihkan iaitu berkurangan sejumlah RM73,981 daripada yang dirancang. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pada tahun 2003 sebanyak 7 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat yang dirancang untuk diberikan bantuan tersebut berjumlah RM54,000 tetapi telah tidak diberikan. Manakala 4 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat yang tidak dirancang dalam Anggaran Belanjawan 2003 telah diberi bantuan ini yang berjumlah RM42,505.

- Bantuan Penuntut Miskin**

Bantuan ini diberi kepada penuntut miskin dengan kadar RM75 seorang setahun. Pada

tahun 2003 peruntukan berjumlah RM165,000 telah diluluskan untuk diberi kepada penuntut miskin di 32 buah sekolah Agama/Madrasah. Bagaimanapun, hanya sejumlah RM92,475 sahaja telah dibayar kepada penuntut miskin. Semakan Audit mendapati 8 buah sekolah agama yang dirancang untuk diberikan bantuan ini yang dianggarkan berjumlah RM32,000 telah tidak diberikan. Manakala 2 buah sekolah agama yang tidak dimasukkan dalam Anggaran Belanjawan tahun 2003 telah diberi bantuan yang berjumlah RM6,000.

- **Bantuan Bulanan Persekolahan**

Bantuan ini diberikan kepada penuntut miskin dengan syarat ibu kepada penuntut tersebut seorang janda yang mempunyai dua orang anak yang bersekolah atau pasangan suami isteri yang mempunyai lima orang anak yang bersekolah dan tidak bekerja disebabkan kesihatan dan keuzuran. Kadar bantuan yang ditetapkan adalah RM30 sebulan bagi penuntut sekolah rendah dan RM50 sebulan bagi penuntut sekolah menengah. Mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Pejabat Jawatankuasa Zakat, bantuan ini akan dibayar selewat-lewatnya pada bulan Februari pada setiap tahun. Bantuan berjumlah RM195,400 telah diberikan kepada penuntut miskin pada tahun 2003. Semakan Audit mendapati bantuan kepada beberapa buah sekolah telah lewat diberikan. Tempoh kelewatan adalah antara satu hingga tiga bulan. Bayaran yang dibuat tidak pada setiap bulan tetapi dalam tempoh 3 bulan sekali.

Pada pendapat Audit, bagi memastikan pemberian kepada penuntut miskin mencapai sasaran yang ditetapkan, pemberian bantuan tersebut hendaklah dibuat mengikut yang dirancang.

iii) Asnaf Ibni Sabil

Bantuan ini adalah bantuan yang diberikan kepada musafir dan termasuk tambang untuk perjalanan pulang penuntut yang tamat pengajian di luar negara. Sejumlah RM300,000 telah diperuntukkan pada tahun 2003 dan daripada jumlah tersebut sejumlah RM211,921 telah diberikan bantuan ini. Semakan Audit terhadap pemberian bantuan ini mendapati ianya dibuat mengikut peraturan dan syarat yang ditetapkan oleh Pejabat.

iv) Asnaf Mualaf Dan Asnaf Algharimin

Asnaf Mualaf adalah bantuan yang diberi kepada saudara baru atau pusat bimbingan/latihannya. Sementara Asnaf Algharimin pula adalah bantuan yang diberikan kepada orang yang berhutang. Pada tahun 2003 Pejabat telah memperuntukkan sejumlah RM3 juta dan RM50,000 masing-masing bagi Asnaf Mualaf dan Algharimin. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM2.29 juta telah dibelanjakan untuk Asnaf Mualaf dan RM4,000 bagi Asnaf Algharimin. Semakan Audit terhadap pemberian bantuan ini mendapati semua pembayaran kepada asnaf ini telah dibuat dengan teratur dan mematuhi syarat yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, bantuan kepada Asnaf Ibni Sabil adalah memuaskan.

v) Asnaf Fisabilillah

Bantuan kepada Asnaf Fisabilillah ini adalah bantuan yang diberikan kepada orang atau golongan tertentu atas usaha mereka bagi meningkatkan syiar Islam di Negeri Kedah. Antara golongan yang telah diberikan bantuan ini adalah Bantuan Sekolah Agama Rakyat, Lembaga Tabung Pegawai Masjid,

Guru Agama Umumi/Kampung dan bantuan melanjutkan pelajaran ke IPT. Semakan Audit terhadap pemberian bantuan ini mendapati perkara seperti berikut:

a) Bantuan Sekolah Agama Rakyat

Pada tahun 2003, sejumlah RM350,000 telah diperuntukkan untuk diberikan bantuan ini yang melibatkan 35 buah sekolah. Semakan Audit terhadap pemberian bantuan ini mendapati kedudukan seperti berikut:

- Daripada jumlah RM350,000 peruntukan yang dirancang hanya RM145,140 telah dibelanjakan.
- Pengagihan bantuan yang dibuat kepada sekolah tidak mengikut seperti yang dirancang. Sebanyak 13 buah sekolah yang telah dirancang tidak diberikan bantuan ini. Sementara 4 buah sekolah yang tidak dimasukkan dalam anggaran telah diberikan bantuan ini yang melibatkan perbelanjaan sejumlah RM23,715. Antara sebab sekolah berkenaan tidak diberikan bantuan zakat ialah sekolah yang dimasukkan dalam senarai bantuan pada mulanya telah diambil alih oleh pengurusan Lembaga Maktab Mahmud untuk dijadikan cawangannya di setiap daerah dan sekolah Agama Rakyat telah tidak mengemukakan laporan tahunan ke Pejabat Zakat Negeri.

b) Bantuan Kepada Lembaga Tabung Pegawai Masjid

Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah telah menganggarkan bantuan sejumlah RM10,000 setiap tahun untuk diberikan kepada Lembaga Tabung Pegawai Masjid. Pemeriksaan Audit mendapati bantuan sejumlah RM10,000 telah diberikan kepada Lembaga Tabung Pegawai Masjid pada setiap tahun seperti yang dirancang.

c) Guru Agama Umumi/Kampung

Pada tahun 2003, sejumlah RM1.31 juta telah diperuntukkan bagi bayaran kepada guru agama yang mengajar di kampung, surau atau masjid. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.11 juta telah dibelanjakan. Kadar bayaran yang ditetapkan adalah mengikut bilangan tempat mengajar, tempoh masa mengajar dan bilangan murid. Semakan Audit terhadap bantuan yang diberikan mendapati bayaran yang dibuat kepada guru agama ini adalah mengikut kadar dan mematuhi syarat yang ditetapkan.

d) Bantuan Melanjutkan Pelajaran

Bantuan ini diberikan apabila seseorang pelajar telah berjaya mendapat tawaran memasuki pusat pengajian tinggi sama ada universiti dalam atau luar negeri. Bilangan penuntut yang menerima bantuan ini telah meningkat menjadi 5,000 orang pada tahun 2003 berbanding 3,000 orang pada tahun 2002. Oleh kerana kos perbelanjaan yang semakin meningkat, kadar bantuan telah dinaikkan daripada RM300 seorang menjadi RM500 seorang pada tahun 2003. Sejumlah RM3.37 juta telah diperuntukkan bagi bantuan ini pada tahun 2003 dan daripada jumlah tersebut sejumlah RM3.14 juta telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati bantuan tersebut telah disalurkan melalui Pejabat Zakat Daerah untuk diagihkan kepada penuntut yang berjaya dan bantuan yang diberikan adalah mengikut peraturan dan syarat yang ditetapkan Jabatan.

Pada pendapat Audit, bantuan kepada Asnaf Fisabilillah adalah memuaskan.

57.2.10 Kawalan Kutipan Wang Zakat

Terimaan hasil di peringkat Pejabat Zakat Negeri Kedah adalah diurus oleh Bahagian Kewangan. Bahagian ini diketuai oleh seorang

Penolong Akauntan dan dibantu oleh 5 orang Pembantu Tadbir dan seorang Pembantu Tadbir Audit Dalam. Jenis hasil yang diterima di peringkat Pejabat ini adalah daripada kutipan zakat dan juga sewa bendang dan bangunan kepunyaan Pejabat. Pada tahun 2003 sejumlah RM21.8 juta hasil telah dipungut oleh Pejabat Zakat berbanding dengan kutipan bagi tahun 2002 yang berjumlah RM18.29 juta. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan kutipan hasil ini mendapati kedudukan seperti berikut:

i) Surat Kuasa Secara Bertulis

Setiausaha Zakat Negeri Kedah selaku Pegawai Pengawal Pejabat Zakat dikehendaki memberikan surat kuasa secara bertulis kepada pegawai yang menjalankan urusan kewangan. Semakan Audit mendapati pegawai/kakitangan yang terlibat dengan urusan kewangan telah diberikan surat kuasa sepertimana yang ditetapkan oleh peraturan.

ii) Kawalan Buku Resit

Sehingga akhir bulan Oktober 2003, sebanyak 1,665 resit telah digunakan bagi memungut hasil berjumlah RM21.80 juta. Semakan Audit mendapati kawalan yang dibuat oleh Pejabat terhadap buku resit adalah memuaskan. Resit telah dikeluarkan mengikut siri dan buku resit telah diperiksa terlebih dahulu sebelum ianya digunakan. Bagaimanapun, masih ada beberapa kelemahan yang perlu diatasi seperti berikut:

- a)** Tidak ada bukti yang menunjukkan Buku Stok Resit disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi menentukan baki stok adalah sama dengan baki fizikal.
- b)** Tidak ada bukti yang menunjukkan Pegawai Penyelia atau pegawai yang diberi kuasa telah melakukan pemeriksaan terhadap Buku Stok Resit dari semasa ke semasa.
- c)** Setengah buku resit yang diterima tidak dicatatkan nombor invois, nombor pesanan dan tarikh terima ke dalam Buku Stok.

iii) Buku Tunai Hasil

Semakan Audit terhadap Buku Tunai yang disediakan oleh Pejabat bagi pungutan hasil mendapati perkara seperti berikut:

a) Tidak ada bukti yang menunjukkan Buku Tunai telah disemak oleh Pegawai Penyelia pada setiap hari bagi menentukan catatan yang dibuat adalah lengkap dan kemas kini.

b) Jumlah besar kutipan bulanan hanya dicatat dengan pensil.

iv) Penyata Bank

Mengikut peraturan, Penyata bank yang diterima hendaklah disemak dengan Buku Tunai bagi menentukan setiap kemasukan ke bank adalah bersamaan dengan catatan dalam Buku Tunai. Sekiranya ada perbezaan antara kedua rekod ini, satu penyata penyesuaian mengenainya hendaklah disediakan. Semakan Audit mendapati Buku Tunai telah diperiksa dengan penyata bank hanya setakat bulan Jun 2003.

v) Menyedia Dan Menandatangani Resit

Mengikut Arahan Perbendaharaan, pegawai yang menulis dan menandatangani resit hendaklah dibuat oleh pegawai yang berlainan. Semakan Audit di Pejabat Zakat Daerah Kulim mendapati resit ditulis dan ditandatangani oleh pegawai yang sama sedangkan ada 3 orang pegawai yang bertugas di Pejabat tersebut. Bagi mewujudkan kawalan yang lebih kemas dan mematuhi peraturan yang ditetapkan, pegawai yang menulis dan menandatangani resit hendaklah dibuat oleh kakitangan yang berlainan.

Pada pendapat Audit, sistem kawalan pungutan hasil dan penyediaan rekod di Pejabat Zakat Negeri Kedah masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Pejabat hendaklah mengambil tindakan mengatasi semua kelemahan ini.

57.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang dibuat oleh Pejabat Zakat terhadap pungutan zakat adalah dengan melalui mesyuarat, laporan dan lawatan yang dibuat oleh pegawai Pejabat Zakat Negeri Kedah. Semakan Audit terhadap perkara ini

mendapati pemantauan yang dibuat oleh Jabatan kurang memuaskan. Kedudukannya adalah seperti berikut:

57.3.1 Pemantauan Di Peringkat Ibu Pejabat

Di peringkat Pejabat Zakat Negeri, pengurusan zakat adalah dipantau oleh Jawatankuasa Kerja Zakat. Pemeriksaan Audit mendapati pemantauan yang dibuat oleh Jawatankuasa adalah kurang memuaskan. Pada tahun 2003, Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat 2 kali sahaja iaitu pada bulan Mac dan Ogos 2003.

57.3.2 Pemantauan Di Peringkat Daerah

Pemantauan di peringkat Daerah pula dijalankan oleh Pegawai Zakat Daerah terhadap Amil yang dilantik. Semakan Audit mendapati tidak ada bukti atau sebarang laporan menunjukkan pegawai Pejabat Zakat Daerah telah membuat pemantauan terhadap Amil yang dilantik.

Bagi memastikan wang pungutan zakat dapat dikawal dan dipungut dengan sempurna, kawalan yang lebih kemas hendaklah dilakukan. Adalah disyorkan mesyuarat, lawatan dan pemeriksaan secara berjadual hendaklah dibuat ke Pejabat Zakat Daerah dan Amil yang dilantik.

58. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pihak Audit mendapati pengurusan pungutan dan agihan wang zakat telah dilaksanakan dengan cekap dan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, bagi mempertingkatkan pengurusan zakat ini, beberapa kelemahan terutama dari segi penyediaan rekod dan penyeliaan seperti yang dinyatakan dalam laporan ini hendaklah diambil tindakan bagi mengatasinya.

BAHAGIAN V
PERKARA AM

59. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil dari pemeriksaan itu dilaporkan dalam bahagian ini di bawah tajuk berikut:

- i) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002.
- ii) Perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang masih belum selesai.

60. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2002

60.1 PEJABAT TANAH KULIM

Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan di Pejabat Tanah Kulim adalah tidak memuaskan. Kelemahan yang dikenal pasti terutamanya berhubung dengan kawalan hasil, perbelanjaan, akaun deposit dan pengurusan aset. Antara kelemahan yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- i) Flimsi tidak disemak dengan Buku Tunai dan penyata penyesuaian tidak dibuat.
- ii) Buku resit yang dikeluarkan untuk kegunaan tidak diperiksa terlebih dahulu.
- iii) Sebanyak 83 notis menuntut bayaran premium, hasil tanah dan bayaran lain berjumlah RM179,561 masih belum dijelaskan oleh pemohon.

- iv) Sebanyak 9 permohonan ubah syarat tanah yang telah diluluskan, pemohon belum jelas bayaran berjumlah RM1.42 juta.
- v) Buku Vot tidak diselenggarakan dengan sempurna.
- vi) Buku Vot tidak disemak dan penyata penyesuaian tidak disediakan.
- vii) Daftar Bil tidak direkod dengan lengkap dan kemas kini.
- viii) Sebanyak 308 akaun deposit berjumlah RM2.95 juta tidak diambil tindakan untuk diselesaikan seperti mengikut Arahan Perbendaharaan.
- ix) Daftar Harta Modal tidak lengkap dan kemas kini.
- x) Buku Log kenderaan tidak lengkap dan kemas kini.

Kedudukan Masa Kini

Jabatan telah mengambil tindakan terhadap perkara yang dilaporkan dalam Laporan Audit tahun 2002. Bagaimanapun, mengenai tuntutan bayaran premium, hasil tanah dan bayaran lain yang berhubung dengan permohonan tanah dan ubah syarat tanah, tindakan sedang diambil oleh Pentadbir Tanah secara berterusan.

60.2 PEJABAT DAERAH LANGKAWI

Pengurusan Kewangan

Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan kewangan di Pejabat Daerah Langkawi masih tidak memuaskan terutamanya melibatkan penyediaan rekod. Beberapa rekod kewangan seperti Daftar Harta Modal, Inventori dan Buku Log kenderaan tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

Kedudukan Masa Kini

Pihak Pejabat Daerah Langkawi telah mengambil tindakan bagi mengemaskini buku log kenderaan. Mengenai Daftar Harta Modal dan Inventori, tindakan sedang diambil bagi mengemaskinikannya.

60.3 JABATAN KERJA RAYA DAERAH LANGKAWI

Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan di Jabatan Kerja Raya Daerah Langkawi masih tidak memuaskan. Rekod kewangan seperti Buku Tunai, buku resit, Buku Vot dan Daftar Bil tidak diperiksa dan Daftar Harta Modal tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

Kedudukan Masa Kini

Pihak Jabatan telah mengambil tindakan terhadap perkara yang dilaporkan dalam Laporan Audit tahun 2002. Antaranya ialah menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Selain itu, pegawai yang menjalankan tugas kewangan telah diberi surat kuasa. Buku Tunai disemak dengan flimsi dan penyata penyesuaian disediakan. Catatan dalam Buku Vot telah disahkan dan penyata penyesuaian perbelanjaan dibuat. Daftar Harta Modal dan Inventori telah dikemas kini.

60.4 JABATAN PERHUTANAN NEGERI

Pengurusan Kewangan

Pengauditan yang dijalankan mendapati Jabatan telah melaksanakan Projek Ladang Hutan Bermutu Tinggi dengan memuaskan. Kawasan yang dirancang untuk ditanam dan dibuat rawatan silvikultur telah dilaksana mengikut jadual yang ditetapkan. Bagaimanapun, luas kawasan ladang yang dibuka adalah kurang berbanding dengan luas ladang yang dirancang disebabkan kekurangan peruntukan.

Kedudukan Masa Kini

Projek Ladang Hutan Bermutu Tinggi telah dilaksanakan dengan memuaskan oleh Jabatan. Pihak Jabatan telah berusaha untuk mendapatkan peruntukan yang mencukupi daripada Kerajaan Negeri bagi memastikan luas kawasan ladang yang dirancang dapat dilaksanakan.

60.5 JABATAN KERJA RAYA BEKALAN AIR

Projek Membaik Pulih dan Menaik Taraf Sistem Bekalan Air Di Daerah Baling

Projek bekalan air yang dilaksanakan di Daerah Baling telah dapat mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan. Jumlah penduduk yang telah mendapat bekalan air di Daerah Baling telah meningkat dari 53% sebelum projek dilaksanakan menjadi 85% selepas projek disiapkan. Selain itu, air yang dibekalkan adalah bersih dan mencapai piawaian yang ditetapkan. Kadar kehilangan air yang ditetapkan tidak dicapai sepenuhnya, tetapi ia telah dapat dikurangkan.

Kedudukan Masa Kini

Jabatan Kerja Raya Bekalan Air sedang berusaha lagi bagi memberi kemudahan bekalan air kepada penduduk di Daerah Baling. Pada masa sekarang Jabatan sedang melaksanakan Projek Naik Taraf/Bina Loji Baling/Kuala Ketil yang bernilai RM41 juta bagi tujuan menampung permintaan air bersih yang semakin meningkat disebabkan kepesatan pembangunan dan pertambahan penduduk.

60.6 MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan di Majlis Perbandaran Kulim tidak memuaskan terutamanya terhadap penyelenggaraan rekod kewangan berkaitan hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan aset. Antara kelemahan yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- i) Buku Tunai dalam bentuk Laporan Harian Terimaan tidak disemak oleh Pegawai Penyelia.
- ii) Slip bank tidak disemak oleh pegawai.
- iii) Sebanyak 3,000 buku kupon bagi pungutan tempat letak kereta disimpan di tempat terbuka.
- iv) Sebanyak 10 buah gerai mempunyai tunggakan sewa melebihi 15 bulan berjumlah RM18,796.
- v) Tanggungan yang dibuat tidak direkod dalam Buku Vot. Berlaku perbelanjaan melebihi peruntukan berjumlah RM174,872.

- vi) Baucar bayaran tidak disimpan dengan teratur mengikut nombor siri.
- vii) Daftar Bil tidak diselenggarakan.
- viii) Majlis tidak mewujudkan Kumpulan Wang Pinjaman bagi mengawal pengeluaran pinjaman khusus bagi Pendahuluan Diri/Pelbagai, Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer.
- ix) Buku Lejar Deposit Perseorangan tidak disahkan.
- x) Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- xi) Buku Log kenderaan tidak direkod dengan lengkap dan kemas kini.

Kedudukan Masa Kini

Pihak Majlis telah mengambil tindakan bagi mengemaskini rekod kewangan hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan aset seperti kehendak peraturan. Mengenai tunggakan sewa gerai, antara tindakan yang diambil oleh Majlis adalah mengadakan kutipan bergerak pada setiap awal bulan ke gerai dan mengadakan tindakan penyitaan terhadap gerai yang tertunggak melebihi 3 bulan.

60.7 INSTITUT AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan di Institut Agama Islam Negeri Kedah berhubung dengan kawalan hasil, perbelanjaan dan aset adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i) Buku Stok resit tidak disediakan.
- ii) Pemeriksaan mengejut terhadap wang hasil dan wang runcit tidak pernah dibuat.
- iii) Buku Vot tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- iv) Daftar Bil tidak diselenggarakan.
- v) Daftar Harta Modal dan Inventori tidak disediakan.
- vi) Buku Log tidak disediakan bagi mengawal penggunaan 6 buah kenderaan.

Kedudukan Masa Kini

- i) Pemeriksaan mengejut terhadap wang hasil dan wang dalam simpanan Institut masih belum dibuat.
- ii) Beberapa bil masih lewat dibayar.
- iii) Daftar Harta Modal dan Inventori masih tidak lengkap dan kemas kini.
- iv) Buku Log Kenderaan masih tidak disediakan.

60.8 YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhannya, pemeriksaan Audit mendapati pengurusan kewangan di Yayasan Islam Negeri Kedah amat memuaskan. Bagaimanapun, Yayasan hendaklah mengambil tindakan tegas dan berkesan terhadap tunggakan pinjaman yang berjumlah RM9.83 juta supaya dapat dikutip untuk diagihkan semula kepada peminjam baru.

Kedudukan Masa Kini

Pihak Yayasan Islam Negeri Kedah sedang berusaha untuk mengutip tunggakan daripada pelajar yang telah tamat pengajian.

61. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI

Semakan juga telah dibuat terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2001 dan sebelumnya bagi menentukan kelemahan yang dilaporkan telah diambil tindakan pembetulan. Kedudukan terkini adalah seperti berikut:

61.1 PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI – PROJEK PELANCONGAN GUNUNG KERIANG

Projek Pelancongan ini terdiri daripada 3 projek iaitu pembinaan Muzium Padi, calet tempat tinggal pelancong dan Perkampungan Padi Tradisional. Sejak mula dirancang dan dibangunkan pada tahun 1995, Projek Pelancongan Gunung Keriang masih belum disiapkan sepenuhnya. Pembinaan bangunan Muzium Padi bernilai RM24.8 juta hanya disiapkan

pada bulan Mei 2002 walaupun perancangan asal projek ini perlu disiapkan pada pertengahan tahun 1997. Pembinaan calet yang dianggarkan berharga RM40 juta telah terhenti dan terbengkalai sejak tahun 1998 setelah 45% kerja disiapkan sementara Projek Perkampungan Padi Tradisional belum dimulakan dan masih di peringkat perancangan.

Kedudukan Masa Kini

Muzium Padi telah dibuka kepada orang awam. Pengisian peralatan dan bahan pameran telah dibuat. Pada bulan Januari 2004 pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri telah menyerahkan Muzium Padi ini kepada pihak Muzium Negeri untuk mengurusnya. Berhubung dengan pembinaan calet yang terbengkalai dan Projek Perkampungan Padi Tradisional yang belum dimulakan, belum ada sebarang perkembangan mengenainya.

62. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107 (2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam dan aktiviti Jabatan serta Agensi Kerajaan Negeri bagi tahun 2002 telah disahkan pada 13 November 2003 dan belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

63. MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam serta aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri tahun 2001. Pada tahun 2003 Jawatankuasa telah bersidang sebanyak 10 kali dan perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa itu adalah seperti di **Jadual 70**.

Jadual 70
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri
Sepanjang Tahun 2003

| Tarikh | Perkara | Jabatan/Agenzi |
|-------------------|--|-------------------------------------|
| 30 Januari 2003 | Penerangan daripada Pengarah Audit Negeri berhubung isu semasa | - |
| 8 Mei 2003 | Taklimat daripada Pengarah Audit Negeri berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2001. | - |
| 9 Jun 2003 | Perbincangan Pengurusan Kewangan Pejabat Tanah Baling | Pejabat Tanah Baling |
| 21 Julai 2003 | Perbincangan Pengurusan Kewangan Jabatan Kerja Raya Pendang/Yan | Jabatan Kerja Raya Pendang/Yan |
| 11 Ogos 2003 | Perbincangan Projek Pembangunan dan Pengurusan Kawasan Perindustrian Bukit Selambau Majlis Perbandaran Sungai Petani | Majlis Perbandaran Sungai Petani |
| 8 September 2003 | Perbincangan Pengurusan Tanah Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Kedah | Majlis Agama Islam Negeri Kedah |
| 29 September 2003 | Perbincangan Pengurusan Tanah Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Kedah | Majlis Agama Islam Negeri Kedah |
| 2 Oktober 2003 | Perbincangan Projek Pelancongan Gunung Keriang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri | Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah |
| 16 Oktober 2003 | Perbincangan Pengurusan Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah | Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah |
| 6 November 2003 | Perbincangan Pengurusan Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah | Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah |

PENUTUP

Secara keseluruhannya ada kemajuan dalam pengurusan kewangan Kerajaan Negeri di mana tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagaimanapun, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan perlaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang terhad dan kekurangan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

**JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya
6 September 2004**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003**

Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Akaun Awam ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman pada 31 Disember 2003 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam serta aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri tahun 2003.

(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)

**Ketua Audit Negara
Malaysia.**

Putrajaya

Oktober 2004

Lampiran II

| |
|--|
| KERAJAAN NEGERI KEDAH DARULAMAN |
|--|

| LEMBARAN IMBANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2003 | | | |
|--|--------------------------|------------------|------------------|
| | Penyata | 2003 | 2002 |
| A. | ASET | RM | RM |
| A. | WANG TUNAI | 69,372,092.48 | 69,811,351.60 |
| B. | PELABURAN | 90,560,000.00 | 90,560,000.00 |
| | | 159,932,092.48 | 160,371,351.60 |
| JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI : | | | |
| C. | AKAUN HASIL DISATUKAN | (140,690,801.31) | (120,604,722.63) |
| D. | AKAUN AMANAH DISATUKAN | 273,830,499.76 | 256,593,928.05 |
| E. | AKAUN PINJAMAN DISATUKAN | 26,792,394.03 | 24,382,146.18 |
| | | 159,932,092.48 | 160,371,351.60 |

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata-penyata yang dikembangkan

Haji Che Pee bin Samsudin
BENDAHARI
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Dato' Hj. Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah
DSDK. , BMS. , AMK. , BCK.
PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ALOR STAR
Tarikh: 22. 5. 2004

NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PENYATA AKAUN MEMORANDUM
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2003

| PENYATA | 2003 | 2002 |
|----------------------------|------------------|------------------|
| | RM | RM |
| ASET | | |
| C3 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT | 223,095,843.29 | 228,902,648.11 |
| F1 PELABURAN | 29,000,004.00 | 29,000,004.00 |
| TANGGUNGAN | | |
| E2 PENYATA HUTANG | 1,590,327,885.00 | 1,450,724,732.07 |

Haji Che Pee bin Shamsudin
BENDAHARI
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Dato' Hj. Syed Unan Mashri Bin Syed Abdullah
DSDK. ,BMS. ,AMK. , BCK.
PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

| KERAJAAN NEGERI KEDAH | | | | | |
|--|------------------------|------------------------|-----------------|------------------------|-----------------|
| C PENYATA AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2003 | | | | | |
| Perihal | 2003 | | 2002 | | |
| | Belanjawan RM | Sebenar RM | Belanjawan % | Sebenar RM | Belanjawan % |
| BAKI PADA 1 JANUARI | | (120,604,722.63) | | (109,214,538.43) | |
| C1 HASIL | | | | | |
| Hasil Cukai | 128,318,530.00 | 89,154,720.68 | 69.48 | 91,868,346.32 | 78.88 |
| Hasil Bukan Cukai | 27,886,496.00 | 39,724,667.34 | 142.45 | 37,500,994.50 | 130.50 |
| Terimaan Bukan Hasil | 145,665,624.00 | 115,231,775.37 | 79.11 | 104,308,846.19 | 60.73 |
| Jumlah Hasil | 301,870,650.00 | 244,111,163.39 | 80.87 | 233,678,187.01 | 73.73 |
| C2 PERBELANJAAN MENGURUS | | | | | |
| Emolumen | 131,132,665.00 | 112,795,850.74 | 86.02 | 116,006,184.05 | 87.47 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 61,205,571.00 | 61,307,968.03 | 100.17 | 47,562,161.15 | 89.80 |
| Aset | 16,866,915.00 | 13,767,238.67 | 81.62 | 8,946,939.21 | 76.68 |
| Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap | 127,517,151.00 | 76,034,310.96 | 59.63 | 71,576,865.33 | 46.06 |
| Perbelanjaan Lain | 6,382,530.00 | 291,873.67 | 4.57 | 976,221.47 | 16.17 |
| Jumlah Perbelanjaan Mengurus | 343,104,832.00 | 264,197,242.07 | 77.00 | 245,068,371.21 | 68.32 |
| Lebihan/(kurangan) bagi Tahun (C1-C2) | (41,234,182.00) | (20,086,078.68) | 48.71 | (11,390,184.20) | 27.28 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | | (140,690,801.31) | | (120,604,722.63) | |

Lampiran III

**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan
Agenzi Kerajaan Negeri Sehingga 31 Julai 2004**

| Bil. | Nama Agensi | Tahun Penyata Kewangan | | | Bilangan Penyata Belum Terima |
|------|---|------------------------|-------------------|-----------------|--|
| | | Telah Disah | Sedang Diaudit | Belum Terima | |
| | (A) Badan Berkanun Negeri | | | | |
| 1. | Lembaga Biasiswa Negeri Kedah | 2002 | - | 2003 | 1 |
| 2. | Lembaga Kesihatan Negeri Kedah | 2002 | - | 2003 | 1 |
| 3. | Lembaga Maktab Mahmud | 2002 | 2003 | - | - |
| 4. | Lembaga Muzium Negeri Kedah | 2003 | - | - | - |
| 5. | Majlis Sukan Negeri Kedah | 2002 | 2003 | - | - |
| 6. | Perbadanan Perpustakaan Negeri Kedah | 2002 | - | 2003 | 1 |
| 7. | Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah | 2002 | - | 2003 | 1 |
| 8. | Institut Agama Islam Negeri Kedah | 2002 | - | 2003 | 1 |
| 9. | Yayasan Islam Negeri Kedah | 1997 | 1998-2001 | 2002 & 2003 | 2 |
| 10. | Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah | 2001 | 2002 & 2003 | - | - |
| 11. | Majlis Agama Islam Negeri Kedah | 2002 | 2003 | - | - |
| 12. | Lembaga Tabung Pegawai-pegawai Masjid Negeri Kedah. | 2002 | - | 2003 | 1 |
| | (B) Pihak Berkuasa Tempatan | | | | |
| | Majlis Perbandaran | | | | |
| 1. | Kota Star | 2002 | 2003 | - | - |
| 2. | Sungai Petani | 2002 | 2003 | - | - |
| 3. | Kulim | 2002 | 2003 | - | - |
| 4. | Langkawi | 2002 | 2003 | - | - |
| | Majlis Daerah | | | | |
| 5. | Bandar Baharu | 2003 | - | - | - |
| 6. | Baling | 2002 | 2003 | - | - |
| 7. | Kubang Pasu | 2002 | 2003 | - | - |
| 8. | Padang Terap | 2003 | - | - | - |
| 9. | Pendang | 2002 | 2003 | - | - |
| 10. | Sik | 2002 | 2003 | - | - |
| 11. | Yan | 2002 | 2003 | - | - |